JUZU' KE-20

SURAH AL-QASAS

SURAH KE

28

سُورَةُ الْقَصَصِ

SURAH AL-QASAS

Surah Kisah-kisah

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

88

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 43)

طسٓمٓ ۝١

تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُبِينِ ۝٢

نَتْلُوا۟ عَلَيْكَ مِن نَّبَإِ مُوسَىٰ وَفِرْعَوْنَ بِٱلْحَقِّ
لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ۝٣

إِنَّ فِرْعَوْنَ عَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَجَعَلَ أَهْلَهَا شِيَعًا
يَسْتَضْعِفُ طَآئِفَةً مِّنْهُمْ يُذَبِّحُ أَبْنَآءَهُمْ وَيَسْتَحْىِۦ
نِسَآءَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلْمُفْسِدِينَ ۝٤

وَنُرِيدُ أَن نَّمُنَّ عَلَى ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ
وَنَجْعَلَهُمْ أَئِمَّةً وَنَجْعَلَهُمُ ٱلْوَٰرِثِينَ ۝٥

وَنُمَكِّنَ لَهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ وَنُرِىَ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ
وَجُنُودَهُمَا مِنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَحْذَرُونَ ۝٦

وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰٓ أُمِّ مُوسَىٰٓ أَنْ أَرْضِعِيهِ ۖ فَإِذَا خِفْتِ
عَلَيْهِ فَأَلْقِيهِ فِى ٱلْيَمِّ وَلَا تَخَافِى وَلَا تَحْزَنِىٓ ۖ
إِنَّا رَآدُّوهُ إِلَيْكِ وَجَاعِلُوهُ مِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ۝٧

فَٱلْتَقَطَهُۥٓ ءَالُ فِرْعَوْنَ لِيَكُونَ لَهُمْ عَدُوًّا
وَحَزَنًا ۗ إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا۟
خَٰطِـِٔينَ ۝٨

وَقَالَتِ ٱمْرَأَتُ فِرْعَوْنَ قُرَّتُ عَيْنٍ لِّى وَلَكَ ۖ لَا
تَقْتُلُوهُ عَسَىٰٓ أَن يَنفَعَنَآ أَوْ نَتَّخِذَهُۥ وَلَدًا وَهُمْ
لَا يَشْعُرُونَ ۝٩

وَأَصْبَحَ فُؤَادُ أُمِّ مُوسَىٰ فَٰرِغًا ۖ إِن كَادَتْ لَتُبْدِى
بِهِۦ لَوْلَآ أَن رَّبَطْنَا عَلَىٰ قَلْبِهَا لِتَكُونَ مِنَ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ۝١٠

"Taa, Siin, Miim(1). Itulah ayat-ayat kitab suci Al-Qur'an yang amat jelas(2). Kami bacakan kepadamu sebahagian dari cerita Musa dan Fir'aun dengan benar untuk golongan orang-orang yang beriman(3). Sesungguhnya Fir'aun telah bermaharajalela di bumi dan menjadikan penduduknya berpecahbelah kepada berbagai-bagai puak. Dia menindaskan segolongan mereka dengan menyembelih anak-anak lelaki mereka dan hanya membiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup. Sesungguhnya dia adalah dari golongan manusia perosak(4). Dan Kami hendak memberi limpah kurnia Kami kepada orang-orang yang tertindas di bumi dan hendak menjadikan mereka pemimpin-pemimpin, juga menjadikan mereka para pewaris(5). Dan Kami mahu memantapkan kedudukan mereka di bumi dan Kami mahu menunjukkan kepada Fir'aun dan Haman serta bala tentera duaka akibat yang ditakuti mereka(6). Dan Kami ilhamkan kepada ibu Musa: Susukanlah dia, dan jika engkau takutkan keselamatannya, maka hanyutkannya di dalam sungai dan janganlah engkau takut dan jangan pula bersedih hati kerana sesungguhnya Kami akan memulangkannya ke pangkuanmu kembali dan melantikkannya sebagai salah seorang dari para rasul(7). Lalu dia dipungut keluarga Fir'aun supaya menjadi musuh kepada mereka dan (punca) kedukacitaan (mereka). Sesungguhnya Fir'aun dan Haman serta bala tentera duaka adalah orang-orang yang bersalah(8). Dan berkatalah isteri Fir'aun: Dia menjadi cahaya mata kepada adinda dan kepada kekanda. Janganlah kamu bunuh dia. Semoga dia berguna kepada kita atau kita ambil dia sebagai anak angkat, sedangkan mereka tidak menyedari (akibatnya)(9). Dan hati ibu Musa telah menjadi kosong, dan dia hampir-hampir membuka rahsianya sekiranya tidak Kami teguhkan hatinya supaya dia termasuk dalam golongan para Mu'minin."(10).

وَقَالَتْ لِأُخْتِهِۦ قُصِّيهِ ۖ فَبَصُرَتْ بِهِۦ عَن جُنُبٍ
وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ۝١١

وَحَرَّمۡنَا عَلَيۡهِ ٱلۡمَرَاضِعَ مِن قَبۡلُ فَقَالَتۡ هَلۡ أَدُلُّكُمۡ عَلَىٰٓ أَهۡلِ بَيۡتٖ يَكۡفُلُونَهُۥ لَكُمۡ وَهُمۡ لَهُۥ نَٰصِحُونَ ١٢

فَرَدَدۡنَٰهُ إِلَىٰٓ أُمِّهِۦ كَيۡ تَقَرَّ عَيۡنُهَا وَلَا تَحۡزَنَ وَلِتَعۡلَمَ أَنَّ وَعۡدَ ٱللَّهِ حَقّٞ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَهُمۡ لَا يَعۡلَمُونَ ١٣

وَلَمَّا بَلَغَ أَشُدَّهُۥ وَٱسۡتَوَىٰٓ ءَاتَيۡنَٰهُ حُكۡمٗا وَعِلۡمٗاۚ وَكَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلۡمُحۡسِنِينَ ١٤

وَدَخَلَ ٱلۡمَدِينَةَ عَلَىٰ حِينِ غَفۡلَةٖ مِّنۡ أَهۡلِهَا فَوَجَدَ فِيهَا رَجُلَيۡنِ يَقۡتَتِلَانِ هَٰذَا مِن شِيعَتِهِۦ وَهَٰذَا مِنۡ عَدُوِّهِۦۖ فَٱسۡتَغَٰثَهُ ٱلَّذِي مِن شِيعَتِهِۦ عَلَى ٱلَّذِي مِنۡ عَدُوِّهِۦ فَوَكَزَهُۥ مُوسَىٰ فَقَضَىٰ عَلَيۡهِۖ قَالَ هَٰذَا مِنۡ عَمَلِ ٱلشَّيۡطَٰنِۖ إِنَّهُۥ عَدُوّٞ مُّضِلّٞ مُّبِينٞ ١٥

قَالَ رَبِّ إِنِّي ظَلَمۡتُ نَفۡسِي فَٱغۡفِرۡ لِي فَغَفَرَ لَهُۥٓۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلۡغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ١٦

قَالَ رَبِّ بِمَآ أَنۡعَمۡتَ عَلَيَّ فَلَنۡ أَكُونَ ظَهِيرٗا لِّلۡمُجۡرِمِينَ ١٧

فَأَصۡبَحَ فِي ٱلۡمَدِينَةِ خَآئِفٗا يَتَرَقَّبُ فَإِذَا ٱلَّذِي ٱسۡتَنصَرَهُۥ بِٱلۡأَمۡسِ يَسۡتَصۡرِخُهُۥۚ قَالَ لَهُۥ مُوسَىٰٓ إِنَّكَ لَغَوِيّٞ مُّبِينٞ ١٨

فَلَمَّآ أَنۡ أَرَادَ أَن يَبۡطِشَ بِٱلَّذِي هُوَ عَدُوّٞ لَّهُمَا قَالَ يَٰمُوسَىٰٓ أَتُرِيدُ أَن تَقۡتُلَنِي كَمَا قَتَلۡتَ نَفۡسَۢا بِٱلۡأَمۡسِۖ إِن تُرِيدُ إِلَّآ أَن تَكُونَ جَبَّارٗا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَا تُرِيدُ أَن تَكُونَ مِنَ ٱلۡمُصۡلِحِينَ ١٩

وَجَآءَ رَجُلٞ مِّنۡ أَقۡصَا ٱلۡمَدِينَةِ يَسۡعَىٰ قَالَ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّ ٱلۡمَلَأَ يَأۡتَمِرُونَ بِكَ لِيَقۡتُلُوكَ فَٱخۡرُجۡ إِنِّي لَكَ مِنَ ٱلنَّٰصِحِينَ ٢٠

فَخَرَجَ مِنۡهَا خَآئِفٗا يَتَرَقَّبُۖ قَالَ رَبِّ نَجِّنِي مِنَ ٱلۡقَوۡمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ٢١

"Dan berkatalah (ibu Musa) kepada saudara perempuan (Musa): Ikutilah dia! Lalu dia pun melihatnya dari jauh, sedangkan mereka tidak sedar(11). Dan Kami telah mencegahkannya (Musa) dari menyusui penyusu-penyusu yang lain sebelum itu. Lalu berkatalah saudara perempuan Musa: Mahukah kamu saya tunjukkan kepada kamu satu keluarga yang dapat memeliharakannya untuk kamu dan mereka adalah orang-orang yang jujur terhadapnya(12). Lalu Kami kembalikannya (Musa) ke pangkuan ibunya supaya hatinya senang dan tidak berdukacita dan supaya dia mengetahui bahawa janji Allah itu benar, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui(13). Dan apabila dia sampai kepada usianya yang paling kuat dan matang, Kami kurniakan-Nya kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan, dan demikianlah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin(14). Dan dia (Musa) masuk ke dalam kota itu ketika penduduknya berada dalam keadaan leka dan dia dapati di sana ada dua orang lelaki sedang berkelahi, seorang dari golongan puaknya (Bani Israel) dan seorang lagi dari golongan musuhnya, lalu orang yang dari golongan puaknya meminta pertolongan darinya untuk mengalahkan orang yang dari golongan musuhnya, maka Musa pun menumbuknya dan terus mati, lalu berkatalah Musa: Ini adalah perbuatan syaitan. Sesungguhnya dia adalah musuh penyesat yang amat jelas(15). Dia (Musa) berdo'a: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menzalimkan diriku sendiri. Oleh itu ampunkanku, lalu Allah mengampunkannya. Sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih(16). Dia berdo'a lagi: Wahai Tuhanku! Demi ni'mat yang telah Engkau kurniakan kepadaku, maka aku tidak akan menjadi penolong kepada orang-orang yang bersalah(17). Kerana itu dia (Musa) berada di bandar itu dalam ketakutan menunggu-nunggu (akibat perbuatannya), tiba-tiba orang yang meminta pertolongannya kelmarin meminta pula pertolongannya, lalu Musa berkata kepadanya: Sesungguhnya engkau adalah seorang sesat yang amat nyata(18). Apabila Musa hendak menumbuk orang yang menjadi musuh duaka, maka orang itu pun berkata: Wahai Musa! Adakah engkau mahu membunuh aku pula sebagaimana engkau telah membunuh seorang manusia kelmarin? Engkau hanya hendak menjadi seorang yang bermaharajalela di negeri (ini) dan bukannya hendak menjadi dari mereka yang mengusahakan perdamaian (19). Dan datanglah seorang lelaki dari hujung kota itu berjalan dengan tergesa-gesa lalu berkata: Wahai Musa! Sesungguhnya para pembesar negeri sedang berunding tentang engkau untuk membunuh engkau. Oleh itu keluarlah (dari kota ini) sesungguhnya aku dari orang-orang yang memberi nasihat kepadamu(20). Lalu Musa pun keluar dari bandar itu dengan keadaan takut dan menunggu-nunggu (tindakan musuhnya) sambil berdo'a: Wahai Tuhanku! Selamatkanku dari kaum yang zalim."(21).

وَلَمَّا تَوَجَّهَ تِلۡقَآءَ مَدۡيَنَ قَالَ عَسَىٰ رَبِّيٓ أَن يَهۡدِيَنِي سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ٢٢

وَلَمَّا وَرَدَ مَآءَ مَدۡيَنَ وَجَدَ عَلَيۡهِ أُمَّةٗ مِّنَ ٱلنَّاسِ يَسۡقُونَ وَوَجَدَ مِن دُونِهِمُ ٱمۡرَأَتَيۡنِ تَذُودَانِۖ قَالَ مَا خَطۡبُكُمَاۖ قَالَتَا لَا نَسۡقِي حَتَّىٰ يُصۡدِرَ ٱلرِّعَآءُۖ وَأَبُونَا شَيۡخٞ كَبِيرٞ ﴿٢٣﴾

فَسَقَىٰ لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّىٰٓ إِلَى ٱلظِّلِّ فَقَالَ رَبِّ إِنِّي لِمَآ أَنزَلۡتَ إِلَيَّ مِنۡ خَيۡرٖ فَقِيرٞ ﴿٢٤﴾

فَجَآءَتۡهُ إِحۡدَىٰهُمَا تَمۡشِي عَلَى ٱسۡتِحۡيَآءٖ قَالَتۡ إِنَّ أَبِي يَدۡعُوكَ لِيَجۡزِيَكَ أَجۡرَ مَا سَقَيۡتَ لَنَاۚ فَلَمَّا جَآءَهُۥ وَقَصَّ عَلَيۡهِ ٱلۡقَصَصَ قَالَ لَا تَخَفۡۖ نَجَوۡتَ مِنَ ٱلۡقَوۡمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٥﴾

قَالَتۡ إِحۡدَىٰهُمَا يَٰٓأَبَتِ ٱسۡتَـٔۡجِرۡهُۖ إِنَّ خَيۡرَ مَنِ ٱسۡتَـٔۡجَرۡتَ ٱلۡقَوِيُّ ٱلۡأَمِينُ ﴿٢٦﴾

قَالَ إِنِّيٓ أُرِيدُ أَنۡ أُنكِحَكَ إِحۡدَى ٱبۡنَتَيَّ هَٰتَيۡنِ عَلَىٰٓ أَن تَأۡجُرَنِي ثَمَٰنِيَ حِجَجٖۖ فَإِنۡ أَتۡمَمۡتَ عَشۡرٗا فَمِنۡ عِندِكَۖ وَمَآ أُرِيدُ أَنۡ أَشُقَّ عَلَيۡكَۚ سَتَجِدُنِيٓ إِن شَآءَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٢٧﴾

قَالَ ذَٰلِكَ بَيۡنِي وَبَيۡنَكَۖ أَيَّمَا ٱلۡأَجَلَيۡنِ قَضَيۡتُ فَلَا عُدۡوَٰنَ عَلَيَّۖ وَٱللَّهُ عَلَىٰ مَا نَقُولُ وَكِيلٞ ﴿٢٨﴾

فَلَمَّا قَضَىٰ مُوسَى ٱلۡأَجَلَ وَسَارَ بِأَهۡلِهِۦٓ ءَانَسَ مِن جَانِبِ ٱلطُّورِ نَارٗاۖ قَالَ لِأَهۡلِهِ ٱمۡكُثُوٓاْ إِنِّيٓ ءَانَسۡتُ نَارٗا لَّعَلِّيٓ ءَاتِيكُم مِّنۡهَا بِخَبَرٍ أَوۡ جَذۡوَةٖ مِّنَ ٱلنَّارِ لَعَلَّكُمۡ تَصۡطَلُونَ ﴿٢٩﴾

فَلَمَّآ أَتَىٰهَا نُودِيَ مِن شَٰطِيِٕ ٱلۡوَادِ ٱلۡأَيۡمَنِ فِي ٱلۡبُقۡعَةِ ٱلۡمُبَٰرَكَةِ مِنَ ٱلشَّجَرَةِ أَن يَٰمُوسَىٰٓ إِنِّيٓ أَنَا ٱللَّهُ رَبُّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٣٠﴾

وَأَنۡ أَلۡقِ عَصَاكَۚ فَلَمَّا رَءَاهَا تَهۡتَزُّ كَأَنَّهَا جَآنّٞ وَلَّىٰ مُدۡبِرٗا وَلَمۡ يُعَقِّبۡۚ يَٰمُوسَىٰٓ أَقۡبِلۡ وَلَا تَخَفۡۖ إِنَّكَ مِنَ ٱلۡأٓمِنِينَ ﴿٣١﴾

ٱسۡلُكۡ يَدَكَ فِي جَيۡبِكَ تَخۡرُجۡ بَيۡضَآءَ مِنۡ غَيۡرِ سُوٓءٖ وَٱضۡمُمۡ إِلَيۡكَ جَنَاحَكَ مِنَ ٱلرَّهۡبِۖ فَذَٰنِكَ بُرۡهَٰنَانِ مِن رَّبِّكَ إِلَىٰ فِرۡعَوۡنَ وَمَلَإِيْهِۦٓۚ إِنَّهُمۡ كَانُواْ قَوۡمٗا فَٰسِقِينَ ﴿٣٢﴾

"Dan apabila dia menuju ke arah negeri Madyan, dia berdo'a: Semoga Allah memimpinku ke jalan yang betul(22). Apabila dia sampai di perigi negeri Madyan dia dapati di sana sekumpulan orang sedang memberi minum (kepada ternakan mereka) dan dia dapati selain dari mereka dua orang perempuan sedang menahan (ternakan mereka), lalu dia pun bertanya: Apa hal kamu berdua? Jawab mereka berdua: Kami tidak dapat memberi minum (ternakan kami) sehingga pengembala-pengembala itu selesai membawa balik (ternakan mereka), sedangkan bapa kami sangat tua(23). Lalu Musa memberi minum (ternakan) keduanya, kemudian dia berundur ke tempat yang teduh dan berdo'a: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku amat memerlukan apa sahaja kebajikan yang engkau turunkan kepadaku(24). Lalu datanglah salah seorang dari dua wanita tadi berjalan dengan sopan santun dan berkata: Sesungguhnya bapa saya menjemput anda untuk membalas kebaikan anda memberi minum kepada ternakan kami. Apabila Musa datang menemui bapanya dan menceritakan kepadanya segala cerita (mengenai dirinya) diapun berkata: Janganlah engkau takut, kerana engkau telah pun selamat dari kaum yang zalim itu(25). Berkatalah salah seorang dari duaka: Wahai bapaku! Ambillah dia sebagai pekerja (kita), kerana sesungguhnya sebaik-baik orang yang patut bapa mengambilnya sebagai pekerja ialah orang yang kuat dan beramanah (26). Berkatalah (bapanya): Sesungguhnya aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang dari dua anak perempuanku ini dengan syarat engkau bekerja dengan aku selama lapan tahun, dan jika engkau cukupkan sepuluh tahun, maka itu adalah kemurahan darimu, dan aku sekali-kali tidak mahu memberatkanmu. Dan engkau Insya'Allah akan dapatiku dari golongan orang-orang yang baik(27). Jawab (Musa): Itulah perjanjian di antara saya dan anda dan mana-mana sahaja dari dua tempoh kerja itu saya tunaikan, maka hendaknya tidak ada apa-apa tuntutan yang lain lagi ke atas saya, dan Allah jua yang menjadi saksi di atas apa yang kita katakan ini(28). Apabila Musa

menyelesaikan tempoh kerjanya dan berangkat bersama keluarganya, maka dia nampak api di pinggir Bukit Tur lalu dia pun berkata kepada keluarganya: Berhentilah di sini, sesungguhnya aku nampak api. Semoga dari sana aku dapat membawa sesuatu berita kepada kamu atau sepotong api supaya kamu dapat berdiang(29). Apabila Musa datang ke tempat api itu, dia pun diseru dari (arah) pinggir lembah sebelah kanannya di tempat yang diberkati (Allah) iaitu dari arah pokok itu. Wahai Musa! Sesungguhnya Akulah Allah Tuhan semesta alam(30). Dan campakkanlah tongkatmu, dan apabila Musa melihat tongkat itu bergerak seolah-olah seekor ular kecil yang lincah, dia pun terus berpaling melarikan diri tanpa menoleh ke belakang lagi (lalu dia diseru): Wahai Musa! Datanglah ke mari dan janganlah takut, sesungguhnya engkau dari golongan orang-orang yang mendapat keamanan(31). Masukkanlah sayapmu (tanganmu) ke dalam belahan dadamu nescaya ia keluar putih bersinar-sinar tanpa apa-apa penyakit dan dakapkanlah kedua sayapmu (tanganmu) ke dadamu untuk menghilangkan perasaan takut. Itulah dua mu'jizat dari Tuhanmu (untuk dihadapkan) kepada Fir'aun dan para pembesarnya, kerana sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang fasiq."(32).

قَالَ رَبِّ إِنِّي قَتَلْتُ مِنْهُمْ نَفْسًا فَأَخَافُ أَن يَقْتُلُونِ ٣٣
وَأَخِي هَٰرُونُ هُوَ أَفْصَحُ مِنِّي لِسَانًا فَأَرْسِلْهُ مَعِيَ
رِدْءًا يُصَدِّقُنِيٓ إِنِّيٓ أَخَافُ أَن يُكَذِّبُونِ ٣٤
قَالَ سَنَشُدُّ عَضُدَكَ بِأَخِيكَ وَنَجْعَلُ لَكُمَا
سُلْطَٰنًا فَلَا يَصِلُونَ إِلَيْكُمَا بِـَٔايَٰتِنَآ أَنتُمَا وَمَنِ
ٱتَّبَعَكُمَا ٱلْغَٰلِبُونَ ٣٥
فَلَمَّا جَآءَهُم مُّوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَا بَيِّنَٰتٍ قَالُوا۟ مَا هَٰذَآ
إِلَّا سِحْرٌ مُّفْتَرًى وَمَا سَمِعْنَا بِهَٰذَا فِيٓ ءَابَآئِنَا
ٱلْأَوَّلِينَ ٣٦
وَقَالَ مُوسَىٰ رَبِّيٓ أَعْلَمُ بِمَن جَآءَ بِٱلْهُدَىٰ مِنْ
عِندِهِۦ وَمَن تَكُونُ لَهُۥ عَٰقِبَةُ ٱلدَّارِ إِنَّهُۥ لَا
يُفْلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ ٣٧
وَقَالَ فِرْعَوْنُ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمَلَأُ مَا عَلِمْتُ لَكُم
مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرِى فَأَوْقِدْ لِى يَٰهَٰمَٰنُ عَلَى ٱلطِّينِ
فَٱجْعَل لِّى صَرْحًا لَّعَلِّىٓ أَطَّلِعُ إِلَىٰٓ إِلَٰهِ مُوسَىٰ

وَإِنِّى لَأَظُنُّهُۥ مِنَ ٱلْكَٰذِبِينَ ٣٨
وَٱسْتَكْبَرَ هُوَ وَجُنُودُهُۥ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ
ٱلْحَقِّ وَظَنُّوٓا۟ أَنَّهُمْ إِلَيْنَا لَا يُرْجَعُونَ ٣٩
فَأَخَذْنَٰهُ وَجُنُودَهُۥ فَنَبَذْنَٰهُمْ فِى ٱلْيَمِّ فَٱنظُرْ كَيْفَ
كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ ٤٠
وَجَعَلْنَٰهُمْ أَئِمَّةً يَدْعُونَ إِلَى ٱلنَّارِ وَيَوْمَ
ٱلْقِيَٰمَةِ لَا يُنصَرُونَ ٤١
وَأَتْبَعْنَٰهُمْ فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا لَعْنَةً وَيَوْمَ
ٱلْقِيَٰمَةِ هُم مِّنَ ٱلْمَقْبُوحِينَ ٤٢
وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ مِنۢ بَعْدِ مَآ
أَهْلَكْنَا ٱلْقُرُونَ ٱلْأُولَىٰ بَصَآئِرَ لِلنَّاسِ وَهُدًى
وَرَحْمَةً لَّعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ٤٣

"Musa berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah membunuh seorang dari mereka, maka kerana itu aku takut mereka akan membunuhku(33). Dan saudaraku Harun itu lebih fasih lidahnya dariku. Oleh itu utuskan dia bersamaku sebagai penyokong yang membenarkan (hujah-hujahku). Sesungguhnya aku takut mereka mendustakanku(34). Allah berfirman: Kami akan menguatkan tenagamu dengan saudaramu dan Kami akan memberi kekuasaan kepada kamu, maka kerana itu (tindakan jahat) mereka tidak sampai kepada kamu. Dengan kekuatan mu'jizat-mu'jizat Kami, kamu dan pengikut-pengikut kamu akan mendapat kemenangan (35). Apabila Musa datang menemui mereka dengan membawa mu'jizat-mu'jizat Kami mereka pun berkata: Ini tiada lain melainkan hanya perbuatan sihir yang dibuat-buat sahaja dan kami tidak pernah dengar perkara ini berlaku di dalam kalangan datuk nenek kami di zaman dahulu(36). Dan Musa menjawab: Tuhanku lebih mengetahui siapakah yang membawa hidayat dari sisi-Nya dan siapakah yang akan mendapat akibat yang baik di negeri Akhirat? Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak memperolehi keberuntungan(37). Dan berkatalah Fir'aun: Wahai sekalian pembesar! Aku tidak mengetahui bahawa kamu mempunyai tuhan yang lain dariku. Oleh itu wahai Haman! Bakarlah untukku tanah liat kemudian binakan untukku satu bangunan yang tinggi supaya aku dapat naik melihat Tuhan Musa dan sesungguhnya aku fikir dia itu dari golongan para pendusta(38). Dan Fir'aun dan bala tenteranya telah berlagak angkuh di bumi (Mesir) tanpa sebab yang benar dan mereka telah menyangka bahawa mereka tidak akan dikembalikan kepada Kami(39). Lalu Kami ambil Fir'aun dan bala tenteranya dan Kami buangkan mereka ke dalam lautan. Oleh itu lihatlah bagaimana akibat orang-orang yang zalim(40). Dan Kami telah jadikan mereka para pemimpin yang menyeru (pengikut-pengikut mereka)

ke Neraka dan pada hari Qiamat nanti mereka tidak akan diberi pertolongan(41). Dan Kami iringkan laknat ke atas mereka di dunia ini dan pada hari Qiamat kelak mereka adalah dari mereka yang diburuk-burukkan(42). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kitab (Taurat) kepada Musa setelah Kami binasakan umat-umat yang dahulu untuk menjadi penyuluh mata hati manusia, juga menjadi hidayat dan rahmat supaya mereka mengambil pengajaran."(43).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini diturunkan di Makkah. Ia diturun ketika kaum Muslimin di Makkah merupakan satu golongan kecil yang lemah, sedangkan kaum Musyrikin merupakan golongan yang memiliki kekuatan, pangkat kebesaran dan kekuasaan. Ia diturun untuk meletakkan neraca yang haqiqi bagi kekuatan-kekuatan dan nilai-nilai. Ia diturun untuk menjelaskan bahawa di sana hanya terdapat satu kekuatan sahaja di alam buana ini, iaitu kekuatan Allah dan di sana hanya terdapat satu nilai sahaja di alam buana ini iaitu nilai keimanan. Oleh itu barang siapa yang disokong kekuatan Allah, maka tiada apa-apa ketakutan yang harus dibimbanginya walaupun dia tidak mempunyai sebarang gejala kekuatan, dan barang siapa yang ditentang kekuatan Allah, maka tiada lagi keamanan dan ketenteraman untuknya walaupun dia dibantu oleh segala kekuatan yang lain, dan barang siapa yang memiliki nilai keimanan bererti ia telah memiliki seluruh kebaikan, dan barang siapa yang tidak memiliki nilai keimanan, maka tiada suatu apa pun yang berguna kepadanya.

Justeru itu intisari surah ini ditegakkan di atas kisah Musa dan Fir'aun pada awalnya, dan di atas kisah Qarun dan kaum Musa pada akhirnya. Kisah yang pertama menayangkan kekuatan pemerintahan, iaitu kekuatan Serimaharaja Fir'aun yang zalim, angkuh, waspada dan hati-hati yang ditentang Musa seorang bayi yang masih menyusu, yang tidak mempunyai daya dan kekuatan dan tidak mempunyai tempat perlindungan. Serimaharaja Fir'aun telah berlagak angkuh di bumi Mesir dan telah memecahbelahkan penduduknya kepada berbagai-bagai golongan dan menindas Bani Israel dengan membunuh bayi-bayi lelaki mereka dan hanya membiarkan bayi perempuan mereka sahaja yang hidup. Baginda begitu hati-hati terhadap gerak-geri mereka dan mengawal mereka dengan ketat, tetapi kekuatan, kezaliman dan kewaspadaan baginda tidak memberi apa-apa faedah kepadanya, malah tidak membolehkannya untuk menguasai Musa seorang bayi yang kecil, yang tidak mempunyai sebarang kekuatan dan daya tenaga. Beliau berada di dalam jagaan kekuatan Allah yang haqiqi dan tunggal yang memelihara beliau dengan sebaik-baiknya dan menolak dari beliau segala sesuatu yang jahat dan merbahaya. Kekuatan Ilahi inilah yang membutakan mata perisik-perisik Fir'aun dari melihat Musa. Kekuatan inilah yang mencabar Fir'aun dan bala tenteranya dengan cabaran yang terbuka. Kekuatan inilah yang menyerah Musa ke pangkuan Fir'aun atau memasukkannya ke Istana Fir'aun, malah kekuatan inilah yang membuat hati permaisuri Fir'aun terpikat kasih kepada Musa, sedangkan Fir'aun tidak dapat berbuat apa-apa terhadap beliau, kerana Musa sentiasa terpelihara dari segala gangguan dan beliau dapat menghindari apa yang ditakutinya dengan dirinya sendiri.

Kisah yang kedua mendedahkan nilai harta kekayaan dan di sampingnya ialah nilai ilmu pengetahuan, iaitu harta kekayaan Qarun yang mempesonakan orang ramai apabila dia keluar menemui mereka dengan pakaiannya yang indah. Mereka semua tahu bahawa Qarun dikurniakan harta kekayaan yang amat banyak hingga anak-anak kunci gedung-gedung kekayaannya sahaja tidak dapat dipikul oleh sekumpulan lelaki yang gagah, juga ilmu pengetahuan yang dibangga-banggakan oleh Qarun. Dia mengira bahawa dengan sebab dan dengan perantaraan ilmu pengetahuannya dia dikurniakan kekayaan yang amat banyak itu. Tetapi orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan yang betul dari kalangan kaumnya tidak terpesona dengan harta kekayaan yang banyak. Mereka juga tidak terpesona dengan pakaian-pakaiannya yang cantik, malah mereka lebih ingin mendapat pahala dari Allah kerana mereka tahu pahala itu lebih baik dan lebih kekal. Kemudian qudrat Allah campurtangan menjadikan Qarun dan istananya di telan bumi. Harta kekayaan dan ilmu pengetahuannya tidak dapat memberi apa-apa pertolongan kepadanya. Qudrat Allah telah bertindak campurtangan secara langsung dan terbuka sebagaimana ia telah bertindak campurtangan dalam urusan Fir'aun, lalu menghumbankannya dan bala tenteranya ke dalam laut dan dia termasuk dalam golongan mereka yang mati lemas.

Fir'aun telah bertindak zalim terhadap Bani Israel dan menggunakan kuasa pemerintahannya dengan sewenang-wenang. Qarun juga telah melakukan penganiayaan terhadap mereka dan bermaharajalela menggunakan kuasa ilmu pengetahuan dan harta kekayaannya. Akibat yang diterima oleh kedua-duanya juga satu. Yang ini ditelan bumi bersama-sama dengan istananya, dan yang itu ditelan lautan bersama-sama bala tenteranya sedangkan di sana tidak ada kuasa dari kuasa-kuasa bumi yang bangkit menentang kuasa maharajalela dan kezaliman itu, kerana itu qudrat Allah bertindak campurtangan secara terbuka untuk membendung kezaliman dan kerosakan ketika kuasa manusia tidak berupaya untuk menentang kezaliman dan kerosakan itu.

Kisah Fir'aun dan kisah Qarun ini telah membuktikan iaitu apabila kejahatan dan kerosakan itu bermaharajalela dan apabila kebaikan itu menjadi begitu lemah dan tidak berupaya, apabila penindasan dengan kuasa dan dengan harta kekayaan itu begitu digeruni manusia, maka pada masa inilah qudrat Allah bertindak campurtangan dan mencabar secara terbuka tanpa berselindung di sebalik makhluk dan tanpa bersebabkan dengan mana-mana kekuatan

bumi untuk membendung kejahatan dan kerosakan itu.[1]

Di antara dua kisah ini, Al-Qur'an membawa kaum Musyrikin meninjau di dalam beberapa penjelajahan untuk memperlihatkan kepada mereka maksud-maksud dari kisah-kisah yang disebut di dalam Surah al-Qasas ini dan untuk membuka mata mereka supaya melihat bukti-bukti kekuasaan Allah yang bertaburan, sekali di dalam pemandanga-pemandangan alam buana, sekali pula di dalam peristiwa-peristiwa kebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang dahulu kala dan sekali lagi di dalam pemandangan-pemandangan Qiamat, dan semuanya menguatkan pengajaran-pengajaran dan contoh teladan yang dapat diambil dari kisah-kisah itu dan semuanya selaras dengan kisah-kisah itu, juga semuanya menguatkan adanya Sunnatullah yang tidak pernah mungkir dan tidak pernah berubah di sepanjang zaman. Kaum Musyrikin pernah berkata kepada Rasulullah s.a.w.:

وَقَالُوٓاْ إِن نَّتَّبِعِ ٱلۡهُدَىٰ مَعَكَ نُتَخَطَّفۡ مِنۡ أَرۡضِنَآۚ

"Dan mereka berkata: Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami."(57)

Yakni mereka menguzurkan diri dari mengikut hidayat dengan alasan mereka takut diusir dan dirampas oleh orang lain jika mereka meninggalkan 'aqidah agama mereka yang lama itu, kerana dengan 'aqidah inilah orang-orang Arab yang lain tunduk kepada mereka, memuliakan Baitil-Haram dan menta'ati mereka yang menjaga urusannya.

Justeru itu Allah menceritakan kepada mereka di dalam surah ini kisah Musa dan Fir'aun untuk menunjukkan kepada mereka di manakah keamanan dan di manakah ketakutan yang sebenar dan untuk mengajar mereka bahawa keamanan yang sebenar hanya wujud di dalam perdampingan dengan Allah walaupun tidak terdapat segala punca keamanan yang lahir yang diakui manusia, dan bahawa ketakutan itu adalah wujud apabila manusia berjauhan dari perdampingan dengan Allah walaupun di sana terdapat berbagai-bagai punca keamanan yang lahir yang diakui manusia. Allah juga telah menceritakan kepada mereka kisah Qarun yang menjelas dan menguatkan hakikat ini di dalam sebuah gambaran yang lain.

Perkataan mereka telah dijawab oleh Allah:

أَوَلَمۡ نُمَكِّن لَّهُمۡ حَرَمًا ءَامِنٗا يُجۡبَىٰٓ إِلَيۡهِ ثَمَرَٰتُ كُلِّ شَيۡءٖ رِّزۡقٗا مِّن لَّدُنَّا وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَهُمۡ لَا يَعۡلَمُونَ ٥٧

"Bukankah Kami memberikan mereka kedudukan yang teguh di tanah suci yang aman, di mana segala macam buah-buahan dibawa kepadanya sebagai rezeki dari kurniaan Kami, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui?"(57)

Yakni Allah mengingatkan mereka bahawa Dialah yang mengamankan mereka dari ketakutan, dan Dialah yang telah menjadikan untuk mereka tanah suci yang aman damai ini, dan Dialah juga yang berkuasa mengekalkan keamanan itu untuk mereka atau menghapuskannya dari mereka. Kemudian Allah terus memberi amaran kepada mereka terhadap akibat dari sikap mereka yang angkuh dan tidak bersyukur:

وَكَمۡ أَهۡلَكۡنَا مِن قَرۡيَةِۭ بَطِرَتۡ مَعِيشَتَهَاۖ فَتِلۡكَ مَسَٰكِنُهُمۡ لَمۡ تُسۡكَن مِّنۢ بَعۡدِهِمۡ إِلَّا قَلِيلٗاۖ وَكُنَّا نَحۡنُ ٱلۡوَٰرِثِينَ ٥٨

"Berapa banyak penduduk negeri-negeri yang angkuh di dalam kehidupannya telah Kami binasakannya. Itulah tempat-tempat kediaman mereka yang masih belum lagi didiami orang selepas mereka melainkan sedikit sahaja, dan Kamilah yang menjadi para pewarisnya."(58)

Kemudian Allah menakutkan mereka terhadap akibat kekafiran mereka setelah dia memaafkan mereka dan mengutuskan Rasul kepada mereka, kerana menurut Sunnatullah yang telah berjalan sebelum ini ialah setiap kaum yang mendustakan ajaran yang benar akan dibinasakan Allah setelah diutuskan Rasul kepada mereka:

وَمَا كَانَ رَبُّكَ مُهۡلِكَ ٱلۡقُرَىٰ حَتَّىٰ يَبۡعَثَ فِيٓ أُمِّهَا رَسُولٗا يَتۡلُواْ عَلَيۡهِمۡ ءَايَٰتِنَاۚ وَمَا كُنَّا مُهۡلِكِي

---

[1] *Sebelum ini saya telah berkata dalam tafsir Surah Taha juzu' yang keenam belas: "Sewaktu Bani Israel membayar cukai kehinaan kepada Fir'aun yang telah membunuh anak-anak lelaki mereka dan mengekalkan anak-anak perempuan mereka, qudrat Allah tidak bertindak campurtangan untuk mengaturkan peperangan dengan Fir'aun, kerana mereka hanya membayar cukai ini semata-mata kerana lemah dan takut sahaja, tetapi apabila orang-orang yang beriman kepada Musa itu sanggup mengisytiharkan keimanan yang tersemat di dalam hati mereka dan bersedia untuk menanggung penyeksaan yakni apabila mereka sanggup mengumumkan keimanan mereka dengan suara yang lantang dan dengan kepala yang terangkat dan sanggup menentang Fir'aun tanpa teragak-agak, tanpa merasa keberatan dan tanpa hendak menghindari penyeksaan, maka pada masa inilah qudrat Allah bertindak campurtangan untuk mengendalikan peperangan dan mengisytiharkan kemenangan yang telah dicapai sebelum ini di dalam alam roh dan hati". Apa yang saya katakan di sini adalah lebih betul berdasarkan penerangan kisah di dalam surah ini walaupun apa yang saya telah katakan di dalam Surah Taha itu mempunyai tempatnya dengan mengubahkan ibaratnya sahaja, kerana qudrat Allah itu telah bertindak campurtangan dari awal lagi untuk mengendalikan peperangan itu, tetapi kemenangan akhir tidak terlaksana melainkan setelah orang-orang yang beriman kepada kerasulan Musa itu sanggup mengisytiharkan keimanan yang tersemat di dalam hati mereka dan mengumumkan kalimat yang benar di hadapan kuasa Fir'aun yang zalim dan angkuh itu.*

ٱلْقُرَىٰٓ إِلَّا وَأَهْلُهَا ظَٰلِمُونَ ﴿٥٩﴾

"Dan Tuhanmu tidak pernah membinasakan negeri-negeri sehingga Dia bangkitkan di ibu kotanya seorang Rasul yang membaca kepada mereka ayat-ayat Kami, dan Kami tidak pernah membinasakan negeri-negeri melainkan apabila penduduk-penduduknya melakukan kezaliman."(59)

Kemudian Allah menayangkan kepada mereka pemandangan keadaan mereka pada hari Qiamat, di mana para sekutu mereka telah berlepas tangan dari mereka di hadapan khalayak yang ramai. Dengan ini Dia memperlihat-kan azab Akhirat kepada mereka setelah mengingatkan mereka terhadap azab seksa di dunia dan setelah mengajar mereka di manakah ketakutan yang sebenar dan di manakah keamanan yang sebenar.

Kemudian surah ini berakhir dengan sebuah janji dari Allah kepada Rasul-Nya yang mulia ketika beliau diusir keluar dari Makkah dan diburu oleh kaum Musyrikin, iaitu (Dia menyatakan kepada beliau) bahawa Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an kepada beliau supaya melaksanakan tugas-tugasnya itu pasti akan mengembalikan beliau semula ke negerinya dan pasti akan menolongnya untuk menewaskan 'aqidah syirik dan penganut-penganutnya. Allah telah mengurniakan kepada beliau ni'mat kerasulan yang tidak pernah diimpikan olehnya dan Allah akan mengurniakan pula kepada beliau ni'mat kemenangan dan pulang semula ke negerinya, di mana beliau telah diusir keluar darinya oleh kaum Musyrikin. Beliau akan pulang dengan aman, pulang sebagai orang yang menang dan mendapat sokongan yang kuat. Di dalam kisah-kisah yang tersebut di dalam surah ini juga terdapat contoh-contoh yang menjamin dan menguatkan janji itu, kerana Nabi Musa a.s. juga telah selamat kembali semula ke negeri Mesir, di mana beliau keluar melarikan diri darinya kerana takut dan diburu. Beliau telah dapat kembali semula ke Mesir dan dapat mengeluarkan Bani Israel dari negeri itu bersama beliau dan menyelamatkan mereka. Sementara Fir'aun dan bala tenteranya telah binasa di tangan Musa dan kaumnya yang selamat.

Janji ini diakhiri dan bersamanya diakhiri juga surah ini dengan nada kenyataan yang akhir:

"Dan janganlah engkau sembah di samping Allah sebarang tuhan yang lain. Tiada Tuhan melainkan Dia. Segala sesuatu adalah binasa belaka kecuali Wajhullah, Dialah yang memiliki (teraju) keputusan dan kepada Dialah kamu kelak dikembali."(88)

Inilah maudhu' surah ini, suasana-suasana dan bayangan-bayangan umumnya sekarang marilah kita hurai-kan keempat-empat bahagiannya satu persatu iaitu kisah Musa dan ulasannya, kisah Qarun dan janji yang akhir ini.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 6)

Surah ini dimulakan dengan huruf-huruf potongan:

"Taa, Siin, Miim(1). Itulah ayat-ayat kitab suci Al-Qur'an yang amat jelas."(2)

Surah ini dimulakan dengan huruf-huruf ini untuk menongatkan bahawa dari huruf-huruf inilah digubahkan ayat-ayat Al-Qur'an yang amat jelas, yang amat tinggi darjatnya dan amat jauh bezanya dengan karangan-karangan yang biasa digubahkan dengan huruf-huruf ini dalam bahasa pengungkapan manusia yang fana: **"Itulah ayat-ayat kitab suci Al-Qur'an yang amat jelas."**

Kitab suci Al-Qur'an yang amat jelas ini bukannya dari ciptaan dan gubahan manusia kerana mereka tidak berupaya menggubahkannya, malah Al-Qur'an ini adalah wahyu yang dibacakan Allah kepada hamba kesayangan-Nya. Pada Al-Qur'an inilah dapat dilihat dengan jelas gubahan Allah yang melemahkan manusia sebagaimana dapat dilihat dengan jelas ciri kebenarannya yang telah membezakan gubahan Allah ini dalam (segala kenyataannya) besar dan kecil:

نَتْلُوا۟ عَلَيْكَ مِن نَّبَإِ مُوسَىٰ وَفِرْعَوْنَ بِٱلْحَقِّ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٣﴾

"Kami bacakan kepadamu sebahagian dari cerita Musa dan Fir'aun dengan benar untuk golongan orang-orang yang beriman."(3)

Kitab suci Al-Qur'an ini adalah ditujukan Allah kepada orang-orang yang beriman, kerana dengan kitab inilah Allah mendidik dan membangunkan mereka, menggaris dan membuka jalan hidup mereka. Semua kisah-kisah yang dibacakan di dalam surah ini adalah ditujukan kepada orang-orang yang beriman, kerana merekalah orang-orang yang dapat mengambil manfa'at darinya.

Pembacaan secara langsung dari Allah ini membayang-kan betapa besarnya 'inayah dan perhatian Allah terhadap kaum Mu'minin, juga menyedarkan mereka terhadap nilai dan darjat mereka yang besar, tinggi dan luhur. Bagaimana tidak? Sedangkan Allah yang Maha Besar sendiri membaca kitab suci Al-Qur'an kepada Rasul-Nya kerana mereka. Sifat mereka sebagai kaum Mu'minin itulah yang melayakkan mereka menerima 'inayah Allah yang limpah itu. (Inilah maksud ungkapan) **"untuk orang-orang yang beriman."**

Selepas kata pembukaan ini, Al-Qur'an terus memulakan pembentangan cerita Musa dan Fir'aun. Dari awal cerita lagi ia membentangkan babak kelahiran Musa dan ini tidak pernah dibuat di dalam mana-mana surah yang lain dari berbagai-bagai surah yang menyebut kisah Musa. Ini disebabkan kerana cerita babak pertama kisah Musa dan suasana-suasana kejam di masa kelahirannya, juga kedudukannya di masa bayi yang tidak mempunyai sebarang kekuatan dan daya upaya dan kedudukan kaumnya yang lemah dan hina-dina di tangan Fir'aun itulah yang menjadi matlamat utama surah ini. Cerita inilah yang mendedahkan bagaimana qudrat Allah bertindak campurtangan membuat cabaran yang terbuka dan bertindak sendirian sahaja tanpa berselindung di sebalik manusia untuk menghentam kezaliman dan kemaharajalelaan dengan hentamannya secara langsung ketika manusia tidak berupaya untuk menghentamkannya dan untuk menolong golongan orang-orang yang lemah, yang tidak mempunyai kekuatan dan daya upaya, dan seterusnya untuk memantapkan kedudukan golongan yang terseksa yang selama ini tidak mempunyai daya upaya dan sebarang perlindungan. Inilah pengertian yang perlu disematkan di dalam hati golongan Muslimin yang kecil dan lemah di negeri Makkah, dan inilah pengertian yang perlu diketahui dan diyakini kaum Musyrikin yang ramai, zalim dan bermaharajalela itu.

Pembentangan Kisah Musa

Di dalam surah-surah yang lain kisah Nabi Musa a.s. biasanya dimulakan dari babak menjadi Rasul bukannya dari babak masa kelahirannya, iaitu dimulakan ketika keimanan yang kuat menentang kezaliman, kemudian pada akhirnya keimanan mendapat kemenangan dan kezaliman mendapat kekalahan, tetapi pengertian ini tidaklah dimaksudkan di sini, malah apa yang hendak diterangkan di sini ialah apabila kejahatan itu telah bermaharajalela, maka ia sendiri membawa sebab yang akan membinasakannya, dan apabila kezaliman itu bertindak sewenang-wenang, maka ia tidak memerlukan kepada manusia untuk menentangnya, malah qudrat Allah akan bertindak campurtangan menolong golongan yang lemah dan tercabul itu serta menyelamatkan mereka dan menyelamatkan sifat-sifat yang baik yang ada pada mereka, juga mendidik mereka dan menjadikan mereka para pemimpin dan para pewaris.

Inilah tujuan dibentangkan kisah Musa di dalam surah ini. Oleh sebab itulah kisah Musa itu dibentangkan dari babak yang menyampaikan kepada tujuan ini. Cara penceritaan sesuatu kisah di dalam Al-Qur'an adalah ditundukkan kepada tujuan yang dimaksudkan dengan penceritaan itu, kerana kisah itu merupakan alat untuk mendidik jiwa manusia dan merupakan sarana untuk menjelaskan konsep-konsep, hakikat-hakikat dan dasar-dasar pokok. Kisah itu selaras dengan penerangan ayat yang membentangkannya. Ia bekerjasama membina hati manusia dan membina hakikat-hakikat yang menghidupkan hati itu.

Babak-babak kisah Nabi Musa a.s. yang dibentangkan di sini ialah babak kelahiran beliau dan suasana-suasana kejam yang menyelubungi kelahirannya, juga cara pemeliharaan dan 'inayah Allah yang menemani kelahirannya, dan babak zaman mudanya dan ni'mat-ni'mat kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan yang dikurniakan Allah kepada beliau, juga peristiwa pergaduhan, di mana beliau telah membunuh seorang Qibti dan bagaimana Fir'aun dan kuncu-kuncunya merancangkan pakatan untuk membunuhnya, dan bagaimana beliau melarikan diri dari negeri Mesir ke negeri Madyan, di mana beliau mendirikan rumahtangga dan bekerja bertahun-tahun lamanya, dan babak beliau diseru Allah dan, ditugas menjadi Rasul dan bagaimana beliau menentang Fir'aun dan kuncu-kuncunya dan bagaimana mereka mendustakan beliau dan saudaranya Harun, dan akibat yang akhir ialah mereka telah mati lemas di dalam laut. Demikianlah ringkasan sepintas lalu.

Al-Qur'an telah memanjangkan penceritaannya semasa membentangkan babak yang pertama dan babak yang kedua. Kedua-duanya merupakan dua babak yang baru di dalam kisah Musa di dalam surah ini kerana kedua-dua babak inilah yang mendedahkan bagaimana qudrat Allah telah mencabar Fir'aun yang zalim itu secara terbuka, dan di sini nampak jelas kelemahan kekuatan Fir'aun, tipu dayanya dan sikapnya yang hati-hati untuk menolak qadha', dan qadar Ilahi terhadapnya:

وَنُرِيَ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ وَجُنُودَهُمَا مِنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَحْذَرُونَ ۝٦

"Dan Kami mahu menunjukkan kepada Fir'aun dan Haman serta bala tentera duaka akibat yang ditakuti mereka."(6)

Mengikut cara Al-Qur'an dalam membentangkan kisah Musa, ia telah membahagikannya kepada beberapa pemandangan dan mengadakan di antara pemandangan-pemandangan itu ruang-ruang kosong yang seni untuk dipenuhi sendiri oleh daya imaginasi pembaca, dengan ini pembaca tidak terluput sedikit pun dari peristiwa-peristiwa dan pemandangan-pemandangan yang ditinggal di antara pemandangan-pemandangan itu, di samping dapat meni'mati harakat daya imaginasi mereka yang hidup.

Babak pertama ditayangkan di dalam lima pemandangan, dan babak yang kedua di dalam sembilan pemandangan, dan babak yang ketiga di dalam empat pemandangan. Di antara satu babak ke satu babak terdapat ruang kosong yang besar atau kecil, begitu juga di antara satu pemandangan ke satu pemandangan dilabuh dan diangkatkan tirai untuk menutup suatu pemandangan atau adegan.

Sebelum Al-Qur'an memulakan kisah Musa itu, ia lebih dahulu melukiskan gambaran suasana tempat berlakunya peristiwa-peristiwa dan kisah-kisah itu. Ia

juga mendedahkan tujuan yang tersembunyi di sebalik peristiwa-peristiwa itu, iaitu tujuan yang kerananya dibentangkan kisah-kisah itu. Ini adalah salah satu cara dari cara-cara Al-Qur'an dalam membentangkan kisah yang sesuai dengan maudhu' dan matlamat-matlamatnya di tempat ini di dalam Al-Qur'an:

إِنَّ فِرۡعَوۡنَ عَلَا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَجَعَلَ أَهۡلَهَا شِيَعٗا يَسۡتَضۡعِفُ طَآئِفَةٗ مِّنۡهُمۡ يُذَبِّحُ أَبۡنَآءَهُمۡ وَيَسۡتَحۡيِۦ نِسَآءَهُمۡۚ إِنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ٤ وَنُرِيدُ أَن نَّمُنَّ عَلَى ٱلَّذِينَ ٱسۡتُضۡعِفُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَنَجۡعَلَهُمۡ أَئِمَّةٗ وَنَجۡعَلَهُمُ ٱلۡوَٰرِثِينَ ٥ وَنُمَكِّنَ لَهُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَنُرِيَ فِرۡعَوۡنَ وَهَٰمَٰنَ وَجُنُودَهُمَا مِنۡهُم مَّا كَانُواْ يَحۡذَرُونَ ٦

"Sesungguhnya Fir'aun telah bermaharajalela di bumi dan menjadikan penduduknya berpecahbelah kepada berbagai-bagai puak. Dia menindaskan segolongan mereka dengan menyembelih anak-anak lelaki mereka dan hanya membiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup. Sesungguhnya dia adalah dari golongan manusia perosak(4). Dan Kami hendak memberi limpah kurnia Kami kepada orang-orang yang tertindas di bumi dan hendak menjadikan mereka pemimpin-pemimpin, juga menjadikan mereka para pewaris(5). Dan Kami mahu memantapkan kedudukan mereka di bumi dan Kami mahu menunjukkan kepada Fir'aun dan Haman serta bala tentera duaka akibat yang ditakuti mereka."(6)

Demikianlah Al-Qur'an menggambarkan panggung peristiwa-peristiwa itu dan mendedahkan tangan qudrat Ilahi yang mengarahkan peristiwa-peristiwa itu di samping mendedahkan tujuan yang dikehendaki-Nya. Pendedahan tangan qudrat Ilahi dengan jelas tanpa sebarang tadbir sejak detik pertama itu memanglah diatur di dalam penayangan seluruh kisah ini dan memanglah sesuai dengan matlamatnya yang paling nyata. Oleh sebab itulah kisah ini dimulakan seperti ini. Inilah salah satu dari keindahan penyampaian Al-Qur'an yang amat mengkagumkan itu.

Tidaklah diketahui secara pasti siapakah Fir'aun yang berlaku peristiwa-peristiwa ini di zamannya. Penentuan tarikh itu bukanlah menjadi salah satu dari matlamat kisah-kisah Al-Qur'an, dan ia juga tidak menambahkan apa-apa kepada maksud kisah itu. Bagi kita cukuplah dengan mengetahui bahawa zaman Fir'aun ini berlangsung selepas zaman Nabi Yusuf a.s. yang telah menjemput ayahandanya dan saudara-saudaranya (tinggal di Mesir). Ayahanda beliau ialah Nabi Ya'kub a.s. Dialah yang digelarkan "Israel", dan mereka sekalian adalah dari zuriat keturunannya. Mereka membiak begitu ramai di negeri Mesir hingga menjadi satu bangsa yang besar.

Kewujudan Bani Israel Merupakan Ancaman Kepada Kerajaan Fir'aun

Fir'aun yang zalim itu telah bermaharajalela di negeri Mesir. Dia berlagak sombong dan sewenang-wenang. Dia telah memecahbelahkan penduduk Mesir kepada berbagai-bagai puak. Setiap puak ditugas menjalankan satu urusan dari urusan-urusan baginda. Penindasan dan kezaliman yang paling dahsyat telah dilakukan baginda ke atas Bani Israel kerana mereka mempunyai 'aqidah yang berlainan dari 'aqidah Fir'aun dan kaumnya. Mereka menganut agama moyang mereka Nabi Ibrahim a.s. dan agama bapa mereka Nabi Ya'kub a.s. Walau bagaimanapun kerosakan dan penyelewengan yang telah menimpa 'aqidah mereka, namun 'aqidah mereka masih kekal dengan dasar kepercayaan kepada Tuhan Yang Tunggal dan menolak ketuhanan Fir'aun dan kepercayaan paganisme yang dianut Fir'aun.

Fir'aun yang zalim itu merasa bahawa di sana ada ancaman yang mengancam keselamatan singgahsana dan kerajaannya. Ancaman itu timbul dengan sebab adanya puak Bani Israel di negeri Mesir. Baginda tidak berupaya untuk mengusir mereka kerana mereka merupakan satu kaum yang besar, yang berjumlah ratusan ribu. Mereka mungkin menjadi, musuhnya jika mereka berpakat dengan negeri-negeri jiran yang selalu berperang dengan kerajaan Fir'aun itu. Oleh sebab itulah baginda merancangkan satu cara yang ganas dan jahat untuk menghapuskan ancaman bahaya dari kaum Bani Israel yang tidak menyembahnya dan tidak pula mempercayai ketuhanannya. Cara itu ialah memaksa kaum Bani Israel melakukan kerja-kerja yang berat dan sukar, menghina dan menyeksakan mereka dengan berbagai-bagai keseksaan dan selepas itu membunuh bayi-bayi lelaki mereka ketika dilahirkan ke dunia dan hanya bayi-bayi perempuan sahaja yang dibenarkan hidup supaya bilangan lelaki mereka tidak bertambah ramai. Akibatnya kekuatan mereka akan menjadi lemah dengan sebab kurangnya bilangan lelaki dan bertambahnya bilangan perempuan di samping penindasan dan penderaan yang dilakukan ke atas mereka.

Fir'aun Membunuh Bayi-bayi Lelaki Bani Israel

Menurut cerita, Fir'aun telah menyerahkan perempuan-perempuan Bani Israel yang hamil kepada bidan-bidan yang akan menyampaikan berita kelahiran anak-anak mereka kepada baginda supaya anak-anak lelaki mereka dapat dibunuh dengan segera, iaitu sebaik sahaja mereka dilahirkan ke dunia mengikut perancangannya yang ganas dan jahat, yang sama sekali tidak menaruh belas kasihan terhadap kanak-kanak yang tidak berdosa dan bersalah itu.

Inilah suasana-suasana, di mana berlakunya kisah Nabi Musa a.s. ketika beliau dilahirkan ke dunia ini sebagaimana diceritakan di dalam surah ini:

وَنُرِيدُ أَن نَّمُنَّ عَلَى ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَنَجْعَلَهُمْ أَئِمَّةً وَنَجْعَلَهُمُ ٱلْوَٰرِثِينَ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya Fir'aun telah bermaharajalela di bumi dan menjadikan penduduknya berpecahbelah kepada berbagai-bagai puak. Dia menindaskan segolongan mereka dengan menyembelihkan anak-anak lelaki mereka dan hanya membiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup. Sesungguhnya dia adalah dari golongan manusia perosak."(4)

Tetapi apa yang dikehendaki Allah berlainan dari kehendak Fir'aun, dan apa yang diatur Allah tidak sama dengan apa yang diaturkan maharaja yang zalim itu. Pemerintah-pemerintah yang zalim dan bermaharajalela itu selalu tertipu dengan kekuatan, kekuasaan dan tipu helah mereka hingga mereka lupakan kehendak dan taqdir Allah. Mereka fikir mereka bebas memilih apa sahaja yang mereka suka untuk diri mereka dan untuk musuh-musuh mereka. Mereka fikir mereka berkuasa membuat itu dan ini.

Di sini Allah mengumumkan iradat-Nya dan mendedahkan tadbir-Nya, serta mencabar Fir'aun, Haman dan bala tentera keduanya bahawa semua langkah berjaga-jaga mereka tidak berguna sedikitpun kepada mereka:

"Dan Kami hendak memberi limpah kurnia Kami kepada orang-orang yang tertindas di bumi dan hendak menjadikan mereka pemimpin-pemimpin, juga menjadi-kan mereka para pewaris."(5)

Golongan Bani Isarel yang lemah telah diperlakukan oleh Fir'aun yang zalim dengan sewenang-wenang mengikut hawa nafsunya yang keji, anak-anak lelaki mereka di bunuh dan hanya anak-anak perempuan mereka sahaja yang dibenarkan hidup. Mereka diazab dengan berbagai-bagai penindasan dan penyeksaan, namun demikian, baginda merasa takut dan bimbang terhadap mereka, kerana mereka mungkin mengancam keselamatan dirinya dan kerajaannya. Oleh kerana itu baginda mengadakan perisik-perisik dan mata-mata gelap untuk mengintip mereka. Baginda sentiasa mengesan kelahiran anak-anak lelaki mereka untuk diserahkan kepada mata pisau tukang sembelih. Tetapi golongan yang lemah inilah yang dikehendaki Allah untuk dikurniakan ni'mat-ni'mat pemberian-Nya yang tidak terbatas, untuk menjadikan mereka pemimpin-pemimpin bukannya hamba-hamba dan pak turut-pak turut, untuk menjadikan mereka pewaris negeri yang diberkat Allah (negeri ini telah dikurniakan kepada mereka setelah mereka menunjukkan keimanan dan kelayakan yang mewajarkan mereka mewarisinya) dan untuk memantapkan kedudukan mereka supaya mereka kuat, teguh dan aman tenteram dan untuk merealisasikan apa yang ditakuti dan dibimbangi Fir'aun, Haman dan bala tentera keduanya tanpa disedari mereka.

Demikianlah pengumuman yang dibuat oleh ayat ini sebelum ia memulakan cerita Musa itu sendiri. Ia mengumumkan apa yang berlaku di alam kenyataan dan apa yang telah direncanakan Allah pada masa depan supaya kedua-dua kekuatan itu berdepan satu sama lain, iaitu kekuatan Fir'aun yang angkuh, yang dipandang begitu gagah oleh manusia dan kekuatan Allah yang haqiqi dan agung, di mana segala kekuatan zahir yang menggerunkan manusia akan roboh dan tumbang.

Dengan pengumuman ini ia melukiskan pentas kisah Musa itu sebelum ia mula menayangkannya. Ini membuat hati begitu tertarik dengan peristiwa-peristiwanya dan dengan perkembangan-perkembangan yang akan mengakhiri kisah ini dan bagaimana kisah itu akan sampai kepada penghabisan yang telah diumumkannya sebelum dimulakan kisah itu.

Justeru itu kisah Musa ini begitu hidup seolah-olah ia ditayangkan buat kali yang pertama, kerana kisah ini adalah sebuah kisah yang sedang ditayangkan babak-babaknya bukannya sebuah hikayat yang telah berlalu di dalam sejarah. Inilah keistimewaan cara penyampaian Al-Qur'an pada umumnya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 13)

Kemudian kisah itu pun dimulakan. Cabaran Allah juga turut dimulakan dan qudrat Ilahi kelihatan bertindak campurtangan secara terbuka tanpa berlindung di sebalik tadbir.

Nabi Musa a.s. telah dilahirkan di dalam suasana-suasana kejam yang telah dilukiskan oleh Al-Qur'an sebelum dimulakan kisah ini. Beliau dilahirkan di dalam kepungan bahaya ancaman maut sedang menoleh kepadanya dan mata pisau sedang dihulur ke atas lehernya untuk memenggal kepalanya.

Kini ibu beliau sedang mengelamun dalam keadaan bingung. Dia tidak tahu bagaimana dia harus lakukan terhadap anaknya. Dia takut dan bimbang terhadap keselamatannya. Dia takut berita kelahirannya akan sampai kepada para pertanda. Dia merasa menggigil jika kepala anaknya dipenggal pisau. Kini dia sedang memeluk anaknya yang kecil dengan hati yang cemas. Dia merasa begitu lemah untuk melindunginya dan begitu lemah untuk menyembunyikannya. Dia tidak mampu untuk menahan suara semulajadi anaknya supaya tidak diketahui orang dan dia tidak mampu mengajar sesuatu helah dan cara menyelamatkan diri kepada anaknya. Kini ibunya terpisah sendirian, begitu lemah, malang dan miskin.

Di sinilah qudrat Ilahi bertindak campurtangan. Dia menghubungi si ibu yang cemas, gelisah dan takut dan mengilhamkan ke dalam hatinya langkah-langkah dan cara-cara bertindak yang harus dilakukannya:

Ibu Musa Diilhamkan Allah Bertindak Segera

وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰٓ أُمِّ مُوسَىٰٓ أَنْ أَرْضِعِيهِ ۖ فَإِذَا خِفْتِ عَلَيْهِ فَأَلْقِيهِ فِى ٱلْيَمِّ وَلَا تَخَافِى وَلَا تَحْزَنِىٓ ۖ إِنَّا رَآدُّوهُ إِلَيْكِ وَجَاعِلُوهُ مِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٧﴾

"Dan Kami ilhamkan kepada ibu Musa: Susukanlah dia, dan jika engkau takutkan keselamatannya, maka hanyutkannya di dalam sungai dan janganlah engkau takut dan jangan pula bersedih hati kerana sesungguhnya Kami akan memulangkannya ke pangkuanmu kembali dan melantikkannya sebagai salah seorang dari para rasul.".(7)

Yakni wahai bonda Musa, susukannya! Jika engkau bimbangkan keselamatannya, sedangkan dia berada dalam pelukan dan jagaanmu, sedangkan tetekmu berada di dalam mulutnya dan sedangkan dia dibawah pandanganmu. jika engkau bimbangkan keselamatannya, maka **"hanyutnya ke dalam sungai."**

"Dan janganlah engkau takut dan janganlah pula bersedih hati" kerana anakmu berada di sini; di dalam sungai di bawah pengawasan qudrat Allah yang aman, di mana tidak harus timbul sebarang kebimbangan, kerana tidak ada ketakutan yang akan menghampiri kawasan perlindungan-Nya. Itulah qudrat yang telah menjadikan api (yang membakar Ibrahim) itu sejuk dan sentosa dan menjadikan laut (kepada Yunus) sebagai tempat perlindungan dan tempat tidur. Itulah qudrat yang membuat Fir'aun yang zalim dan bermaharajalela itu tidak berani mendekati kawasan perlindungan-Nya yang aman dan kukuh teguh.

"Sesungguhnya Kami akan memulangkan ke pangkuanmu kembali". Oleh itu engkau tidak perlu bimbang terhadap keselamatan hidupnya dan tidak perlu bersedih kerana berjauhan darinya, dan Kami akan **"Melantikkannya sebagai salah seorang dari para rasul".** Itulah berita baik untuk masa depannya dan janji Allah itu adalah amat benar.

Inilah pemandangan pertama kisah Musa, iaitu pemandangan bondanya yang sedang berada dalam keadaan cemas, gelisah dan sedih menerima perintah Ilahi yang mententeramkan hatinya di samping menyampaikan berita gembira yang meyakin dan menyenangkan fikirannya. Perintah Ilahi itu turun ke dalam hatinya yang resah membawa perasaan yang sejuk dan sentosa. Al-Qur'an tidak menceritakan bagaimana bonda Musa menerima perintah Allah dan bagaimana cara dia melaksanakan perintah itu, malah terus dilabuhkan tirai kemudian diangkat kembali dan tiba-tiba kita berdepan dengan pemandangan yang kedua:

Musa Menjadi Anak Angkat Fir'aun

فَٱلْتَقَطَهُۥٓ ءَالُ فِرْعَوْنَ لِيَكُونَ لَهُمْ عَدُوًّا وَحَزَنًا ۗ إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا۟ خَٰطِـِٔينَ ﴿٨﴾

"Lalu dia dipungut keluarga Fir'aun supaya menjadi musuh kepada mereka dan (punca) kedukacitaan (mereka). Sesungguhnya Fir'aun dan Haman serta bala tentera duaka adalah orang-orang yang bersalah."(8)

Inikah keamanan yang dikurniakan Ilahi? Inikah janji Ilahi? Inikah berita gembira yang disampaikan Ilahi?

Bukankah si ibu yang malang ini takut kepada keluarga Fir'aun? Bukankah dia bimbangkan rahsia anaknya terbuka kepada keluarga Fir'aun? Bukankah dia takutkan anaknya itu terjatuh ke dalam tangan keluarga Fir'aun?

Ya! Memang benar begitu! Tetapi itulah cabaran qudrat Ilahi yang mencabar secara terus terang dan terbuka. Ia mencabar Fir'aun, Haman dan angkatan bala tentera kedua-nya. Mereka mencari anak-anak lelaki yang diperanakkan oleh kaum Musa kerana takutkan ancaman terhadap keselamatan kerajaan, singgahsana dan diri mereka sendiri. Mereka menghantar mata-mata gelap dan pengintip-pengintip di dalam kalangan kaum Musa supaya tiada seorang bayi lelaki pun yang terlepas dari tangkapan mereka. Nah! Ini dia qudrat Ilahi menyerahkan ke tangan mereka seorang bayi lelaki tanpa susah payah dicari mereka. Dia bukan sebarang anak lelaki. Dia anak lelaki yang akan membinasakan seluruh mereka. Nah! Ini dia qudrat Ilahi menyerahkan kanak-kanak ini ke tangan mereka. Dia tidak mempunyai sebarang kekuatan dan daya upaya. Dia begitu lemah untuk mempertahankan dirinya walaupun untuk meminta pertolongan. Nah! Ini dia qudrat Ilahi membawa kanak-kanak itu ke dalam kubu Fir'aun yang zalim dan suka membunuh manusia dengan sewenang-wenang. Kini baginda tidak perlu bersusah payah mencari kanak-kanak itu di rumah-rumah kaum Bani Israel dan di dalam pelukan perempuan-perempuan mereka yang baru bersalin.

Kemudian nah! Ini dia qudrat Ilahi mengisytiharkan maksud dan tujuannya dengan terus terang dan mencabar:

لِيَكُونَ لَهُمْ عَدُوًّا وَحَزَنًا ۗ

"Supaya menjadi musuh kepada mereka dan (punca) kedukacitaan (mereka)."(8)

Yakni supaya kanak-kanak itu menjadi musuh yang menentang mereka dan punca kedukacitaan yang menimbul-kan duka nestapa di dalam hati mereka:

إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا۟ خَٰطِـِٔينَ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya Fir'aun dan Haman serta bala tentera duaka adalah orang-orang yang bersalah."(8)

Tetapi bagaimana? Sedangkan kanak-kanak itu telah berada di dalam tangan mereka, tanpa sebarang kekuatan dan daya tenaga? Marilah kita tinggalkan kepada Al-Qur'an menjawabnya:

وَقَالَتِ ٱمْرَأَتُ فِرْعَوْنَ قُرَّتُ عَيْنٍ لِّى وَلَكَ ۖ لَا تَقْتُلُوهُ عَسَىٰٓ أَن يَنفَعَنَآ أَوْ نَتَّخِذَهُۥ وَلَدًا وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٩﴾

"Dan berkatalah isteri Fir'aun: Dia menjadi cahaya mata kepada adinda dan kepada kekanda. Janganlah kamu bunuh dia. Semoga dia berguna kepada kita atau kita ambil dia sebagai anak angkat, sedangkan mereka tidak menyedari (akibatnya)."(9)

Yakni qudrat Ilahi telah memikatkan hati permaisuri Fir'aun mengasihi kanak-kanak itu setelah ia membawanya masuk ke dalam kubunya. Qudrat Ilahi telah melindung-kannya dengan kasih sayang permaisuri itu, iaitu melindungkannya dengan tadbir kasih yang halus, bukan dengan kekuatan senjata, bukan dengan kekuatan pangkat

kebesaran dan harta kekayaan. Ia melindungkannya dengan kekuatan kasih mesra di hati seorang perempuan. Hanya dengan kekuatan ini sahaja ia mencabar maharaja Fir'aun yang ganas, kasar, tamak dan hati-hati itu. Fir'aun itu terlalu hina dan kecil di sisi Allah dan kerana itu Dia tidak payah melindungkan kanak-kanak itu dari keganasan raja itu dengan suatu tadbir yang lain dari tadbir kasih yang amat halus itu.

"Dia menjadi cahaya mata kepada adinda dan kekanda", sedangkan kanak-kanak itu telah dibawa qudrat Ilahi kepada mereka dengan tujuan supaya menjadi musuh dan punca kedukacitaan kepada mereka kecuali permaisuri.

"Janganlah kamu bunuh dia" sedangkan di tangannya kelak Fir'aun dan bala tenteranya akan binasa.

"Semoga dia berguna kepada kita atau kita ambil dia sebagai anak angkat" sedangkan qudrat Ilahi telah menyembunyikan di sebalik kanak-kanak itu malapetaka yang ditakuti mereka selama ini.

"**Sedangkan mereka tidak menyedari (akibatnya)**."Itulah qudrat Ilahi yang mencabar dan mempermain-mainkan mereka tanpa disedari mereka.

Setakat ini berakhirlah pemandangan yang kedua dan tirai pun dilabuhkan sebentar.

Itulah cerita Musa. Bagaimana pula cerita ibunya yang duka nestapa dan bersedih hati?

وَأَصْبَحَ فُؤَادُ أُمِّ مُوسَىٰ فَٰرِغًا ۖ إِن كَادَتْ لَتُبْدِى بِهِۦ لَوْلَآ أَن رَّبَطْنَا عَلَىٰ قَلْبِهَا لِتَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠﴾

"Dan hati ibu Musa telah menjadi kosong, dan dia hampir-hampir membuka rahsianya sekiranya tidak Kami teguhkan hatinya supaya dia termasuk dalam golongan para Mu'minin."(10)

Dia telah mendengar perintah Ilahi lalu dia hanyutkan anaknya ke dalam sungai, tetapi ke manalah si anak itu? Adakah dia dipukul gelombang? Mungkin dia terus tertanya-tanya kepada dirinya sendiri: Bagaimana hatiku tergamak membuang anak kesayanganku ke dalam sungai? Bagaimana aku sanggup melakukan perbuatan yang tidak pernah dilakukan oleh seorang ibu yang lain sebelum ini? Bagaimana aku mencari keselamatannya dalam ketakutan ini? Bagaimana aku berserah kepada bisikan perintah yang aneh ini?

Al-Qur'an menggambarkan kepada kita hati ibu yang malang itu dengan satu gambaran" yang hidup, iaitu hatinya **"Menjadi kosong"** tidak mempunyai apa-apa fikiran dan kesedaran, tidak mampu berfikir dan bertindak.

"Dan dia hampir-hampir membuka rahsianya" dan mengumumkannya kepada orang ramai. Dia hampir-hampir hendak berpekik seperti orang gila: Aku telah membunuh dia. Aku telah membunuh anakku. Aku telah membuang anakku ke dalam sungai kerana mengikut perintah satu bisikan yang menakjubkan.

"Sekiranya tidak Kami teguhkan hatinya" dan menahankannya dari pengelamunan yang liar.

"Supaya dia termasuk dalam golongan para Mu'minin" yang percaya kepada janji Allah dan sabar menghadapi ujian-Nya dan berjalan mengikut hidayat-Nya.

Tetapi ibu Musa tidak berdiam diri dari berfikir dan berusaha:

وَقَالَتْ لِأُخْتِهِۦ قُصِّيهِ ۖ فَبَصُرَتْ بِهِۦ عَن جُنُبٍ وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١١﴾

"Dan berkatalah (ibu Musa) kepada saudara perempuan (Musa): Ikutilah dia! Lalu dia pun melihatnya dari jauh, sedangkan mereka tidak sedar."(11)

"Ikutilah dia" yakni carilah dan kesanilah dia dan dapatkan beritanya sama ada dia hidup atau dimakan

binatang laut atau binatang-binatang buas di daratan atau di mana sahaja tempat dia berhenti dan berlabuh!

Lalu kakaknya keluar mengesaninya dengan penuh hati-hati dan dengan perasaan yang cemas. Dia mencari beritanya di jalan-jalan dan di pasar-pasar, dan di sana dia mengetahui ke mana adiknya di bawa qudrat Ilahi yang menjaga keselamatannya itu. Dia melihat adiknya dari jauh dilindung oleh khadam-khadam Fir'aun yang sedang mencari penyusunya:

وَحَرَّمْنَا عَلَيْهِ الْمَرَاضِعَ مِن قَبْلُ فَقَالَتْ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ أَهْلِ بَيْتٍ يَكْفُلُونَهُ لَكُمْ وَهُمْ لَهُ نَاصِحُونَ ﴿١٢﴾

"Dan Kami telah mencegahkannya (Musa) dari menyusui penyusu-penyusu yang lain sebelum itu. Lalu berkatalah saudara perempuan Musa: Mahukah kamu saya tunjukkan kepada kamu satu keluarga yang dapat memeliharakannya untuk kamu dan mereka adalah orang-orang yang jujur terhadapnya."(12)

Qudrat yang memeliharanya telah mengaturkan segala urusannya. Dengan bayi inilah ia memerangkapkan Fir'aun dan keluarganya. Ia mendorong mereka memungutnya dan menjadikan mereka kasih kepadanya. Ia menggerakkan mereka berusaha mencari seorang penyusu baginya. Ia menjadikan bayi itu enggan menyusui para penyusu yang dibawa kepadanya supaya mereka bingung dan serba salah memikirkannya. Dia tidak mahu menyusu setiap kali ditawarkan kepadanya, sedangkan mereka takut dia mati atau kurus kering sehingga dia dilihat oleh kakaknya dari jauh dan terus mengenalinya. Di sinilah qudrat Ilahi mem-buka peluang untuk memenuhi keinginan mereka hendak mencari seorang penyusu. Lalu dia pun berkata kepada mereka: **"Mahukah kamu saya tunjukkan kepada kamu satu keluarga yang dapat memeliharakannya untuk kamu dan mereka adalah orang-orang yang jujur terhadapnya".** Mereka mendengar kata-katanya dengan gembira dan berharap bahawa apa yang dikatakannya itu benar supaya bayi kesayangan itu selamat.

Setakat ini berakhirlah pemandangan yang keempat dan kini kita dapati diri kita di hadapan pemandangan yang kelima dan terakhir di dalam babak ini iaitu pemandangan yang memperlihatkan si bayi yang hilang itu telah pulang ke pangkuan ibunya yang sedang berdukacita. Dia pulang dengan badan yang sihat walafiat dan dengan kedudukan yang tinggi, dilindungi oleh serimaharaja Fir'aun dan dipelihara oleh permaisuri baginda. Dia hidup aman damai, sedangkan di sekelilingnya penuh dengan peristiwa-peristiwa ganas yang menakutkan. Qudrat Ilahi telah mengaturkan babak pertama dari tadbir-Nya yang amat menarik:

فَرَدَدْنَاهُ إِلَىٰ أُمِّهِ كَيْ تَقَرَّ عَيْنُهَا وَلَا تَحْزَنَ وَلِتَعْلَمَ أَنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾

"Lalu Kami kembalikannya (Musa) ke pangkuan ibunya supaya hatinya senang dan tidak berdukacita dan supaya dia mengetahui bahawa janji Allah itu benar, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(13)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 28)

Selepas ini Al-Qur'an diam tidak menyebut peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam tahun-tahun yang panjang di antara babak kelahiran Musa a.s. dengan babak zaman mudanya yang matang. Oleh itu kita tidak mengetahui apakah yang telah terjadi kepada beliau setelah dikembali-kan ke pangkuan ibunya supaya ia menyusukannya dan bagaimana beliau dididik di istana Fir'aun, dan bagaimana pula hubungan beliau dengan ibunya selepas tamat tempoh menyusu, bagaimana kedudukan beliau di istana atau di luar istana setelah beliau meningkat usia muda dan dewasa sehingga sampai ke zaman berlakunya peristiwa-peristiwa berikut di dalam babak yang kedua. Kita juga tidak mengetahui bagaimana perkembangan aqidahnya ketika beliau diletakkan Allah di bawah perhatian-Nya dan dilengkapkan untuk memikul tugas da'wah di tengah-tengah para penyembah Fir'aun, dan pawang-pawangnya.

Al-Qur'an diam tidak menyebut semua perkara-perkara itu dan terus sahaja memulakan babak yang kedua, iaitu ketika beliau telah meningkat usia muda yang matang, di mana beliau telah dikurniakan Allah dengan hikmat kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan dan dibalaskan dengan balasan para Muhsinin:

"Dan apabila dia sampai kepada usianya yang paling kuat dan matang, Kami kurniakan-Nya kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan dan demikianlah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin."(14)

Dengan sampainya beliau ke peringkat usia yang paling kuat itu bererti sampailah beliau ke peringkat kesempurnaan kekuatan tubuh badannya dan kematangan anggota dan akal fikiran. Biasanya peringkat ini ialah di sekitar usia tiga puluh tahun. Adakah Musa terus berada di istana Fir'aun sebagai anak angkat baginda dan permaisurinya sehingga sampai ke peringkat usia ini? Atau beliau telah berpisah dari keduanya dan tidak lagi tinggal di dalam istana? Tentulah jiwa beliau tidak tenteram untuk hidup di bawah naungan pertubuhan yang busuk itu.

Tidak ada jiwa yang bersih dan terpilih seperti jiwa Nabi Musa a.s. sanggup hidup dalam suasana seperti itu. Tentulah ibu beliau telah mengenalkan dirinya siapa dia, siapa kaumnya dan apakah agamanya, dan beliau sendiri pun telah melihat bagaimana kaumnya diseksa dan dianiayai dengan teruknya. Beliau juga telah melihat bagaimana gambaran kerosakan pemerintahan yang paling buruk, meluas dan penuh dosa itu.

Kita tidak mempunyai apa-apa dalil, tetapi dari keterangan peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas ini membayangkan adanya kemungkinan-kemungkinan tersebut sebagaimana akan diterangkan nanti. Keterangan Al-Qur'an yang menyatakan beliau telah dikurniakan hikmat kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan dan keterangan ayat **"Dan demikianlah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin"** juga menunjukkan bahawa beliau telah melakukan kebaikan-kebaikan, maka kerana itu Allah membalas kebaikannya dengan mengurniakan hikmat kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan:

وَدَخَلَ ٱلۡمَدِينَةَ عَلَىٰ حِينِ غَفۡلَةٖ مِّنۡ أَهۡلِهَا فَوَجَدَ فِيهَا رَجُلَيۡنِ يَقۡتَتِلَانِ هَٰذَا مِن شِيعَتِهِۦ وَهَٰذَا مِنۡ عَدُوِّهِۦۖ فَٱسۡتَغَٰثَهُ ٱلَّذِي مِن شِيعَتِهِۦ عَلَى ٱلَّذِي مِنۡ عَدُوِّهِۦ فَوَكَزَهُۥ مُوسَىٰ فَقَضَىٰ عَلَيۡهِۖ قَالَ هَٰذَا مِنۡ عَمَلِ ٱلشَّيۡطَٰنِۖ إِنَّهُۥ عَدُوّٞ مُّضِلّٞ مُّبِينٞ ﴿١٥﴾

قَالَ رَبِّ إِنِّي ظَلَمۡتُ نَفۡسِي فَٱغۡفِرۡ لِي فَغَفَرَ لَهُۥٓۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلۡغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٦﴾

قَالَ رَبِّ بِمَآ أَنۡعَمۡتَ عَلَيَّ فَلَنۡ أَكُونَ ظَهِيرٗا لِّلۡمُجۡرِمِينَ ﴿١٧﴾

"Dan dia (Musa) masuk ke dalam kota itu ketika penduduknya berada dalam keadaan leka dan dia dapati di sana ada dua orang lelaki sedang berkelahi, seorang dari golongan puaknya (Bani Israel) dan seorang lagi dari golongan musuhnya, lalu orang yang dari golongan puaknya meminta pertolongan darinya untuk mengalahkan orang yang dari golongan musuhnya, maka Musa pun menumbuknya dan terus mati lalu berkatalah Musa: Ini adalah perbuatan syaitan. Sesungguhnya dia adalah musuh penyesat yang amat jelas (15). Dia (Musa) berdo'a: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menzalimi diriku sendiri. Oleh itu ampunkanku, lalu Allah mengampunkannya. Sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih(16). Dia berdo'a lagi: Wahai Tuhanku! Demi ni'mat yang telah Engkau kurniakan kepadaku, maka aku tidak akan menjadi penolong kepada orang-orang yang bersalah."(17)

Musa Terbabit Dalam Pergaduhan

Beliau masuk ke dalam kota itu. Kota di sini dapat difahamkan sebagai ibu negeri pada masa itu. Dari tempat mana beliau datang dan memasuki kota itu? Adakah beliau datang dari istana yang terletak di 'Ain Syams? Atau adakah beliau tinggal jauh dari istana dan ibu negeri itu kemudian datang memasukinya ketika penduduknya sedang berada dalam keadaan leka iaitu di waktu tengah hari semasa kebanyakan mereka mengantuk?

Walau bagaimanapun, beliau telah memasuki kota itu **"Dan dia dapati di sana ada dua orang lelaki sedang berkelahi, seorang dari golongan puaknya (Bani Israel) dan seorang lagi dari golongan musuhnya, lalu orang yang dari golongan puaknya meminta pertolongan darinya untuk mengalahkan orang yang dari golongan musuhnya."**

Salah seorang dari kedua orang itu ialah bangsa Qibti. Dia dikatakan seorang pengiring maharaja Fir'aun dan ada pula yang mengatakan dia tukang masak istana, dan seorang lagi ialah bangsa Israel. Kedua-duanya sedang berkelahi lalu orang Israel itu meminta pertolongan Musa untuk mengalah-kan musuh mereka orang Qibti. Bagaimana perkelahian ini berlaku? Bagaimana orang Israel itu boleh meminta pertolongan dari Musa anak angkat Fir'aun untuk menentang salah seorang pegawai maharaja Fir'aun? Ini tidak mungkin berlaku sekiranya Musa masih tinggal di istana sebagai anak angkat atau sebagai orang besar maharaja Fir'aun. Ia hanya mungkin berlaku sekiranya orang Israel itu percaya bahawa Musa tidak lagi mempunyai hubungan dengan istana dan beliau telah mengetahui bahawa beliau adalah dari Bani Israel dan menaruh dendam terhadap maharaja Fir'aun dan pembesarnya dan sedang membela kaumnya yang teraniayai itu. Inilah yang lebih sesuai dengan sikap orang yang berada di tempat Musa a.s., kerana tentulah jauh dari kemungkinan, beliau masih sanggup tinggal di dalam istana yang merupakan paya kejahatan dan kerosakan itu.

فَوَكَزَهُۥ مُوسَىٰ فَقَضَىٰ عَلَيۡهِۖ

"Maka Musa pun menumbuknya dan dia terus mati."(15)

Kata-kata "وكز" bererti menumbuk dengan buku tangan. Difaham dari ungkapan ini tumbukan itu hanya sekali sahaja dan menyebabkan orang Qibti itu terus mati. Ini menunjukkan betapa kuat dan gagahnya Musa yang muda belia itu. Ia juga menunjukkan betapa hebatnya rasa terharu dan kemarahan beliau. Ia membayangkan rasa dendam yang berkecamuk di dalam hatinya terhadap Fir'aun dan orang-orang yang ada hubungan dengannya.

Yang nampak jelas dari keterangan ayat ini ialah beliau tidak bermaksud hendak membunuh orang Qibti itu. Beliau tidak sengaja membunuhnya. Oleh sebab itu apabila beliau melihat orang itu terbujur

menjadi mayat di hadapannya, beliau pun kembali insaf dan menyesal di atas perbuatannya. Beliau menghubungkan perbuatan itu kepada syaitan dan godaannya, kerana perbuatan itu adalah terbit dari perasaan marah, sedangkan perasaan marah itu ialah syaitan atau hasutan dari syaitan:

قَالَ هَٰذَا مِنْ عَمَلِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۖ إِنَّهُۥ عَدُوٌّ مُّضِلٌّ مُّبِينٌ ﴿١٥﴾

"Lalu berkatalah Musa: Ini adalah perbuatan syaitan. Sesungguhnya dia adalah musuh penyesat yang amat jelas."(15)

Kemudian beliau berkata dengan penuh ketakutan terhadap perbuatannya yang dihasut oleh perasaan marah itu dan mengaku bahawa beliau telah menganiayai dirinya sendiri kerana menanggung dosa itu, lalu beliau bertawajjuh kepada Allah memohon keampunan dan kema'afan dari-Nya:

قَالَ رَبِّ إِنِّى ظَلَمْتُ نَفْسِى فَٱغْفِرْ لِى

"Dia (Musa) berdo'a: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menzalimkan diriku sendiri. Oleh itu ampunkanku."(16)

Lalu Allah memperkenankan rayuannya dan menyambut perasaannya yang halus dan permohonan ampunnya:

فَغَفَرَ لَهُۥٓ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٦﴾

"Lalu Allah mengampunkannya. Sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(16)

Seolah-olah Nabi Musa a.s. merasa dengan hatinya, yang halus semasa bertawajjuh kepada Allah bahawa Allah telah memaafkan kesalahannya, kerana hati yang Mu'min itu sentiasa merasa berhubung dengan Allah dan merasa do'anya diperkenankan Allah sebaik sahaja dia berdo'a kepada-Nya apabila kepekaan hati dan kehangatan tawajjuhnya sampai kepada batas itu. Hati Nabi Musa a.s. menggelentar ketika ia merasa do'anya telah dikabulkan Allah. Oleh itu beliau pun berjanji dengan dirinya bahawa beliau akan tetap setia mensyukuri ni'mat-ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepadanya:

قَالَ رَبِّ بِمَآ أَنْعَمْتَ عَلَىَّ فَلَنْ أَكُونَ ظَهِيرًا لِّلْمُجْرِمِينَ ﴿١٧﴾

"Dia berdo'a lagi: Wahai Tuhanku! Demi ni'mat yang telah Engkau kurniakan kepadaku, maka aku tidak akan menjadi penolong kepada orang-orang yang bersalah."(17)

Yakni beliau telah membuat satu perjanjian yang mutlaq bahawa beliau tidak akan berdiri sebagai pembantu dalam barisan orang-orang yang bersalah. Perjanjian ini merupakan pelepasan diri beliau dari perbuatan jenayah dan penjenayah-penjenayah dalam segala rupa bentuknya termasuk tindakan terburu-bulu kerana terlalu marah dan terlalu pahit ditindas kezaliman.

Perjanjian itu adalah di buat demi mengenangkan ni'mat Allah ke atas beliau yang telah memperkenankan do'anya dan mengenangkan ni'mat Allah sebelum ini yang telah mengurniakan kekuatan, hikmat kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan kepada beliau.

Perasaan terharunya yang berkobar-kobar ini dan tindakan terburu-burunya sebelum ini menggambarkan syakhsiyah Nabi Musa a.s. kepada kita sebagai seorang yang mudah terharu, pemanas dan mudah tersinggung. Kita akan menemui sifat yang jelas dari syakhsiyah beliau ini di berbagai-bagai tempat yang lain, malah kita dapat menemuinya di dalam pemandangan yang kedua di dalam babak ini juga:

فَأَصْبَحَ فِى ٱلْمَدِينَةِ خَآئِفًا يَتَرَقَّبُ فَإِذَا ٱلَّذِى ٱسْتَنصَرَهُۥ بِٱلْأَمْسِ يَسْتَصْرِخُهُۥ ۚ قَالَ لَهُۥ مُوسَىٰٓ إِنَّكَ لَغَوِىٌّ مُّبِينٌ ﴿١٨﴾ فَلَمَّآ أَنْ أَرَادَ أَن يَبْطِشَ بِٱلَّذِى هُوَ عَدُوٌّ لَّهُمَا قَالَ يَٰمُوسَىٰٓ أَتُرِيدُ أَن تَقْتُلَنِى كَمَا قَتَلْتَ نَفْسًۢا بِٱلْأَمْسِ ۖ إِن تُرِيدُ إِلَّآ أَن تَكُونَ جَبَّارًا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا تُرِيدُ أَن تَكُونَ مِنَ ٱلْمُصْلِحِينَ ﴿١٩﴾

"Kerana itu dia (Musa) berada di bandar itu dalam ketakutan menunggu-nunggu (akibat perbuatannya), tiba-tiba orang yang meminta pertolongannya kelmarin meminta pula pertolongannya lalu Musa berkata kepadanya: Sesungguhnya engkau adalah seorang sesat yang amat nyata(18). Apabila Musa hendak menumbuk orang yang menjadi musuh duaka, maka orang itu pun berkata: Wahai Musa! Adakah engkau mahu membunuh aku pula sebagaimana engkau telah membunuh seorang manusia kelmarin? Engkau hanya hendak menjadi seorang yang bermaharajalela di negeri (ini) dan bukannya hendak menjadi dari mereka yang mengusahakan perdamaian."(19)

Perkelahian yang pertama telah berakhir dengan matinya orang Qibti itu dan Nabi Musa a.s. telah menyesali perbuatannya itu. Beliau telah bertawajjuh kepada Allah memohon keampunan-Nya, lalu beliau dikurniakan keampunan dan terus berjanji dengan dirinya bahawa beliau tidak akan menolong lagi orang-orang yang bersalah.

Sehari telah berlalu dan beliau masih berada di kota itu dengan perasaan yang cemas kerana takut rahsianya terbuka. Beliau menunggu-nunggu sa'at terbuka rahsia itu dan tindakan-tindakan terhadap beliau. Kata-kata "يترقب" menggambarkan keadaan gelisah dan cemas menunggu-nunggu sesuatu yang buruk yang mungkin berlaku pada bila-bila masa. Itulah sifat syakhsiyah yang mudah terharu yang dapat dilihat dalam keadaan yang seperti ini.

Ungkapan ayat ini menggambarkan keadaan cemas dan keluh kesah dengan menggunakan kata **"Menunggu-nunggu".** Juga dengan kata-kata **"Didalam kota!** kerana **"Kota"** biasanya merupakan tempat yang aman dan tenteram dan andainya beliau cemas menunggu-nunggu sesuatu yang buruk di dalam kota yang aman, maka bererti beliau benar-benar berada dalam keadaan yang cemas.

Keadaan cemas yang dialami Nabi Musa a.s. ini menunjukkan bahawa beliau pada masa ini bukannya dari orang-orang istana. Andainya beliau dari orang-orang istana, tentulah amat mudah bagi beliau untuk membunuh seseorang di zaman yang zalim itu dan tentu beliau tidak akan bimbang sesuatu apa apatah lagi **"Berada dalam ketakutan menunggu-nunggu"** sekiranya beliau masih mempunyai tempat di dalam hati Fir'aun dan istananya.

Ketika beliau berada dalam keadaan gelisah dan cemas itu **"Tiba-tiba orang yang meminta pertolongannya kelmarin meminta pula pertolongannya."**

Itulah kawan beliau dari Bani Israel yang telah meminta pertolongannya kelmarin untuk melawan orang Qibti. Dialah juga orangnya yang bergaduh sekarang dengan seorang Qibti yang lain pula. Dia menjerit meminta pertolongan Musa. Barangkali dia mahu Musa membunuh musuh bersama mereka dengan satu tumbukan maut sekali lagi.

Tetapi rupa paras orang Qibti yang terbunuh kelmarin masih terbayang di dalam ingatan Musa, di samping beliau masih terkenang kepada penyesalannya dan bagaimana beliau beristighfar kepada Allah dan berjanji tidak akan membantu lagi orang-orang yang bersalah, dan bagimana beliau dilamun rasa cemas dan menunggu-nunggu sesuatu yang tidak baik akan menimpanya, oleh itu beliau terus marah kepada orang yang menjerit meminta pertolongannya itu dan menyifatkannya sebagai orang yang sesat:

"Sesungguhnya engkau adalah seorang sesat yang amat nyata."(18)

Yakni sesat dengan kesukaan bergaduh dan berkelahi yang tidak habis-habis dan tidak mendatangkan apa-apa faedah selain dari membangkitkan kebencian dan kegemparan orang ramai terhadap Bani Israel, sedangkan mereka sendiri lemah untuk mencetuskan pemberontakan yang sempurna dan lemah untuk melakukan tindakan yang berhasil, oleh sebab itu perkelahian-perkelahian yang seperti ini tidak mempunyai apa-apa nilai. Ia hanya mendatangkan kemudharatan sahaja dan tidak mendatangkan apa-apa faedah.

Tetapi apa yang berlaku selepas itu ialah-Nabi Musa a.s. tiba-tiba naik marah terhadap orang Qibti itu, dan beliau terus meluru untuk membunuhnya sebagaimana beliau telah membunuh orang Qibti yang pertama kelmarin. Tindakannya yang terburu-buru itu menunjukkan ciri syakhsiyah beliau yang mudah terharu, yang telah kami terangkan tadi, tetapi dari sudut yang lain ia juga menunjukkan betapa hati Musa a.s. dipenuhi perasaan marah terhadap kezaliman dan perasaan bosan terhadap penindasan-penindasan yang dilakukan ke atas Bani Israel dan bagaimana beliau siap siaga untuk membalas pencerobohan yang zalim yang berlangsung begitu lama itu, iaitu pencerobohan dan kezaliman yang telah menggali parit-parit dendam dan marah di dalam hati manusia.

فَلَمَّآ أَنْ أَرَادَ أَن يَبْطِشَ بِٱلَّذِى هُوَ عَدُوٌّ لَّهُمَا قَالَ يَٰمُوسَىٰٓ أَتُرِيدُ أَن تَقْتُلَنِى كَمَا قَتَلْتَ نَفْسًۢا بِٱلْأَمْسِ ۖ إِن تُرِيدُ إِلَّآ أَن تَكُونَ جَبَّارًا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا تُرِيدُ أَن تَكُونَ مِنَ ٱلْمُصْلِحِينَ ﴿١٩﴾

"Apabila Musa hendak menumbuk orang yang menjadi musuh duaka, maka orang itu pun berkata: Wahai Musa! Adakah engkau mahu membunuh aku pula sebagaimana engkau telah membunuh seorang manusia kelmarin? Engkau hanya hendak menjadi seorang yang bermaharajalela di negeri (ini) dan bukannya hendak menjadi dari mereka yang mengusahakan perdamaian."(19)

Apabila kezaliman telah memuncak, apabila masyarakat telah rosak, apabila neraca pertimbangan telah tidak betul belaka dan apabila kegelapan telah menyelubungi, maka manusia yang baik tentulah merasa tidak senang terhadap kezaliman yang menjahanamkan segala undang-undang, peraturan dan adat resam, dan merosakkan fitrah orang ramai sehingga mereka tidak lagi memberontak dan marah terhadap kezaliman-kezaliman yang dilihat mereka, malah kerosakan fitrah mereka pernah sampai ke tahap menafikan hak orang yang teraniayai yang telah melawan kerana mempertahankan keselamatan dirinya dan menyifat-kannya sebagai **"Seorang yang bermaharajalela di negeri ini"** sebagaimana kata-kata orang Qibti kepada Musa a.s. ini disebabkan kerana mereka terlalu biasa melihat kezaliman menghentam mangsa-mangsanya, sedangkan mereka tidak bergerak untuk berbuat sesuatu hingga mereka menyangka tindakan yang zalim ini sebagai prinsip, inilah kelebihan. Inilah adab sopan. Inilah akhlak yang baik dan inilah kebaikan. Dan apabila mereka melihat orang yang teraniaya itu bangkit menentang kezaliman dan merobohkan tembok palsu yang dibina oleh pemerintah yang zalim untuk mempertahan kedudukannya, maka mereka terus merungut dan melahirkan kehairanan dan mengecap orang yang teraniaya yang mahu menolak kezaliman itu sebagai pembunuh atau sebagai penjahat yang bermaharajalela. Mereka luahkan caci maki dan kemarahan mereka terhadapnya. Sedangkan mereka hanya sedikit sahaja mencaci dan marah kepada orang yang zalim itu sendiri, kerana mereka tidak

mendapat apa-apa alasan untuk mempertahan-kan tindakan orang yang teraniaya, yang merasa tidak senang terhadap kezaliman yang berat itu sekali pun dia bertindak dalam keadaan terburu-buru.

Bani Israel telah dianiayai sebegitu lama menyebabkan hati Musa menjadi begitu marah hingga kita dapati beliau bertindak terburu-buru pada kali yang pertama dan menyesal, kemudian beliau sekali lagi terburu-buru hendak melakukan perbuatan yang telah disesalinya itu dan hampir-hampir beliau bertindak menghentam musuhnya dan musuh kaumnya.

Oleh sebab itulah Allah tidak membiarkannya, malah Allah menjaganya dan memperkenankan permohonannya. Allah Yang Maha Mengetahui dengan rahsia-rahsia jiwa manusia itu adalah mengetahui pula bahawa daya kekuatan manusia itu mempunyai hati ketahanan yang dapat ditanggung olehnya, Allah mengetahui bahawa apabila kezaliman itu memuncak dan segala pintu keadilan itu di-tutup, maka orang yang dianiayai itu akan bangkit menentang dan menyerang. Oleh sebab itulah Allah tidak membesar-besarkan ketika menggambarkan tindakan yang telah dilakukan Musa a.s. sebagaimana yang dibesar-besarkan oleh kumpulan manusia zalim, yang telah rosak fitrah mereka dengan sebab kezaliman itu, ketika mereka menggambarkan tindakan balas semulajadi yang dilakukan oleh orang-orang teraniaya di bawah tekanan penindasan, kemarahan dan perasaan sakit hati walaupun melampaui batas.

Inilah pengajaran yang dapat difaḥam dari cara pengungkapan Al-Qur'an yang menceritakan kedua-dua peristiwa itu dan kisah selanjutnya. Al-Qur'an tidak mempertahankan tindakan Musa dan tidak pula membesar-besarkannya. Apa yang disifatkannya sebagai perbuatan yang menganiayai diri sendiri itu mungkin terbit dari tindakan Musa yang terburu-buru kerana didorong oleh perasaan 'asabiyah kaum, sedangkan beliau telah dipilih untuk menjadi utusan Allah dan diasuh dan dibentuk di bawah pemerhatian Allah atau mungkin kerana beliau terlalu cepat berkelahi dengan kakitangan Fir'aun yang zalim itu, sedangkan Allah mahukan Bani Israel itu di selamatkan secara menyeluruh mengikut cara yang telah ditetapkan-Nya, kerana perkelahian-perkelahian individu secara sampingan itu tidak meng-hasilkan apa-apa faedah untuk mengubahkan kedudukan mereka, sebagaimana Allah telah mencegahkan kaum Muslimin di Makkah dari bertindak melakukan sebarang perkelahian sebelum tiba waktunya yang sebenar.

Nampaknya bau pembunuhan orang Qibti kelmarin itu telah dihidu orang. Tohmah dan syak telah dilontar di sekitar Musa kerana sebelum ini beliau terkenal sebagai seorang yang amat bencikan kezaliman Fir'aun dan para pembesarnya, di samping perbuatan kawannya orang Israel (yang ditolongnya itu) yang telah membuka rahsianya di kalangan kaumnya, kemudian rahsia itu merebak keluar dari lingkungan Bani Israel.

Kami tarjihkan pendapat ini kerana tindakan Musa membunuh salah seorang pegawai maharaja Fir'aun di dalam satu perkelahian yang berlaku di antara pegawai ini dengan seorang keturunan Israel di dalam suasana yang seperti ini tentulah dianggap menyenangkan hati kaum Bani Israel dan memuaskan sedikit sebanyak perasaan mereka yang marah itu. Ini biasanya menyebabkan berita itu tersebar rata, berpindah dari satu lidah ke satu lidah melalui bisikan-bisikan, luahan perasaan gembira dan membalas dendam hingga berita itu merebak dan berterbangan di sana sini terutama apabila Musa telah dikenali sebelum ini sebagai seorang yang sentiasa bencikan kezaliman Fir'aun dan suka membela orang-orang yang teraniaya.

Apabila Musa mahu bertindak memukul orang Qibti yang kedua itu ia pun mengemukakan tuduhan ini kepada beliau kerana tuduhan itu telah menjadi hakikat kepadanya apabila dia melihat Musa hendak memukulnya. Dia berkata kepada beliau **"Adakah engkau mahu membunuh aku pula sebagaimana engkau telah membunuh seorang manusia kelmarin?"**

Kata-kata selanjutnya **"Engkau hanya hendak menjadi seorang yang bermaharajalela di negeri (ini) dan bukannya hendak menjadi orang-orang yang mengusahakan perdamaian"** membayangkan bahawa Musa a.s. selama ini memilih cara hidup yang dikenali orang ramai sebagai seorang yang salih dan pendamai, tidak suka kepada kezaliman dan bertindak sewenang-wenang. Orang-orang Qibti itu mengingatkan hakikat ini kepada beliau dan menyindirnya yakni dia menuduh beliau berkelakuan yang bertentangan dengan apa yang dikenali selama ini darinya, iaitu beliau mahu menjadi seorang yang bermaharajalela bukannya seorang pendamai. Beliau mahu membunuh manusia bukannya mendamaikan perbalahan mereka dan mententeramkan ledakan kejahatan. Cara orang Mesir ini bercakap dan maudhu' percakapannya membayangkan bahawa Musa di waktu itu tidak dikira dari orang-orang Maharaja Fir'aun, andainya beliau dari mereka, tentulah orang Mesir itu tidak berani bercakap dengannya dengan kata-kata yang kesat ini dan tentulah maudhu' percakapannya tidak begitu.

Setengah-setengah ahli tafsir berpendapat bahawa kata-kata ini adalah diucapkan oleh orang Israel (yang meminta pertolongan dari beliau) dan bukannya diucapkan oleh orang Qibti, kerana apabila beliau berkata kepadanya **"Sesungguhnya engkau adalah seorang sesat yang amat nyata"** kemudian, tampil ke arahnya dengan marah untuk memukul orang Qibti yang menjadi musuh kedua-duanya, maka orang Israel itu menyangka bahawa beliau marah kepadanya

dan tampil hendak memukulnya, lalu dia pun mengucapkan kata-kata tadi dan membuka rahsianya yang selama ini hanya diketahui oleh dia seorang sahaja. Sebab yang mendorong ahli-ahli tafsir itu mengemukakan pendapat ini ialah kerana rahsia pembunuhan itu tidak diketahui oleh orang-orang Mesir.

Pendapat yang lebih dekat, kata-kata itu adalah diucapkan oleh orang Qibti dan kami telah pun terangkan bahawa rahsia pembunuhan itu telah diketahui umum. Tetapi mungkin juga kata-kata itu merupakan serkap jarang orang Qibti itu berdasarkan suasana-suasana yang menyelubungi maudhu' pembunuhan itu.[2]

Pada zahirnya Musa a.s. tidak sempat melakukan perbuatan yang telah dilakukan kelmarin apabila diperingatkan oleh orang Qibti itu, dan orang ini telah berjaya melepaskan dirinya untuk memberitahu kepada para pembesar Fir'aun bahawa pembunuhan itu telah dilakukan oleh Musa. Di sini Al-Qur'an meninggalkan ruang kosong selepas menayangkan pemandangan yang silam, kemudian tiba-tiba ditayangkan satu pemandangan yang lain, iaitu pemandangan seorang lelaki datang menemui Musa dari hujung kota itu untuk mengingatkan beliau bahawa para pembesar kaum Fir'aun sedang berunding untuk membunuh-nya, dan memberi nasihat supaya beliau melarikan diri dari kota itu untuk menyelamatkan nyawanya:

وَجَآءَ رَجُلٌ مِّنۡ أَقۡصَا ٱلۡمَدِينَةِ يَسۡعَىٰ قَالَ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّ ٱلۡمَلَأَ يَأۡتَمِرُونَ بِكَ لِيَقۡتُلُوكَ فَٱخۡرُجۡ إِنِّي لَكَ مِنَ ٱلنَّٰصِحِينَ ﴿٢٠﴾

"Dan datanglah seorang lelaki dari hujung kota itu berjalan dengan tergesa-gesa lalu berkata: Wahai Musa! Sesungguhnya para pembesar negeri sedang berunding tentang engkau untuk membunuh engkau. Oleh itu keluarlah (dari kota ini) sesungguhnya aku dari orang-orang yang memberi nasihat kepadamu."(20)

Itulah qudrat Ilahi yang muncul tepat disa'at yang dikehendaki untuk melaksanakan iradat-Nya.

Kini para pembesar Fir'aun telah mengetahui. Mereka ialah pegawai-pegawai pengiring Fir'aun, pegawai-pegawai kerajaan dan orang-orang yang dekat dengan baginda... Mereka telah mengetahui bahawa pembunuhan itu telah dilakukan oleh Musa. Dan tidak syak lagi mereka merasa perbuatan itu merupakan ancaman bahaya terhadap keselamatan mereka, kerana perbuatan itu telah dilakukan dengan semangat pemberontak, penentangan dan pembelaan terhadap kaum Bani Israel. Ini sudah tentu merupakan gejala yang amat merbahaya yang memerlukan perundingan bersama. Sekiranya pembunuhan itu suatu jenayah biasa sahaja tentulah Fir'aun dan para pembesarnya tidak sewajarnya sibuk mengadakan perundingan itu. Lalu qudrat Ilahi mengutuskan seorang pembesar kepada Musa. Mengikut pendapat yang lebih rajih, pembesar ini ialah seorang Mu'min dari keluarga Fir'aun sendiri yang menyembunyikan keimanannya. Dia telah disebut di dalam surah Ghafir [3] dan dia telah diutuskan oleh qudrat Allah supaya menemui Musa **"Dari hujung kota ini"** dengan bersungguh-sungguh, hati-hati dan segera untuk menyampaikan kepada Musa sebelum pegawai-pegawai Fir'aun itu tiba. **"Sesungguhnya para pembesar negeri sedang berunding tentang engkau untuk membunuh engkau. Oleh itu keluarlah (dari kota ini). Sesungguhnya aku dari golongan para penasihat kepadamu."**

فَخَرَجَ مِنۡهَا خَآئِفًا يَتَرَقَّبُۖ قَالَ رَبِّ نَجِّنِي مِنَ ٱلۡقَوۡمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢١﴾

"Lalu Musa pun keluar dari bandar itu dengan keadaan takut dan menunggu-nunggu (tindakan musuhnya) sambil berdo'a: Wahai Tuhanku! Selamatkanku dari kaum yang zalim."(21)

Sekali lagi kita dapat melihat satu sifat yang jelas yang terdapat pada syakhsiyah Nabi Musa a.s. yang mudah terharu iaitu sifat siap siaga dan berhati-hati di samping sifat sentiasa bertawajjuh kepada Allah untuk memohon secara langsung kepada-Nya dan untuk mengharapkan perlin-dungan dan ri'ayah-Nya semasa dalam ketakutan, juga untuk mengharapkan keamanan dan keselamatan di sisi-Nya. **"Wahai Tuhanku! Selamatkanku dari kaum yang zalim."**

Kemudian Al-Qur'an menurut jejak beliau di luar kota itu. Beliau berada dalam keadaan bimbang dan menunggu-nunggu. Beliau berjalan seorang diri tanpa membawa apa-apa bekalan selain dari bergantung kepada Allah dan tawajjuh kepada-Nya memohon pertolongan dan hidayat-Nya:

Musa Melarikan Diri Ke Madyan

وَلَمَّا تَوَجَّهَ تِلۡقَآءَ مَدۡيَنَ قَالَ عَسَىٰ رَبِّيٓ أَن يَهۡدِيَنِي سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿٢٢﴾

"Dan apabila dia menuju ke arah negeri Madyan, dia berdo'a: Semoga Allah memimpinku ke jalan yang betul."(22)

Di sini kita melihat syakhsiyah Musa a.s. dalam keadaan seorang diri dan terusir mengembara di

---

[2] *Saya berpegang dengan pendapat yang pertama di dalam buku "التصوير الفني في القرآن" tetapi sekarang saya lebih cenderung kepada pendapat yang akhir.*

[3] *"Lalu berkatalah seorang lelaki dari keluarga Fir'aun yang menyembunyikan keimanannya: Adakah kamu hendak membunuh seorang yang berkata Tuhanku ialah Allah".(28), Surah Ghafir.*

jalan-jalan padang pasir menuju ke arah negeri Madyan yang terletak di Selatan Syam dan di Utara Hijaz. Beliau menempuh perjalanan yang amat jauh tanpa bekalan dan persediaan. Beliau telah keluar dari kota negeri Mesir dalam keadaan takut dan cemas (ditangkap pemerintah) setelah diberi nasihat oleh seorang pembesar yang jujur. Beliau terus melarikan diri tanpa berlengah-lengah, tanpa berbekal dan tanpa mencari pemandu. Di samping itu kita melihat hati beliau sentiasa bertawajjuh kepada Allah, berserah diri kepada Allah dan mengharapkan hidayat-Nya. "Semoga Allah memimpinku ke jalan yang betul."

Sekali lagi kita dapati Nabi Musa a.s, berada dalam keadaan cemas setelah sekian waktu beliau meni'mati hidup aman damai, mewah dan makmur. Kini kita dapati beliau (sekali lagi) berada dalam keadaan seorang diri tanpa memiliki sebarang kekuatan dunia yang lahir dan sedang diburu Fir'aun dan bala tenteranya. Mereka mencari beliau segenap tempat untuk mengenakan hukuman ke atasnya pada hari ini setelah mereka gagal mengenakan hukuman itu sewaktu beliau masih dalam usia kanak-kanak dahulu, tetapi qudrat Ilahi yang telah memelihara dan melindungi beliau di masa dahulu itulah juga yang memelihara dan melindungi beliau di masa ini. Qudrat ini selama-lamanya tidak pernah menyerahkan beliau kepada musuh-musuhnya. Kini! Ini dia Nabi Musa a.s. sedang menempuh perjalanan yang amat jauh dan berada di tempat yang tidak dapat dicapai oleh tangan pemerintah Fir'aun yang hendak menangkapnya:

وَلَمَّا وَرَدَ مَآءَ مَدْيَنَ وَجَدَ عَلَيْهِ أُمَّةً مِّنَ ٱلنَّاسِ يَسْقُونَ وَوَجَدَ مِن دُونِهِمُ ٱمْرَأَتَيْنِ تَذُودَانِ ۖ قَالَ مَا خَطْبُكُمَا ۖ قَالَتَا لَا نَسْقِى حَتَّىٰ يُصْدِرَ ٱلرِّعَآءُ ۖ وَأَبُونَا شَيْخٌ كَبِيرٌ ﴿٢٣﴾

فَسَقَىٰ لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّىٰٓ إِلَى ٱلظِّلِّ فَقَالَ رَبِّ إِنِّى لِمَآ أَنزَلْتَ إِلَىَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ ﴿٢٤﴾

"Apabila dia sampai di perigi negeri Madyan dia dapati di sana sekumpulan orang sedang memberi minum (kepada ternakan mereka) dan dia dapati selain dari mereka dua orang perempuan sedang menahan (ternakan mereka), lalu dia pun bertanya: Apa hal kamu berdua? Jawab mereka berdua: Kami tidak dapat memberi minum (ternakan kami) sehingga pengembala-pengembala itu selesai membawa balik (ternakan mereka) sedangkan bapa kami sangat tua(23). Lalu Musa memberi minum (ternakan) keduanya, kemudian dia berundur ke tempat yang teduh dan berdo'a: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku amat memerlukan apa sahaja kebajikan yang engkau turunkan kepadaku."(24)

Perjalanan beliau yang sukar dan jauh itu berakhir di perigi negeri Madyan. Beliau sampai di sana dalam keadaan letih lesu, tetapi di sana tiba-tiba beliau melihat satu pemandangan yang tidak menyenangkan mata hati orang yang mempunyai maruah dan fitrah yang sihat seperti hati beliau a.s. Beliau melihat pengembala-pengembala lelaki membawa ternakan mereka minum air (di perigi itu), sedangkan di sana beliau dapati ada dua orang perempuan sedang menahan kambing-kambing ternakan keduanya kerana menunggu peluang untuk mendapatkan air. Pada hemat orang yang mempunyai maruah dan fitrah yang sihat sepatutnya kedua-dua orang perempuan inilah diberi peluang lebih dahulu memberi minum kepada ternakan keduanya. Sepatutnya pengembala-pengembala lelaki itu melapangkan tempat itu untuk keduanya dan memberi pertolongan kepada mereka.

Nabi Musa a.s. yang sedang letih lesu itu belum lagi sempat duduk untuk beristirehat ketika beliau melihat pemandangan yang jelik dan bertentangan dengan adat yang baik itu, malah beliau terus mendapatkan dua orang perempuan ini dan menanyakan hal mereka **"Lalu dia pun bertanya: Apa hal kamu berdua?"** Jawab mereka berdua: **"Kami tidak dapat memberi minum (ternakan kami) sehingga pengembala-pengembala itu selesai membawa balik (ternakan mereka), sedangkan bapa kami sangat tua"** yakni kedua-dua orang perempuan ini telah menerangkan kepada beliau sebab-sebab mereka terpencil, terlewat dan tertahan dari memberi minum kepada binatang ternakan mereka. Sebab pokoknya ialah mereka lemah kerana mereka perempuan, sedangkan pengembala-pengembala itu lelaki belaka dan bapa mereka sangat tua dan tidak lagi berupaya mengembala ternakan dan berebut-berebut dengan lelaki-lelaki. Di sini tergeraklah hati Musa yang bermaruah dan berfitrah yang sihat itu lalu beliau pun tampil membetulkan keadaan itu, dan memberi minum kepada ternakan dua orang perempuan itu lebih dahulu. Inilah yang seharusnya dilakukan oleh kaum lelaki yang bermaruah, sedangkan beliau hanya seorang asing yang berada di sebuah negeri yang tidak diketahuinya, di mana beliau tidak mempunyai sesiapa pun yang dapat menolong dan membantunya. Beliau begitu letih lesu kerana terlalu jauh mengembara tanpa sebarang bekalan dan persediaan. Beliau sedang diburu musuh-musuh yang tidak berhati perut, tetapi semuanya ini tidak menghalangi beliau dari memenuhi tuntutan maruah, iaitu memberi pertolongan, menghulur budi baik dan menegakkan hak yang tabi'i yang diketahui oleh orang-orang (yang bermaruah):

فَسَقَىٰ لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّىٰٓ إِلَى ٱلظِّلِّ فَقَالَ رَبِّ إِنِّى لِمَآ أَنزَلْتَ إِلَىَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ ﴿٢٤﴾

"Lalu Musa memberi minum (ternakan) keduanya kemudian dia berundur ke tempat yang teduh dan berdo'a: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku amat memerlukan apa sahaja kebajikan yang engkau turunkan kepadaku."(24)

Ini menunjukkan betapa tingginya hati Nabi Musa a.s. yang dibentuk dan diasuh di bawah pemerhatian Ilahi itu,. dan ini juga membuktikan kekuatan dan kegagahan beliau yang menggerunkan orang lain walaupun beliau sedang letih lesu kerana pengembaraannya yang amat jauh. Mungkin kekuatan jiwa beliaulah yang menimbulkan rasa gerun di dalam hati pengembala-pengembala ini, iaitu kekuatan yang lebih besar dari kekuatan tubuh badannya, kerana sememangnya manusia itu lebih banyak terpengaruh kepada kekuatan jiwa dan hati.

ثُمَّ تَوَلَّىٰٓ إِلَى ٱلظِّلِّ

"Kemudian dia berundur ke tempat yang teduh."(24)

Ini menunjukkan bahawa waktu itu ialah waktu panas terik dan pengembaraan beliau adalah berlangsung dalam panas yang terik, kemudian beliau berdo'a:

فَقَالَ رَبِّ إِنِّي لِمَآ أَنزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ ﴿٢٤﴾

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku amat memerlukan apa sahaja kebajikan yang Engkau turunkan kepadaku.(24)"

Yakni beliau berteduh dengan tubuh badannya di bawah bayang lembut yang merehatkan, dan berteduh dengan jiwa dan hatinya di bawah bayang perlindungan yang lebar dan panjang, iaitu bayang perlindungan Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Pengurnia. **"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku amat memerlukan apa sahaja kebajikan yang Engkau turunkan kepadaku."** Yakni wahai Tuhanku! Aku sedang berada di tengah hari yang panas terik, aku amat memerlukan pertolongan-Mu, wahai Tuhanku! Aku berada seorang diri. Wahai Tuhan! Aku sangat lemah dan aku amat memerlukan limpah kurnia-Mu, pemberian-Mu dan kemurahan-Mu.

Dari celah-celah ayat ini kita dapat mendengar bisikan hati Musa a.s. yang ingin berlindung di bawah naungan Allah yang aman tenteram, kuat dan teguh, teduh dan nyaman, kita mendengar suara munajat yang dekat, suara bisikan yang menarik, suara permohonan yang halus dan perhubungan yang amat mendalam. **"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku amat memerlukan apa sahaja kebajikan yang Engkau turunkan kepadaku."**

Belum lagi selesai kita bersama Musa a.s. di dalam adegan munajat itu, tiba-tiba Al-Qur'an menayangkan pula adegan kelepasan dari kesusahan dengan menggunakan ungkapan "فجاءته" lalu datanglah, seolah-olah langit dengan pantas menyahut seruan hati yang merayu dan dagang itu:

فَجَآءَتْهُ إِحْدَىٰهُمَا تَمْشِي عَلَى ٱسْتِحْيَآءٍ قَالَتْ

إِنَّ أَبِي يَدْعُوكَ لِيَجْزِيَكَ أَجْرَ مَا سَقَيْتَ لَنَا

"Lalu datanglah salah seorang dari dua wanita tadi berjalan dengan sopan santun dan berkata: Sesungguhnya bapa saya menjemput anda untuk membalas kebaikan anda memberi minum kepada ternakan kami."(25)

Musa Bertemu Jodoh Di Madyan

Alangkah cepatnya kelepasan dari Allah! Alangkah hampirnya Allah! Itulah jemputan dari seorang ayah yang tua sebagai memenuhi kehendak Ilahi yang telah mem-perkenankan do'a Nabi Musa a.s. yang amat memerlukan pertolongan itu, iaitu jemputan supaya sudi berteduh di rumahnya. Jemputan untuk memberi penghormatan dan membalas budi. Jemputan itu disampaikan oleh **"Salah seorang dari dua wanita tadi"** dia datang dan **"Berjalan dengan sopan santun"** iaitu gaya berjalan gadis sunti yang suci dan beradab sopan ketika menemui lelaki. **"Dengan sopan santun"** tanpa menunjukkan kelakuan yang kasar, tanpa menonjol-menonjol dan menunjuk-nunjuk, tanpa angkuh dan tanpa keinginan mempesona dan menggoda. Dia datang menyampaikan jemputan dengan kata-kata yang amat ringkas dan amat padat maksudnya sebagaimana diceritakan oleh Al-Qur'an. **"Sesungguhnya bapa saya menjemput anda untuk membalas kebaikan anda memberi minum kepada ternakan kami".** Sifat malu dan sopan santun berganding pula dengan sifat tegas dan jelas, tidak teragak-agak, tergugup-gugup dan serba salah. Ini juga dari saranan fitrah yang sihat dan lurus, kerana seorang gadis yang lurus itu dengan sendirinya merasa malu apabila bertemu dengan lelaki dan bercakap dengan mereka, tetapi gadis ini tidak tergugup-gugup kerana dia percaya kepada kebersihan dan kejujurannya. Dia tidak menunjukkan telatah gugup yang menarik hati dan merangsangkan nafsu berahi lelaki, malah dia bercakap dengan jelas sekadar perlu dan tidak lebih dari itu.

Ayat ini menamatkan pemandangan sekadar ini sahaja tanpa lebih. Ia tidak menyebut selain dari jemputan yang disampaikan oleh gadis itu dan kesanggupan Musa memenuhi jemputan itu. Kemudian secara tiba-tiba ditayangkan pemandangan pertemuan di antara beliau dengan orang tua ini yang tidak disebut namanya. Menurut satu pendapat orang tua itu ialah anak saudara Nabi Syu'ayb a.s. yang terkenal itu dan namanya ialah Yathrun. [4]

---

[4] *Dahulu pernah saya kata di dalam tafsir Fi Zilal ini bahawa lelaki itu ialah Nabi Syu'ayb a.s. dan sekali pula saya kata lelaki itu mungkin Nabi Syu'ayb a.s. dan mungkin juga orang lain. Kini saya lebih cenderung mentarjihkan pendapat bahawa lelaki itu bukannya Syu'aib, malah seorang tua yang lain yang tinggal di Madyan. Sebab yang mendorong saya mentarjihkan pendapat ini ialah lelaki ini adalah seorang yang sangat tua, sedangkan Nabi Syu'ayb a.s. sempat melihat kebinasaan kaumnya yang telah mendustakan ajarannya dan tidak ada lagi yang tinggal bersama beliau melainkan hanya orang-orang yang beriman kepadanya*

فَلَمَّا جَآءَهُۥ وَقَصَّ عَلَيْهِ ٱلْقَصَصَ قَالَ لَا تَخَفْ ۖ
نَجَوْتَ مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٥﴾

"Apabila Musa datang menemui bapanya dan menceritakan kepadanya segala cerita (mengenai dirinya) diapun berkata: Janganlah engkau takut, kerana engkau telah pun selamat dari kaum yang zalim itu."(25)

Nabi Musa a.s. amat memerlukan keamanan di samping memerlukan, makanan dan minuman, tetapi keinginannya untuk mendapat keamanan adalah lebih besar lagi dari keinginan badannya kepada bekalan makanan. Oleh sebab itu Al-Qur'an menonjolkan kata-kata orang tua yang tenang itu di dalam pemandangan pertemuan beliau dengannya **"Janganlah engkau takut".** Ia jadikan kata-kata ini sebagai kata-kata pertama orang tua itu apabila dia memberi ulasan terhadap cerita-cerita Musa kepadanya dengan tujuan supaya hati beliau merasa tenteram dan aman kemudian dia memberi sebabnya **"Kerana engkau telah pun selamat dari kaum yang zalim itu"** mereka tidak punya kuasa di atas negeri Madyan dan mereka tidak dapat melakukan apa-apa gangguan dan kemudharatan kepada orang yang tinggal di sini.

Kemudian di dalam pemandangan ini kita mendengar suara perempuan yang lurus dan jujur:

قَالَتْ إِحْدَىٰهُمَا يَٰٓأَبَتِ ٱسْتَـْٔجِرْهُ ۖ إِنَّ خَيْرَ مَنِ
ٱسْتَـْٔجَرْتَ ٱلْقَوِىُّ ٱلْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

"Berkatalah salah seorang dari duaka: Wahai bapaku! Ambillah dia sebagai pekerja (kita), kerana sesungguhnya sebaik-baik orang yang patut bapa mengambilnya sebagai pekerja ialah orang yang kuat dan beramanah."(26)

Dia dan saudaranya mengalami kesulitan dalam menternakkan kambing-kambing mereka dan dalam kerja berebut-berebut dengan kaum lelaki untuk mendapatkan air bagi ternakan mereka dan kesulitan bercampur gaul dengan kaum lelaki yang terpaksa dihadapkan oleh perempuan yang membuat pekerjaan lelaki. Dia dan saudaranya benar-benar merasa perit dengan keadaan-keadaan ini semuanya. Dia mahu menjadi wanita rumahan iaitu wanita-wanita yang bersih dan tidak bercampur baur dengan lelaki-lelaki asing di padang ragut dan di tempat-tempat air. Perempuan yang berjiwa bersih, berhati suci dan berfitrah yang sihat memanglah merasa tidak senang bercampur baur dengan kaum lelaki dan berkelakuan kasar yang mungkin berlaku akibat dari percampuran itu.

Kini dia melihat seorang pemuda anak dagang yang terusir dan dalam waktu yang sama dia dapati anak muda ini gagah dan beramanah. Dia sendiri melihat bagaimana kegagahan anak muda ini telah menggerunkan pengembala-pengembala di situ lalu mereka melapangkan jalan untuknya dan dia terus memberi minum kepada ternakan keduanya sedangkan dia asing di situ. Biasanya orang asing itu bersikap lemah walaupun dia kuat. Dia juga melihat sifat amanah dan kejujurannya, yang mana dia menjaga tutur katanya dan pandangan matanya apabila dia pergi menjemputnya. Oleh sebab itulah dia mencadangkan kepada bapanya supaya mengambil anak muda ini sebagai pekerjanya supaya dia dan saudaranya terhindar dari kesulitan bekerja, bercampurgaul dengan lelaki dan berperangai kasar. Dia seorang pemuda yang mampu bekerja kuat, dan amanah menjaga harta benda, kerana orang yang amanah menjaga maruah wanita tentulah juga amanah menjaga sesuatu yang lain. Ketika mengemukakan cadangan itu gadis itu sama sekali tidak tergagap-gagap dan gugup. Dia tidak takut dituduh bukan-bukan kerana hatinya bersih. Oleh sebab itulah dia tidak menaruh kebimbangan apa-apa dan tidak gamam-gamam, mengemukakan pengesyorannya kepada orang tuanya.

Di sini tidaklah perlu diceritakan tentang bukti-bukti kegagahan Musa sebagaimana yang diceritakan oleh para Mufassirin seperti kekuatannya dapat mengangkat batu penutup perigi itu yang biasanya tidak dapat diangkat melainkan oleh kekuatan dua puluh atau empat puluh orang atau lebih banyak lagi atau kurang dari itu, kerana perigi itu tidak tertutup hanya pengembala-pengembala sahaja yang sedang mengambil air darinya, lalu Musa datang menjauhkan mereka darinya untuk memberi minum kepada ternakan dua orang gadis itu atau Musa memberi minum kepada ternakan gadis-gadis itu bersama pengembala-pengembala itu.

Begitu juga tidaklah perlu diceritakan tentang tanda-tanda amanah Musa yang diceritakan oleh para Mufassirin seperti kata beliau kepada gadis itu "Silalah berjalan di belakangku dan tunjukkan sahaja jalan kepada aku" kononnya kerana beliau takut melihat tubuh badan gadis itu atau Musa berkata begitu selepas beliau berjalan di belakang gadis itu tiba-tiba datang angin mengangkatkan kainnya dan menampakkan buku lalinya, kerana semuanya ini merupakan perbuatan mengada-ngada yang tidak perlu dan merupakan perbuatan menolak syak wasangka yang tidak wujud. Nabi Musa a.s.

---

sahaja. Oleh itu andainya orang tua itu ialah Nabi Syu'ayb a.s. yang masih hidup bersama-sama saki-baki orang-orang yang beriman itu tentulah mereka tidak akan memberi minum kepada binatang-binatang ternakan mereka sebelum dua orang anak gadis nabi mereka yang tua itu memberi minum ternakan kedua-duanya, kerana perbuatan ini bukan tingkahlaku orang-orang yang beriman dan bukan cara mereka melayani nabi mereka dan anak-anak perempuannya dari generasi pertama. Selain dari itu Al-Qur'an tidak menyebut sedikit pun tentang ajaran-ajaran Nabi Syu'ayb kepada menantunya Musa kerana andainya orang tua itu ialah Nabi Syu'ayb tentulah kita dapat mendengar suara nubuwwah mengenai sesuatu ajaran dari orang tua ini selama bersama Musa yang telah tinggal bersamanya selama sepuluh tahun itu.

memanglah mempunyai mata dan hati yang bersih, dan anak gadis itu juga bersifat demikian. Sifat kesucian hati dan amanah itu tidak memerlukan kepada pengadaan cerita-cerita seperti itu ketika berlakunya pertemuan di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan kerana kesucian dan kejujuran itu dapat dilihat dengan jelas dalam tindak-tanduk biasa dan bersahaja tanpa buat-buat dan mengada-ngada.

Orang tua itu bersetuju dengan pengesyoran anak perempuannya. Barangkali dia terasa adanya saling kepercayaan dan kecenderungan semulajadi yang suci dan baik untuk membangun keluarga yang terjalin di antara hati anaknya dengan hati Musa a.s. Sifat gagah dan amanah itu apabila terkumpul pada seorang lelaki tidak syak dapat menarik hati seorang gadis yang suci yang belum tercemar dan menyeleweng dari fitrah Allah. Oleh sebab itulah orang tua itu terus menggabungkan dua tujuan apabila dia menawarkan kepada Musa bahawa dia bersedia mengahwin-kan anak perempuannya dengan beliau dengan syarat beliau bekerja dengannya menjaga binatang ternakannya selama lapan tahun, dan jika beliau menambahkan tempoh ini sampai sepuluh tahun, maka itu hanya kemurahan dari beliau sahaja bukannya menjadi syarat yang wajib:

قَالَ إِنِّىٓ أُرِيدُ أَنْ أُنكِحَكَ إِحْدَى ٱبْنَتَىَّ هَٰتَيْنِ عَلَىٰٓ
أَن تَأْجُرَنِى ثَمَٰنِىَ حِجَجٍ ۖ فَإِنْ أَتْمَمْتَ عَشْرًا
فَمِنْ عِندِكَ ۖ وَمَآ أُرِيدُ أَنْ أَشُقَّ عَلَيْكَ ۚ سَتَجِدُنِىٓ
إِن شَآءَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٢٧﴾

"Berkatalah (bapanya): Sesungguhnya aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang dari dua anak perempuanku ini dengan syarat engkau bekerja dengan aku selama lapan tahun, dan jika engkau cukupkan sepuluh tahun, maka itu adalah kemurahan darimu dan aku sekali-kali tidak mahu memberatkanmu. Dan engkau, Insya 'Allah, akan dapatiku dari golongan orang-orang yang baik."(27)

Demikianlah orang tua itu dengan mudah dan terus terang menawarkan salah seorang dari dua anak gadisnya kepada Musa tanpa menentukan mana satunya, dan barangkali juga orang tua ini merasa sebagaimana diterangkan sebelum ini bahawa anak gadisnya yang dimaksudkan itu memang telah pun ditentukan, iaitu anak gadis yang hatinya dan hati anak muda itu telah dijalinkan oleh perasaan saling mengerti dan saling percaya. Orang tua itu menawarkan anak gadis itu tanpa keberatan dan berbelit-belit, kerana dia menawarkan perkahwinan yang tidak patut dimalu. Dia menawar membangun sebuah keluarga dan sebuah rumahtangga, dan ini tentulah bukan perkara yang patut dimalukan atau patut menimbulkan keberatan dan teragak-agak atau patut disindir dari jauh atau berpura-pura dan buat-buat seperti kelakuan-kelakuan yang dapat dilihat dalam masyarakat yang menyeleweng dari fitrah yang suci dan tunduk kepada adat yang dibuat-buat, adat yang tidak betul dan karut, iaitu adat yang melarang bapa atau wali mengambil daya utama menawarkan anak gadisnya atau saudara perempuannya atau kerabat perempuannya kepada mana-mana jejaka yang dia sendiri puas hati tentang akhlaknya, keagamaannya dan kemampuannya, atau adat yang mewajibkan bakal suami atau walinya atau wakilnya mengambil daya utama meminang sendiri gadis itu. Atau adat yang tidak melayakkan tawaran itu datang dari pihak perempuan. Di antara pertentangan-pertentangan yang berlaku di dalam masyarakat yang menyeleweng seperti ini ialah mereka membenarkan muda-mudi itu bertemu, bercakap-cakap dan bercampur gaul dengan bebas dan berterus terang terhadap satu sama lain dalam perkara-perkara yang lain dari soal peminangan dan niat hendak berkahwin. Tetapi apabila sampai waktu hendak meminang atau hendak disebut soal perkahwinan, maka di sini datanglah perasaan berpura-pura malu dan timbullah halangan-halangan yang dibuat-buat dan keengganan untuk berterus-terang dan berbicara dengan mudah dan jelas.

Bapa-bapa di zaman Rasulullah s.a.w. pernah menawar sendiri anak-anak perempuan mereka (kepada orang-orang yang disukai mereka), malah ada perempuan yang menawarkan dirinya kepada Nabi s.a.w. atau kepada orang-orang yang beliau bersetuju kahwinkannya dengan dia. Semuanya ini berlaku dengan cara yang terus terang, bersih dan dengan adab sopan yang molek, tidak menjatuh kehormatan dan memalukan. Sayiduna Umar r.a. misalnya telah menawarkan anak perempuannya Hafsah kepada Sayiduna Abu Bakar, tetapi Abu Bakar diam sahaja. Kemudian dia menawarkannya pula kepada Sayiduna Uthman, tetapi Uthman juga menguzurkan dirinya. Tetapi apabila dia menceritakan perkara ini kepada Nabi s.a.w. beliau pun menenangkan hatinya semoga Allah menjodohkan anaknya itu dengan orang yang lebih baik dari keduanya. Kemudian Rasulullah s.a.w. sendiri mengahwini Hafsah r.a. Ada seorang perempuan menawarkan dirinya kepada Rasulullah s.a.w., tetapi beliau mengundurkan dirinya. Lalu perempuan itu menyerahkan kuasa kepada beliau supaya mengahwinkannya dengan siapa sahaja yang disukai beliau, lalu beliau kahwinkannya dengan seorang lelaki yang tidak memiliki apa-apa selain dari menghafal dua surah Al-Qur'an yang diajarkan beliau kepadanya. Inilah sahaja belanja maskahwinnya.

Dengan sikap yang mudah dan suci bersih inilah masyarakat Islam membangun rumahtangga-rumahtangganya dan menegakkan entiti tanpa tergamam, tanpa bercakap berbelit-belit, berpura-pura dan berpusing-pusing.

Inilah yang telah dilakukan oleh orang tua sahabat Musa itu. Dia telah membuat tawaran seperti itu kepada Musa dan berjanji tidak akan menyusahkan beliau dan tidak akan memenatkan beliau dalam

urusan pekerjaannya, dan dia berharap dengan kehendak Allah semoga Musa dapat melihat dirinya tergolong dalam kalangan orang-orang yang baik dalam tindak-tanduk muamalahnya terhadap Musa dan kesetiaan pada janjinya. Ini adalah adab sopan yang baik apabila memperkatakan tentang diri sendiri di samping menghubungkannya dengan kehendak Allah. Orang tua itu tidak memuji dirinya dan tidak pula mengaku secara tegas bahawa dia adalah benar-benar tergolong di dalam kalangan orang-orang yang baik, tetapi dia hanya berharap menjadi begitu dan menyerahkan perkara ini kepada kehendak iradat Allah.

Nabi Musa a.s. telah menerima tawaran itu dan meluluskan 'aqad itu dengan sikap terus terang dan jelas yang sama sambil mempersaksikan Allah:

قَالَ ذَٰلِكَ بَيْنِي وَبَيْنَكَ ۖ أَيَّمَا الْأَجَلَيْنِ قَضَيْتُ
فَلَا عُدْوَانَ عَلَيَّ ۖ وَاللَّهُ عَلَىٰ مَا نَقُولُ وَكِيلٌ ﴿٢٨﴾

"Jawab (Musa): Itulah perjanjian di antara saya dan anda dan mana-mana sahaja dari dua tempoh kerja itu saya tunaikan, maka hendaknya tidak ada apa-apa tuntutan yang lain lagi ke atas saya, dan Allah jua yang menjadi saksi di atas apa yang kita katakan ini."(28)

Butir-butir 'aqad dan syarat-syaratnya tidak mengan-dungi sebarang kekaburan dan kesamaran dan tidak pula menimbulkan sebarang keadaan tergamam atau malu-malu. Oleh sebab itulah Musa menerima tawaran itu dan meluluskan 'aqad itu mengikut syarat-syarat yang dikemukakan oleh orang tua itu, kemudian beliau menjelaskan lagi **"Dan mana-mana sahaja dari dua tempoh kerja itu saya tunaikan, maka hendaknya tidak ada apa-apa tuntutan yang lain lagi ke atas saya dan Allah jua yang menjadi saksi di atas apa yang kita katakan ini."** Yakni sama ada saya bekerja selama lapan tahun atau saya cukupkan sampai sepuluh tahun, maka hendaknya tidak ada tuntutan yang melebihi tugas-tugas kerja dan tidak ada tuntutan yang mewajibkan kerja sehingga sepuluh tahun, kerana tempoh kerja yang lebih dari sepuluh tahun itu hanya merupakan kerja sukarela sahaja. **"Dan Allah jua yang menjadi saksi di atas apa yang kita katakan ini."** Yakni Allahlah sahaja yang menjadi saksi dan yang diserahkan menyaksi keadilan di antara dua pihak yang ber'aqad itu. Dan cukuplah Allah sahaja menjadi wakil yang menyaksi.

Nabi Musa a.s. telah membuat penjelasan ini sesuai dengan kejujuran hatinya dan ketegasan syakhsiyahnya, juga sesuai untuk menyempurnakan kewajipan orang yang ber'aqad yang harus menjelaskan 'aqad itu dengan terperinci, terang dan jelas, sedangkan beliau sendiri telah berniat untuk menunaikan tempoh kerja yang lebih baik di antara keduanya sebagaimana telah dilakukan beliau. Menurut riwayat sebuah hadith Rasulullah s.a.w. telah menceritakan bahawa Nabi Musa a.s. **"Telah menunaikan tempoh kerja yang lebih baik di antara keduanya (dua tempoh kerja yang dipersetujui mereka)."** [5]

Demikianlah Nabi Musa a.s. berada di rumah mertuanya dengan aman tenteram dari segala gangguan Fir'aun dan tipu dayanya. Apa yang berlaku semuanya itu adalah kerana suatu hikmat yang tersemat di dalam ilmu Allah. Sekarang marilah kita tinggalkan babak ini meneruskan peristiwa-peristiwanya sehingga tamat. Penceritaan Al-Qur'an hanya berhenti setakat ini sahaja dan tirai pun telah ditabuhkan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 35)

Tempoh kerja sepuluh tahun yang dipersetujui Musa a.s. itu telah berlalu dan hal ini tidak disebut sedikit pun di dalam penerangan surah ini. Kemudian (di dalam surah ini) hanya ditayangkan babak yang ketiga selepas Nabi Musa a.s. menamatkan tempoh kerjanya dan membawa keluarganya pulang dari Madyan ke Mesir. Dalam perjalanan pulang ke Mesir beliau mengikuti jalan yang telah dilaluinya sepuluh tahun yang lampau dengan seorang diri ketika melarikan diri, tetapi suasana masa pulang tidak sama dengan suasana masa beliau merantau bagi kali yang pertama dahulu. Beliau pulang dan menemui di tengah jalannya suatu peristiwa yang tidak pernah terlintas di dalam hatinya. Beliau telah diseru Allah dan bercakap dengannya dan Allah menyerahkan kepadanya satu tugas penting untuk dilaksanakannya iaitu satu tugas yang keranannya beliau selama ini dipelihara, dijaga, diajar dan dididik Allah. Tugas itu ialah tugas menyampaikan perutusan Allah kepada Fir'aun dan kaumnya supaya baginda menyerahkan Bani Israel kepada beliau agar mereka dapat menyembah Allah tanpa mempersekutukan-Nya dengan sesiapa pun dan dapat mewarisi negeri yang dijanjikan Allah kepada mereka untuk memantapkan kedudukan mereka, juga supaya beliau menjadi seteru dan punca kedukacitaan Fir'aun, Haman dan bala tentera keduanya dan supaya kesudahan mereka berakhir di tangan beliau sebagaimana yang telah dijanjikan Allah:

فَلَمَّا قَضَىٰ مُوسَى الْأَجَلَ وَسَارَ بِأَهْلِهِ آنَسَ مِن
جَانِبِ الطُّورِ نَارًا ۖ قَالَ لِأَهْلِهِ امْكُثُوا إِنِّي آنَسْتُ
نَارًا لَّعَلِّي آتِيكُم مِّنْهَا بِخَبَرٍ أَوْ جَذْوَةٍ مِّنَ النَّارِ
لَعَلَّكُمْ تَصْطَلُونَ ﴿٢٩﴾
فَلَمَّا أَتَاهَا نُودِيَ مِن شَاطِئِ الْوَادِ الْأَيْمَنِ فِي

[5] *Hadith ini telah dikeluarkan oleh al-Bukhari.*

الْبُقْعَةِ الْمُبَارَكَةِ مِنَ الشَّجَرَةِ أَن يَا مُوسَىٰ
إِنِّي أَنَا اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٣٠﴾
وَأَنْ أَلْقِ عَصَاكَ ۖ فَلَمَّا رَآهَا تَهْتَزُّ كَأَنَّهَا جَانٌّ
وَلَّىٰ مُدْبِرًا وَلَمْ يُعَقِّبْ ۚ يَا مُوسَىٰ أَقْبِلْ وَلَا
تَخَفْ ۖ إِنَّكَ مِنَ الْآمِنِينَ ﴿٣١﴾
اسْلُكْ يَدَكَ فِي جَيْبِكَ تَخْرُجْ بَيْضَاءَ مِنْ غَيْرِ
سُوءٍ وَاضْمُمْ إِلَيْكَ جَنَاحَكَ مِنَ الرَّهْبِ ۖ فَذَانِكَ
بُرْهَانَانِ مِن رَّبِّكَ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِ ۚ إِنَّهُمْ
كَانُوا قَوْمًا فَاسِقِينَ ﴿٣٢﴾
قَالَ رَبِّ إِنِّي قَتَلْتُ مِنْهُمْ نَفْسًا فَأَخَافُ أَن يَقْتُلُونِ ﴿٣٣﴾
وَأَخِي هَارُونُ هُوَ أَفْصَحُ مِنِّي لِسَانًا فَأَرْسِلْهُ مَعِيَ
رِدْءًا يُصَدِّقُنِي ۖ إِنِّي أَخَافُ أَن يُكَذِّبُونِ ﴿٣٤﴾
قَالَ سَنَشُدُّ عَضُدَكَ بِأَخِيكَ وَنَجْعَلُ لَكُمَا
سُلْطَانًا فَلَا يَصِلُونَ إِلَيْكُمَا ۚ بِآيَاتِنَا أَنتُمَا وَمَنِ
اتَّبَعَكُمَا الْغَالِبُونَ ﴿٣٥﴾

"Apabila Musa menyelesaikan tempoh kerjanya dan berangkat bersama keluarganya, maka dia nampak api di pinggir Bukit Tur lalu dia pun berkata kepada keluarganya: Berhentilah di sini, sesungguhnya aku nampak api. Semoga dari sana aku dapat membawa sesuatu berita kepada kamu atau sepotong api supaya kamu dapat berdiang(29). Apabila Musa datang ke tempat api itu, dia pun diseru dari (arah) pinggir lembah sebelah kanannya di tempat yang diberkati (Allah) iaitu dari arah pokok itu. Wahai Musa! Sesungguhnya Akulah Allah Tuhan semesta alam(30). Dan campakkanlah tongkatmu, dan apabila Musa melihat tongkat itu bergerak seolah-olah seekor ular kecil yang lincah, dia pun terus berpaling melarikan diri tanpa menoleh ke belakang lagi (lalu dia diseru): Wahai Musa! Datanglah ke mari dan janganlah takut, sesungguhnya engkau dari golongan orang-orang yang mendapat keamanan(31). Masukkanlah sayapmu (tanganmu) ke dalam belahan dadamu nescaya ia keluar putih bersinar-sinar tanpa apa-apa penyakit dan dakapkanlah kedua sayapmu (tanganmu) ke dadamu untuk menghilangkan perasaan takut. Itulah dua mu'jizat dari Tuhanmu (untuk dihadapkan) kepada Fir'aun dan para pembesarnya, kerana sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang fasiq(32). Musa berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah membunuh seorang dari mereka, maka kerana itu aku takut mereka akan membunuhku(33). Dan saudaraku Harun itu lebih fasih lidahnya dariku. Oleh itu utuskan dia bersamaku sebagai penyokong yang membenarkan (hujah-hujahku). Sesungguhnya aku takut mereka mendustakanku(34). Allah berfirman: Kami akan menguatkan tenagamu dengan saudaramu dan Kami akan memberi kekuasaan kepada kamu, maka kerana itu (tindakan jahat) mereka tidak sampai kepada kamu. Dengan kekuatan mu'jizat-mu'jizat Kami, kamu dan pengikut-pengikut kamu akan mendapat kemenangan."(35)

Musa Kembali Ke Mesir

Sebelum kita bentangkan dua pemandangan di dalam babak ini eloklah kita berhenti sebentar memikirkan tadbir Allah yang diaturkan kepada Nabi Musa a.s dalam masa sepuluh tahun ini dan di dalam perjalanan beliau pergi dan pulang mengikuti jalan ini.

Qudrat Ilahi telah memindahkan jejak Nabi Musa a.s. selangkah demi selangkah sejak beliau masih seorang bayi dalam buaian lagi sehingga kepada babak ini. Qudrat Ilahilah yang telah menghanyutkan beliau di dalam sungai supaya dipungut oleh keluarga Fir'aun, dan qudrat Ilahi juga yang telah menimbulkan perasaan kasih kepada beliau di dalam hati permaisuri Fir'aun supaya beliau dapat membesar di dalam pemeliharaan musuhnya. Kemudian qudrat inilah juga yang telah mendorong beliau masuk ke dalam ibu kota negeri Mesir ketika penduduknya berada di dalam keadaan yang leka, di mana beliau telah membunuh seorang dari mereka, dan seterusnya qudrat inilah yang telah menghantar seorang pembesar yang Mu'min dari keluarga Fir'aun untuk mengingat dan memberi nasihat kepada beliau supaya lari dari kota itu, dan qudrat inilah yang menemani beliau di jalan padang pasir dari negeri Mesir ke negeri Madyan ketika beliau merantau seorang diri kerana diburu Fir'aun tanpa sebarang bekalan dan persediaan. Kemudian qudrat inilah yang menemukan beliau dengan orang tua itu supaya beliau bekerja dengannya selama sepuluh tahun kemudian pulang selepas itu untuk menerima tugas kerasulan.

Inilah garis perjalanan yang panjang, di mana beliau dijaga, diarah, diajar dan diberi pengalaman sebelum diseru Allah dan diserahkan tugas risalah. Beliau telah diberi pengalaman mendapat jagaan, kasih, sayang dan pemanjaan, pengalaman bertindak terburu-buru di bawah tekanan kemarahan yang terpendam, pengalaman sesal, serba salah dan memohon ampun kepada Allah, pengalaman takut, pengalaman diburu musuh dan merasa cemas, pengalaman menjadi perantau yang dagang seorang diri dan lapar dan pengalaman bekerja menjadi pengembala ternakan setelah hidup mewah di dalam istana-istana, juga berbagai-bagai pengalaman kecil yang lain di celah-celah pengalaman-pengalaman yang besar itu, di mana beliau mengalami berbagai-bagai perasaan dan fikiran dan mendapat kefahaman dan ilmu pengetahuan di samping ilmu pengetahuan dan hikmat kebijaksanaan yang dikurniakan Allah kepada beliau ketika meningkat usia muda belia yang paling kuat dan matang itu.

Kerasulan itu adalah satu tugas yang amat besar, sukar, banyak sudut dan tanggungjawab. Seorang yang memikul tugas ini memerlukan kepada bekalan yang amat besar dari berbagai-bagai pengalaman, ilmu pengetahuan dan mengecapi realiti hidup secara aman di samping mendapat pemberian laduni dari Allah juga wahyu dan bimbingan Allah kepada hatinya.

Risalah Musa a.s. itu sendiri merupakan tugas yang paling besar yang diterima oleh seorang manusia selain dari risalah Nabi Muhammad s.a.w., kerana beliau diutus kepada Fir'aun seorang raja yang paling zalim, bermaharajalela dan angkuh di muka bumi di zaman itu, seorang raja yang mewarisi singgahsana yang paling lama, kerajaan yang paling kuat dan tamadun yang paling tua, juga seorang raja yang paling zalim memperhambakan manusia dan paling takbur di bumi ini.

Beliau diutus untuk menyelamatkan kaum Bani Israel yang telah meneguk gelas kehinaan (sebegitu lama) sehingga mereka dapat menelannya dengan enak dan menjadi begitu biasa dengannya. Mereka hidup hina-dina sekian lama dan kehinaan itu merosakkan fitrah manusia sehingga ia menjadi busuk dan terhapus segala kebaikan, keindahan dan harapannya. Ia juga menghilangkan perasaan jijik terhadap sesuatu yang busuk, najis dan kotor. Justeru itu tugas menyelamat kaum yang seperti ini merupakan satu kerja yang amat sukar dan sulit.

Beliau diutus kepada kaum Bani Israel yang mempunyai aqidah yang tua, yang telah diselewengkan mereka. Gambaran aqidah itu telah rosak di dalam hati mereka, sedangkan hati mereka bukannya hati baru yang dapat menerima aqidah yang baru dengan perasaan yang suci dan ikhlas, dan bukan pula hati yang tetap berpegang kukuh dengan aqidah mereka yang tua itu. Kerja mengubati hati yang seperti ini amatlah sukar. Di samping itu penyelewengan, keladak kepercayaan yang karut dan sesat telah menyebabkan tugas itu bertambah sukar lagi.

Secara ringkas beliau diutus untuk membangunkan kembali umat Bani Israel, malah untuk melahirkan mereka dari tapak asas (yang baru), dan bagi pertama kalinya kaum Bani Israel dapat menjadi satu bangsa yang merdeka yang mempunyai cara hidup yang tersendiri yang dikendalikan oleh agama Allah. Pembinaan bangsa itu memanglah satu tugas yang amat besar dan sukar.

Mungkin kerana tujuan inilah Al-Qur'anul-Karim memberi perhatiannya yang besar kepada kisah ini, iaitu sebuah kisah yang menjadi contoh yang sempurna bagi usaha membina satu umat di atas asas da'wah dengan segala masalah yang dihadapinya dan halangan-halangan luaran dan dalaman, penyelewengan-penyelewengan, reaksi-reaksi, pengalaman-pengalaman dan segala macam kesulitan.

Adapun pengalaman sepuluh tahun (berada di Madyan), maka ia hanya untuk memisahkan di antara kehidupan mewah di dalam istana - di mana beliau membesar dengan kehidupan perjuangan da'wah yang sukar dan tugas-tugasnya yang berat.

Kehidupan di istana mempunyai suasana yang tersendiri dan tradisi-tradisi yang tersendiri, di samping bayangan-bayangan yang tersendiri, yang mempengaruhi dan mencorakkan jiwa seseorang biar pun bagaimana tinggi ilmu pengetahuan, kefahaman dan kepekaannya. Tugas kerasulan itu ialah melayani khalayak manusia yang ramai yang terdiri dari yang kaya, yang miskin, yang berada dan yang tidak berada, yang bersih dan yang kotor, yang halus dan yang kasar, yang bagus dan yang buruk, yang baik dan yang jahat, yang kuat dan yang lemah, yang sabar dan yang tidak sabar dan lain-lainnya. Golongan yang miskin mempunyai adat-adat kebiasaan yang tersendiri dalam makan, minum, pakaian, gaya berjalan, cara memahami sesuatu, cara menanggapi hidup, cara bercakap dan bergerak dan cara mengungkapkan perasaan-perasaan mereka. Adat-adat kebiasaan ini menjadi beban yang berat kepada jiwa orang-orang yang hidup mewah dan kepada perasaan orang-orang yang terdidik di dalam istana. Mereka hampir-hampir tidak sanggup untuk melihat adat-adat ini apatah lagi untuk melayani dan menanganinya walaupun hati orang-orang miskin itu penuh dengan kebaikan dan bersedia untuk menerima kebaikan, kerana rupa mereka yang lahir dan cara adat kebiasaan mereka tidak mendapat tempat di dalam hati penghuni-penghuni istana.

Kerasulan mempunyai beban-bebannya yang berat seperti kesulitan dan kesukaran, penumpuan usaha, kesanggupan menghadapi kehidupan yang jerih dan kadangkala sempit, sedangkan hati penghuni-penghuni istana walau bagaimana pun kesediaan dan kesanggupan mereka untuk berkorban, namun oleh kerana mereka telah terbiasa dengan cara hidup yang senang lenang dan selesa, maka mereka tidak tahan sabar dalam jangka waktu yang lama untuk menanggung kesulitan, penafian dan kesusahan di dalam alam realiti hidup.

Oleh sebab itulah qudrat Ilahi yang memindahkan jejak langkah Musa a.s. itu mahu menurunkan kebiasaan hidup senang lenang yang dibiasai oleh jiwa beliau itu dan melibatkan beliau di dalam masyarakat pengembala dan menjadikan beliau merasa senang hidup sebagai seorang pengembala yang mendapat makanan dan tempat tinggal setelah beliau mengalami ketakutan di buru pemerintah, menghadapi kesusahan dan kelaparan, juga supaya beliau membuang dari hatinya sebarang perasaan jijik kepada kemiskinan dan orang-orang miskin, dan perasaan bosan terhadap adat-adat kebiasaan, tingkahlaku, kekasaran, dan kedunguan mereka, juga

membuang sebarang perasaan angkuh terhadap kejahilan, kemiskinan, keburukan keadaan dan adat resam mereka. Qudrat Ilahi mahu mencampakkan beliau ke dalam laut kehidupan semasa beliau dewasa setelah ia mencampakkan beliau ke dalam arus sungai semasa beliau masih kecil dengan tujuan untuk melatih beliau memikul beban-beban kesulitan tugas da'wah sebelum diterima oleh beliau.

Setelah jiwa Nabi Musa a.s. sempurna menempuh ujian-ujiannya dan sempurna menjalan latihan-latihannya dengan ujian yang akhir di negeri orang, maka sekali lagi qudrat Ilahi membawa beliau pulang ke tempat tumpah darahnya, ke tempat kediaman keluarga dan kaumnya dan ke gelanggang tugas kerasulannyanya. Beliau pulang melalui jalan yang pernah dilaluinya sekali dengan seorang diri dan dengan perasaan yang cemas kerana diburu pemerintah. Mengapa beliau pulang pergi melalui jalan yang sama? Itulah latihan dan mencari pengalaman mengenali selok-belok jalan padang pasir, iaitu jalan-jalan di mana beliau kelak akan memimpin kaumnya (keluar dari negeri Mesir) dengan perintah Allah supaya beliau cukup lengkap dengan sifat-sifat seorang perintis dan pengalaman-pengalamannya agar beliau tidak bergantung kepada orang lain walaupun dalam masalah meneroka dan mencari jalan. Kaum beliau sangat memerlukan seorang perintis dan pemimpin yang dapat membimbing mereka di dalam segala perkara sama ada yang kecil atau yang besar setelah jiwa mereka dirosakkan oleh kehidupan yang hina-dina, tertindas kerana diperhambakan Fir'aun sehingga mereka hilang kemampuan untuk merancang dan berfikir.

Demikianlah kita dapat memahami bagaimana Musa dididik dan dibentuk di bawah pemerhatian Ilahi dan bagaimana qudrat Ilahi menyiapkan diri beliau untuk menerima tugas da'wah. Oleh itu marilah kita ikuti jejak langkah beliau yang diaturkan qudrat Ilahi yang agung menuju kepada tugas kerasulan.

******

فَلَمَّا قَضَىٰ مُوسَى ٱلْأَجَلَ وَسَارَ بِأَهْلِهِۦٓ ءَانَسَ مِن جَانِبِ ٱلطُّورِ نَارًا قَالَ لِأَهْلِهِ ٱمْكُثُوٓا۟ إِنِّىٓ ءَانَسْتُ نَارًا لَّعَلِّىٓ ءَاتِيكُم مِّنْهَا بِخَبَرٍ أَوْ جَذْوَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ لَعَلَّكُمْ تَصْطَلُونَ ﴿٢٩﴾

"Apabila Musa menyelesaikan tempoh kerjanya dan berangkat bersama keluarganya, maka dia nampak api di pinggir Bukit Tur lalu dia pun berkata kepada keluarganya: Berhentilah di sini, sesungguhnya aku nampak api. Semoga dari sana aku dapat membawa sesuatu berita kepada kamu atau sepotong api supaya kamu dapat berdiang."(29)

Apakah dorongan yang mendorong Nabi Musa a.s. pulang ke Mesir setelah tamat tempoh bekerja (yang dijanjikan itu), sedangkan dulunya beliau keluar meninggalkan negeri itu dalam keadaan takut dan cemas? Apakah yang mendorong beliau pulang hingga beliau lupakan ancaman bahaya yang sedang menunggunya di sana kerana beliau telah membunuh orang? Apakah yang mendorong beliau, sedangkan di sana Maharaja Fir'aun telah merancangkan pakatan bersama pembesar-pembesar kaumnya untuk membunuh beliau?

Itulah qudrat Ilahi yang telah mengaturkan segala jejak langkah beliau. Mungkin pada kali ini qudrat Ilahi mendorong beliau pulang dengan keinginan semulajadi iaitu keinginan untuk menemui keluarga dan kaum kerabat, merindui tanahair dan kampung halaman. Dorongan keinginan ini membuat beliau merasa aman terhadap ancaman bahaya yang telah menyebabkan beliau keluar melarikan diri seorang diri. Ia mendorong beliau pulang untuk melaksanakan tugas kerasulan yang kerananya beliau dicipta dan dijaga sejak awal-awal lagi.

Walau bagaimanapun beliau kini sedang di dalam perjalanan pulang ke Mesir membawa keluarganya bersama. Waktu ini ialah waktu malam dengan suasananya yang gelap-gelita. Beliau kesesatan jalan dan udara malam dirasa amat dingin sebagaimana dapat difaham dari usahanya pergi mendapatkan tempat api yang dilihatnya itu untuk mendapat berita di sana atau untuk mengambil sepotong api untuk ber-diang. Itulah pemandangan yang pertama di dalam babak ini.

Adapun pemandangan yang kedua ialah peristiwa agung yang tidak terduga:

Musa Menghadapi Tajalli Yang Agung

فَلَمَّآ أَتَىٰهَا نُودِىَ مِن شَٰطِئِ ٱلْوَادِ ٱلْأَيْمَنِ فِى ٱلْبُقْعَةِ ٱلْمُبَٰرَكَةِ مِنَ ٱلشَّجَرَةِ

"Apabila Musa datang ke tempat api itu, dia pun diseru dari (arah) pinggir lembah sebelah kanannya di tempat yang diberkati (Allah) iaitu dari arah pokok itu."(30)

Ini dia Musa a.s. sedang menuju ke tempat api yang dilihatnya. Kini beliau berada di tepi wadi di pinggir Bukit Tursina, dan wadi berada di sebelah kanannya **"Di tempat yang diberkati (Allah)"** yakni tempat ini diberkati Allah sejak detik waktu itu. Kemudian kini seluruh pelosok alam buana sedang bergema dengan seruan Ilahi Yang Maha Tinggi yang ditujukan kepada Musa **"Dari arah pokok itu"** dan mungkin pokok ini merupakan satu-satunya pokok yang ada di tempat itu:

أَن يَٰمُوسَىٰٓ إِنِّىٓ أَنَا ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٣٠﴾

"Wahai Musa! Sesungguhnya Akulah Allah Tuhan semesta alam."(30)

Nabi Musa a.s. menerima seruan Ilahi ini secara langsung. Beliau menerimanya dengan seorang diri di malam yang sunyi sepi. Beliau menerimanya dengan gemanya yang bersahut-sahutan di merata pelosok alam buana yang terbentang di sekelilingnya, dan memenuhi langit dan bumi. Beliau menerimanya tanpa mengetahui caranya dan tanpa mengetahui dengan mana satu anggota dan dari jalan mana. Beliau menerimanya dengan sepenuh alam buana di sekelilingnya dan dengan sepenuh jiwanya. Beliau menerima-nya dan mampu menerimanya kerana beliau dibentuk dan dididik di bawah pemerhatian Ilahi sehingga beliau cukup bersedia untuk menghadapi detik-detik yang agung ini.

Hati nurani alam buana telah merakamkan seruan Ilahi yang tinggi itu, dan tempat itu telah diberkati tajalli Allah Yang Maha Mulia, dan wadi itu turut dimuliakan dengan tajalli Ilahi itu dan menjadikannya sebuah wadi yang istimewa. Di sinilah Musa berdiri dalam satu suasana yang paling mulia yang pernah dihadapi seorang manusia.

Seruan Ilahi yang tinggi itu menyampaikan perintah kepada hamba-Nya:

وَأَنۡ أَلۡقِ عَصَاكَۚ

"Dan campakkanlah tongkatmu."(31)

Lalu Musa membuangkan tongkatnya kerana mematuhi perintah Allah, tetap apakah yang telah berlaku? Tongkat itu bukan lagi tongkat yang menemaninya selama ini, bukan lagi tongkat yang benar-benar dikenalinya. Ia telah menjadi seekor ular yang bergerak lincah, cepat dan berbelit-belit seperti ular-ular kecil, sedangkan ia seekor ular yang besar:

فَلَمَّا رَءَاهَا تَهۡتَزُّ كَأَنَّهَا جَآنّٞ وَلَّىٰ مُدۡبِرٗا وَلَمۡ يُعَقِّبۡۚ

"Dan apabila Musa melihat tongkat itu bergerak seolah-olah seekor ular kecil yang lincah, dia pun terus berpaling melarikan diri tanpa menoleh ke belakang lagi."(31)

Itulah peristiwa luar dugaan yang beliau sama sekali tidak bersedia untuk menghadapinya di samping tabi'at beliau yang mudah terharu dan sensitif itu, **"Dia pun terus berpaling melarikan diri tanpa menoleh ke belakang lagi"** dan tanpa berfikir untuk kembali melihat tongkat itu dan memeriksa apakah sebenarnya yang telah terjadi kepadanya serta memikirkan peristiwa aneh yang amat besar ini dengan teliti. Inilah sifat orang-orang sensitif yang dapat dilihat tepat-pada waktunya.

Kemudian dia mendengar perintah Tuhannya yang Maha Tinggi:

يَٰمُوسَىٰٓ أَقۡبِلۡ وَلَا تَخَفۡۖ إِنَّكَ مِنَ ٱلۡأٓمِنِينَ ٣١

"Wahai Musa! Datanglah kemari dan janganlah takut sesungguhnya engkau dari golongan orang-orang yang mendapat keamanan."(31)

Ketakutan dan ketenteraman silih berganti dengan cepat di dalam jiwa Musa di semua peringkat hidupnya. Itulah suasana hidup beliau dari awal hingga akhir, dan sifat mudah terharu yang berterusan ini memanglah sengaja ditentukan Allah di dalam jiwa dan kehidupan beliau, kerana ia merupakan sifat yang bertentangan dengan sifat Bani Israel yang telah hilang rasa dan terbiasa dengan hidup hina-dina sekian lama. Itulah pentadbiran dan perencanaan qudrat Ilahi yang amat mendalam dan amat halus. **"Datanglah ke mari dan janganlah takut. Sesungguhnya engkau dari golongan orang-orang yang mendapat keamanan."**

Bagaimana orang yang diatur jejak langkahnya dan dijaga di bawah penglihatan Ilahi tidak dapat merasa aman tenteram?

ٱسۡلُكۡ يَدَكَ فِي جَيۡبِكَ تَخۡرُجۡ بَيۡضَآءَ مِنۡ غَيۡرِ سُوٓءٖ

"Masukkanlah sayapmu (tanganmu) ke dalam belahan dadamu nescaya ia keluar putih bersinar-sinar tanpa apa-apa penyakit."(32)

Nabi Musa a.s. mematuhi perintah itu dan terus memasukkan tangannya ke dalam belahan bajunya di bahagian dada kemudian mengeluarkannya kembali, tiba-tiba berlakulah peristiwa aneh yang kedua dalam satu masa, iaitu tangan beliau berubah menjadi putih bersinar-sinar tanpa penyakit, sedangkan selama ini beliau biasa melihatnya berwarna kemerah-merahan. Tangan itu merupakan isyarat yang melambangkan kegemilangan kebenaran, kejelasan bukti dan dalil kekuasaan Ilahi.

(Sekali lagi) Musa dikongkong tabi'atnya yang mudah terharu itu. Beliau menggigil ketakutan menghadapi suasana-suasana mu'jizat yang berturut-turut itu dan sekali lagi beliau diselamatkan oleh ri'ayah Ilahi yang penyayang, yang mengeluarkan arahan untuk menjadikan beliau tenteram, iaitu arahan supaya beliau mendakapkan tangannya di atas dadanya untuk mengurangkan degukan-degukan dan debaran jantungnya.

وَٱضۡمُمۡ إِلَيۡكَ جَنَاحَكَ مِنَ ٱلرَّهۡبِۖ

"Dakapkanlah kedua sayapmu (tanganmu) kedadamu untuk menghilangkan perasaan takut."(32)

Seolah-olah tangan beliau ini serupa dengan sayap burung yang mendakap dadanya dan serupa dengan burung yang tenteram apabila ia mengucupkan sayapnya, kerana gerak kibaran sayap burung itu serupa dengan gerak degukan jantung dan gerak kuncupannya sama dengan rasa ketenteraman. Ayat

ini melukiskan gambaran sedemikian mengikut cara Al-Qur'an.

Sekarang Nabi Musa a.s. telah menerima perintah dan melihat pemandangan-pemandangan mu'jizat iaitu dua pemandangan yang luar biasa yang dihadapinya dengan menggigil ketakutan dan kemudian kembali tenang. Sekarang barulah beliau mengetahui rahsia di sebalik bukti-bukti kekuasaan Allah (yang ditunjukkan kepadanya) itu dan sekarang juga beliau menerima tugas kerasulannya, iaitu satu tugas yang kerananya beliau diasuh dari sejak kecil lagi supaya beliau dapat menerimanya.

فَذَٰنِكَ بُرْهَٰنَانِ مِن رَّبِّكَ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَإِيْهِۦٓ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَٰسِقِينَ ﴿٣٢﴾

"Itulah dua mu'jizat dari Tuhanmu (untuk dihadapkan) kepada Fir'aun dan para pembesarnya, kerana sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang fasiq."(32)

Itulah tugas kerasulan, iaitu beliau diutuskan kepada Fir'aun dan kaumnya. Itulah janji yang diterima ibu Musa ketika beliau masih dalam usia bayi yang sedang menyusu:

إِنَّا رَآدُّوهُ إِلَيْكِ وَجَاعِلُوهُ مِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٧﴾

"Kerana sesungguhnya Kami akan memulangkannya ke pangkuanmu kembali dan melantikkannya sebagai salah seorang dari para rasul."(7)

Itulah janji yang benar yang telah dilalui sekian tahun lamanya. Itulah janji Allah yang tidak pernah dimungkirinya, kerana Dialah sebenar-benar yang berkata.

Di sini Nabi Musa a.s. teringat bahawa beliau telah membunuh seorang dari kaum Fir'aun dan melarikan diri dari kalangan mereka kerana diburu pemerintah. Beliau teringat bagaimana mereka merancangkan pakatan untuk membunuhnya dan kerana itulah beliau lari jauh dari mereka. Beliau terkenang bahawa beliau sedang berada di hadapan Tuhannya yang telah memberi penghormatan kepadanya dengan pertemuan ini dan memuliakan beliau dengan wahyunya, dengan bukti-bukti mu'jizat dan dengan penjagaan dan pemeliharaan-Nya. Oleh itu mengapa beliau tidak mengambil langkah berjaga-jaga kerana takut dibunuh orang yang boleh mengakibatkan terputusnya risalahnya itu:

قَالَ رَبِّ إِنِّى قَتَلْتُ مِنْهُمْ نَفْسًا فَأَخَافُ أَن يَقْتُلُونِ ﴿٣٣﴾

"Musa berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah membunuh seorang dari mereka, maka kerana itu aku takut mereka akan membunuhku."(33)

Beliau mengeluarkan kata-kata ini bukan untuk menguzur dan menarik diri (dari tugas itu), tetapi untuk mengambil langkah berjaga-jaga terhadap keselamatan da'wah supaya ia dapat berjalan terus jika beliau menemui apa yang dibimbanginya itu. Inilah sifat hati-hati dan waspada yang layak dengan syakhsiyah Nabi Musa yang gagah dan beramanah itu:

وَأَخِى هَٰرُونُ هُوَ أَفْصَحُ مِنِّى لِسَانًا فَأَرْسِلْهُ مَعِىَ رِدْءًا يُصَدِّقُنِىٓ ۖ إِنِّىٓ أَخَافُ أَن يُكَذِّبُونِ ﴿٣٤﴾

"Dan saudaraku Harun itu lebih fasih lidahnya dariku. Oleh itu utuskan dia bersamaku sebagai penyokong yang membenarkan (hujah-hujahku). Sesungguhnya aku takut mereka mendustakanku."(34)

Yakni Harun mempunyai lidah yang lebih fasih dan petah. Oleh itu dia lebih berkemampuan untuk mempertahankan da'wah dan boleh menjadi pembantu untuk menguatkan da'wahnya dan seterusnya dapat mengganti-kannya apabila beliau dibunuh.

Di sini permohonan Musa a.s. mendapat sambutan dan jaminan dari Allah:

Harun Diutus Untuk Membantu Musa

قَالَ سَنَشُدُّ عَضُدَكَ بِأَخِيكَ وَنَجْعَلُ لَكُمَا سُلْطَٰنًا فَلَا يَصِلُونَ إِلَيْكُمَا ۚ بِـَٔايَٰتِنَآ أَنتُمَا وَمَنِ ٱتَّبَعَكُمَا ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٣٥﴾

"Allah berfirman: Kami akan menguatkan tenagamu dengan saudaramu dan Kami akan memberi kekuasaan kepada kamu, maka kerana itu (tindakan jahat) mereka tidak sampai kepada kamu. Dengan kekuatan mu'jizat-mu'jizat Kami, kamu dan pengikut-pengikut kamu akan mendapat kemenangan."(35)

Yakni Allah telah memperkenankan harapan beliau dan menguatkan tenaga beliau dengan saudaranya Harun, dan lebih dari itu Allah menyampaikan pula berita gembira dan jaminan. **"Dan kami akan memberi kekuatan kepada kamu"** yakni mereka tidak akan menemui Fir'aun yang bermaharajalela itu dengan tangan yang kosong, malah mereka akan menemuinya dengan berbekalkan kuasa Ilahi yang tidak dapat ditentang oleh mana-mana kuasa di bumi, dan dengan kuasa ini tiada pemerintah yang zalim yang dapat menyentuh mereka **"Kerana itu (tindakan jahat) mereka tidak sampai kepada kamu"** yakni kamu ber-dua akan dipagari dengan kuasa Ilahi supaya kamu berada di dalam kubu keselamatan dan perlindungan yang kukuh.

Berita gembira itu tidak hanya terhenti setakat ini sahaja, malah berita itu menyatakan pula bahawa keme-nangan akan dicapai oleh kebenaran. Kemenangan akan dicapai oleh mu'jizat-mu'jizat dari Allah yang digunakan mereka dalam menghadapi manusia-manusia yang zalim itu. Itulah satu-satunya senjata, kekuatan dan alat kemenangan **"Dengan kekuatan mu'jizat-mu'jizat Kami, kamu dan pengikut-pengikut kamu akan** mendapat **kemenangan."**

Di sini qudrat Ilahi kelihatan amat jelas di atas pentas peristiwa-peristiwa (yang telah berlaku). Ia melaksanakan tugasnya secara terbuka tanpa berselindung di sebalik kekuatan-kekuatan di bumi supaya kemenangan (Rasul-Nya) dicapai tanpa melalui sebab-sebab yang dikenali di dalam dunia manusia, dan supaya wujudnya satu neraca baru bagi kekuatan dan nilai-nilai di dalam jiwa manusia iaitu neraca keimanan dan kepercayaan kepada Allah dan selepas itu segala-galanya terserah kepada Allah.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 42)

Di sini berakhirlah pemandangan yang indah dan hebat ini. Zaman dan tempat pun dilipat, kemudian tiba-tiba muncul pemandangan Musa dan Harun sedang menghadapi Fir'aun dengan mu'jizat-mu'jizat yang jelas dari Allah, tiba-tiba berlaku dialog di antara hidayat dan kesesatan, tiba-tiba berlaku penamatan hayat Fir'aun yang muktamad di dalam kehidupan dunia dengan peristiwa tenggelam, dan di dalam kehidupan Akhirat dengan laknat Allah. Semuanya berlaku dengan pantas dan ringkas:

فَلَمَّا جَآءَهُم مُّوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَا بَيِّنَٰتٖ قَالُواْ مَا هَٰذَآ إِلَّا سِحۡرٞ مُّفۡتَرٗى وَمَا سَمِعۡنَا بِهَٰذَا فِيٓ ءَابَآئِنَا ٱلۡأَوَّلِينَ (٣٦)

وَقَالَ مُوسَىٰ رَبِّيٓ أَعۡلَمُ بِمَن جَآءَ بِٱلۡهُدَىٰ مِنۡ عِندِهِۦ وَمَن تَكُونُ لَهُۥ عَٰقِبَةُ ٱلدَّارِۖ إِنَّهُۥ لَا يُفۡلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ (٣٧)

وَقَالَ فِرۡعَوۡنُ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمَلَأُ مَا عَلِمۡتُ لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرِي فَأَوۡقِدۡ لِي يَٰهَٰمَٰنُ عَلَى ٱلطِّينِ فَٱجۡعَل لِّي صَرۡحٗا لَّعَلِّيٓ أَطَّلِعُ إِلَىٰٓ إِلَٰهِ مُوسَىٰ وَإِنِّي لَأَظُنُّهُۥ مِنَ ٱلۡكَٰذِبِينَ (٣٨)

وَٱسۡتَكۡبَرَ هُوَ وَجُنُودُهُۥ فِي ٱلۡأَرۡضِ بِغَيۡرِ ٱلۡحَقِّ وَظَنُّوٓاْ أَنَّهُمۡ إِلَيۡنَا لَا يُرۡجَعُونَ (٣٩)

فَأَخَذۡنَٰهُ وَجُنُودَهُۥ فَنَبَذۡنَٰهُمۡ فِي ٱلۡيَمِّۖ فَٱنظُرۡ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ (٤٠)

وَجَعَلۡنَٰهُمۡ أَئِمَّةٗ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلنَّارِۖ وَيَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ لَا يُنصَرُونَ (٤١)

وَأَتۡبَعۡنَٰهُمۡ فِي هَٰذِهِ ٱلدُّنۡيَا لَعۡنَةٗۖ وَيَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ هُم مِّنَ ٱلۡمَقۡبُوحِينَ (٤٢)

"Apabila Musa datang menemui mereka dengan membawa mu'jizat-mu'jizat Kami mereka pun berkata: Ini tiada lain melainkan hanya perbuatan sihir yang dibuat-buat sahaja dan kami tidak pernah dengar perkara ini berlaku di dalam kalangan datuk nenek kami di zaman dahulu(36). Dan Musa menjawab: Tuhanku lebih mengetahui siapakah yang membawa hidayat dari sisi-Nya dan siapakah yang akan mendapat akibat yang baik di negeri Akhirat. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak memperolehi keberuntungan(37). Dan berkatalah Fir'aun: Wahai sekalian pembesar! Aku tidak mengetahui bahawa kamu mempunyai tuhan yang lain dariku. Oleh itu wahai Haman! Bakarlah untukku tanah liat kemudian binakan untukku satu bangunan yang tinggi supaya aku dapat naik melihat Tuhan Musa dan sesungguhnya aku fikir dia itu dari golongan para pendusta(38). Dan Fir'aun dan bala tenteranya telah berlagak angkuh di bumi (Mesir) tanpa sebab yang benar dan mereka telah menyangka bahawa mereka tidak akan dikembalikan kepada Kami(39). Lalu Kami ambil Fir'aun dan bala tenteranya dan Kami buangkan mereka ke dalam lautan. Oleh itu lihatlah bagaimana akibat orang-orang yang zalim(40). Dan Kami telah jadikan mereka para pemimpin yang menyeru (pengikut-pengikut mereka) ke Neraka, dan pada hari Qiamat nanti mereka tidak akan diberi pertolongan(41). Dan Kami iringkan laknat ke atas mereka di dunia ini dan pada hari Qiamat kelak mereka adalah dari golongan mereka yang diburuk-burukkan."(42)

Penerangan ayat-ayat ini mempercepatkan cerita pukulan maut (terhadap Fir'aun). Ia hanya menceritakan babak tukang-tukang sihir itu dengan ringkas sahaja, iaitu satu babak yang diceritakan dengan panjang lebar di dalam surah-surah yang lain. Ia sengaja menceritakannya dengan ringkas supaya pembohongan Fir'aun itu terus berakhir dengan kebinasaan. Kemudian ia tidak hanya berhenti setakat Fir'aun itu diazab di dunia, malah ia mengikuti perjalanan Fir'aun itu hingga ke negeri Akhirat. Kecepatan cerita babak ini memang diatur sesuai dengan tujuan kisah di dalam surah ini iaitu untuk menunjukkan campurtangan Ilahi secara langsung tanpa berselindung di belakang tadbir manusia. Sebaik sahaja Musa menghadapi Fir'aun, maka Allah dengan segera menimpakan akibat ke atasnya dan qudrat-Nya terus memberi pukulan maut kepadanya tanpa menceritakannya dengan panjang lebar.

فَلَمَّا جَآءَهُم مُّوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَا بَيِّنَٰتٖ قَالُواْ مَا هَٰذَآ إِلَّا سِحۡرٞ مُّفۡتَرٗى وَمَا سَمِعۡنَا بِهَٰذَا فِيٓ ءَابَآئِنَا ٱلۡأَوَّلِينَ (٣٦)

"Apabila Musa datang menemui mereka dengan membawa mu'jizat-mu'jizat Kami mereka pun berkata: Ini tiada lain melainkan hanya perbuatan sihir yang dibuat-buat sahaja dan kami tidak pernah dengar perkara ini berlaku di dalam kalangan datuk nenek kami di zaman dahulu."(36)

Seolah-olah kata-kata ini sama dengan kata-kata kaum Musyrikin kepada Nabi Muhammad s.a.w. pada masa itu **"Ini tidak lain melainkan hanya perbuatan sihir yang dibuat-buat sahaja dan kami tidak pernah dengar perkara ini berlaku di dalam kalangan datuk nenek kami di zaman dahulu".** Ini hanya merupakan pertengkaran yang degil menentang kebenaran yang terang, yang tidak dapat ditolak. Itulah pertengkaran degil yang berulang-ulang apabila kebenaran menentang kebatilan dan kebatilan tidak mampu menjawab. Mereka mendakwa perbuatan itu sebagai perbuatan sihir. Mereka tidak mempunyai hujah untuk menolaknya selain dari mengatakan bahawa perkara itu adalah baru kepada mereka. Mereka tidak pernah mendengar berlaku di dalam kalangan datuk nenek mereka.

Mereka tidak berbincang dengan mengemukakan hujah-hujah dan alasan-alasan, malah mereka hanya melontarkan kata-kata yang samar-samar, yang tidak menegakkan kebenaran dan tidak pula menumbangkan. kebatilan dan menolak dakwaan, tetapi Nabi Musa a.s. menyerahkan persoalan di antara beliau dengan mereka kepada Allah, kerana mereka tidak mengemukakan apa-apa hujah yang dapat dibincangkan oleh beliau dan tidak pula menuntut apa-apa dalil yang dapat diberikan beliau kepada mereka, malah mereka hanya bertengkar secara degil sebagaimana dilakukan oleh pendokong-pendokong kebatilan di setiap tempat dan zaman. Oleh itu bercakap ringkas dengan mereka adalah lebih baik dan mengambil sikap tidak menghiraukan mereka adalah lebih mulia. Kerana inilah beliau menyerahkan perkara ini kepada Allah sahaja:

وَقَالَ مُوسَىٰ رَبِّيٓ أَعۡلَمُ بِمَن جَآءَ بِٱلۡهُدَىٰ مِنۡ عِندِهِۦ وَمَن تَكُونُ لَهُۥ عَٰقِبَةُ ٱلدَّارِۖ إِنَّهُۥ لَا يُفۡلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ ٣٧

"Dan Musa menjawab: Tuhanku lebih mengetahui siapakah yang membawa hidayat dari sisi-Nya dan siapakah yang akan mendapat akibat yang baik di negeri Akhirat. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak memperolehi keberuntungan."(37)

Itulah jawapan yang sopan dan halus, di mana beliau menyindir dan tidak mengatakan secara terus terang, tetapi sekaligus itu juga ia merupakan satu jawapan yang jelas dan penuh dengan keyakinan terhadap akibat pertentangan di antara yang benar dan yang batil. Tuhannya lebih mengetahui kebenaran dan hidayatnya. Balasan yang baik telah dijamin kepada orang yang membawa hidayat, sedangkan orang-orang yang zalim itu pada akhirnya tetap tidak akan beruntung. Itulah Sunnatullah yang tidak pernah berubah walaupun pada lahirnya kadang-kadang ia kelihatan tidak menuju ke arah ini. Itulah undang-undang atau Sunnatullah dan dengan Sunnatullah itulah Musa a.s. menghadapi kaumnya, dan beginilah juga setiap nabi yang lain menghadapi kaumnya masing-masing.

Tetapi jawapan Fir'aun terhadap jawapan yang sopan dan keyakinan itu ialah mengemukakan dakwaan yang bukan-bukan, kata-kata yang takbur, sendaan, putar belit dan ejekan:

وَقَالَ فِرۡعَوۡنُ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمَلَأُ مَا عَلِمۡتُ لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرِي فَأَوۡقِدۡ لِي يَٰهَٰمَٰنُ عَلَى ٱلطِّينِ فَٱجۡعَل لِّي صَرۡحٗا لَّعَلِّيٓ أَطَّلِعُ إِلَىٰٓ إِلَٰهِ مُوسَىٰ وَإِنِّي لَأَظُنُّهُۥ مِنَ ٱلۡكَٰذِبِينَ ٣٨

"Dan berkatalah Fir'aun: Wahai sekalian pembesar! Aku tidak mengetahui bahawa kamu mempunyai tuhan yang lain dariku. Oleh itu wahai Haman! Bakarlah untukku tanah liat kemudian binakan untukku satu bangunan yang tinggi supaya aku dapat naik melihat Tuhan Musa dan sesungguhnya aku fikir dia itu dari golongan para pendusta."(38)

Yakni wahai sekian pembesar, setahu beta kamu tidak mempunyai tuhan yang lain selain dari beta. Inilah kata-kata jahat dan kafir yang diterima oleh para pembesar Fir'aun dengan patuh dan menyerah bulat. Jawapan Fir'aun ini berlandaskan dongeng-dongeng yang terkenal di Mesir yang menghubungkan raja-raja dengan tuhan-tuhan, juga berdasarkan kuasa paksaan yang tidak membenarkan hamba rakyatnya berfikir dan bercakap, kerana mereka sedar bahawa dia hanya seorang manusia yang sama seperti mereka iaitu hidup dan mati, tetapi dia mengeluarkan kata-kata ini kepada mereka dan mereka menerimanya tanpa sebarang bangkangan dan ulasan.

Kemudian dia berpura-pura menunjukkan kesungguhan hendak mengetahui hakikat yang sebenar dan mencari Tuhan Musa, sedangkan tujuannya ialah mengejek dan menyenda: **"Wahai Haman! Bakarlah untukku tanah liat, kemudian binakan untukku satu bangunan yang tinggi supaya aku dapat naik melihat Tuhan Musa"** di langit, mengikut katanya. Kemudian dengan kata-kata mengejek pula dia pura-pura meragui kebenaran Musa, tetapi dia terus mencari dan menyiasat untuk mendapat hakikat yang sebenar: **"Sesungguhnya aku fikir dia itu dari golongan para pendusta."**

Di tempat inilah berlakunya babak perlawanan beliau dengan tukang-tukang sihir, tetapi babak ini dibuang di sini supaya dapat mengesahkan penghabisan cerita ini dengan cepat:

وَٱسۡتَكۡبَرَ هُوَ وَجُنُودُهُۥ فِي ٱلۡأَرۡضِ بِغَيۡرِ ٱلۡحَقِّ وَظَنُّوٓاْ أَنَّهُمۡ إِلَيۡنَا لَا يُرۡجَعُونَ ٣٩

"Dan Fir'aun dan bala tenteranya telah berlagak angkuh di bumi (Mesir) tanpa sebab yang benar dan mereka telah menyangka bahawa mereka tidak akan dikembalikan kepada Kami."(39)

Yakni apabila mereka berfikir bahawa mereka tidak akan kembali kepada Allah, mereka terus berlagak angkuh di bumi tanpa suatu alasan yang benar dan mereka mendusta-kan mu'jizat-mu'jizat dan amaran-amaran sebagaimana diterangkan di permulaan babak ini dan dihuraikan dengan panjang lebar di dalam surah-surah yang lain.

فَأَخَذۡنَٰهُ وَجُنُودَهُۥ فَنَبَذۡنَٰهُمۡ فِي ٱلۡيَمِّۖ فَٱنظُرۡ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ ٤٠

"Lalu Kami ambil Fir'aun dan bala tenteranya dan Kami buangkan mereka ke dalam lautan. Oleh itu lihatlah bagaimana akibat orang-orang yang zalim."(40)

Fir'aun Dan Bala Tenteranya Dibuang Ke Dalam Laut

Demikianlah ringkasan cerita ini. Fir'aun telah diseksakan dengan dahsyatnya dan telah dibuang ke dalam laut. Dia dibuang seperti anak-anak batu atau seperti dilontar dengan batu. Jika laut yang dicampakkan Musa semasa beliau dalam usia bayi susuan itu menjadi tempat perlindungan yang aman, maka tiba-tiba laut yang sama yang dicampakkan maharaja Fir'aun yang zalim itu telah menjadi tempat ketakutan dan kebinasaan kerana keamanan itu wujud apabila berdampingan dengan Allah dan ketakutan itu wujud apabila berjauhan dari Allah.

فَٱنظُرۡ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ ٤٠

"Oleh itu lihatlah bagaimana akibat orang-orang yang zalim."(40)

Akibat (yang diterima oleh Fir'aun itu) dapat dilihat dan terdedah kepada sekalian manusia. Ia menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang mahu mengambil pengajaran dan ia merupakan amaran kepada para pendusta. Ia menunjukkan bagaimana qudrat Ilahi dapat membinasakan pemerintah-pemerintah yang zalim dan bermaharajalela dalam sekelip mata sahaja dan di dalam sependek kata yang tidak sampai setengah baris pun.

Dalam sekelip mata yang lain pula Al-Qur'an melintasi alam hidup dunia dan meletakkan Fir'aun (di Akhirat) bersama bala tenteranya dalam satu pemandangan yang aneh. mereka menyeru untuk mempersilakan para pengikut mereka masuk ke dalam Neraka. Mereka memimpin pengikut-pengikut dan penyokong-penyokong mereka menuju ke dalam Neraka:

وَجَعَلۡنَٰهُمۡ أَئِمَّةٗ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلنَّارِۖ وَيَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ لَا يُنصَرُونَ ٤١

"Dan Kami telah jadikan mereka para pemimpin yang menyeru (pengikut-pengikut mereka) ke Neraka dan pada hari Qiamat nanti mereka tidak akan diberi pertolongan."(41)

Alangkah celakanya seruan itu dan alangkah kejinya kepimpinan itu. **"Dan pada hari Qiamat nanti mereka tidak akan diberi pertolongan."**

Itulah kekalahan (Fir'aun) di dunia dan kekalahannya di Akhirat sebagai balasan terhadap kezaliman dan kesombongannya. Fir'aun bukan sahaja menerima kekalahan, tetapi juga menerima laknat di bumi dan celaan yang buruk pada hari Qiamat.

وَأَتۡبَعۡنَٰهُمۡ فِي هَٰذِهِ ٱلدُّنۡيَا لَعۡنَةٗۖ وَيَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ هُم مِّنَ ٱلۡمَقۡبُوحِينَ ٤٢

"Dan Kami iringkan laknat ke atas mereka di dunia ini dan pada hari Qiamat kelak mereka adalah dari golongan mereka yang diburuk-burukkan."(42)

Kata **"mereka yang diburuk-burukkan"** itu sendiri melukiskan gambaran keburukan, memalukan, penghinaan dan suasana jijik sebagai balasan terhadap kesombongan dan ketakburan di bumi, juga terhadap perbuatannya yang mempesonakan rakyat jelata dengan rupa yang hebat, pangkat kebesaran yang tinggi dan berlagak angkuh terhadap Allah dan hamba-hamba kesayangan-Nya.

******

(Pentafsiran ayat 43)

Di sini Al-Qur'an melangkaui babak keluarnya Nabi Musa a.s. negeri Mesir membawa Bani Israel dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam masa itu dengan tujuan untuk mempercepatkan cerita kesudahan Nabi Musa setelah mencerita kesudahan Maharaja Fir'aun:

Musa Dikurniakan Kitab Taurat

وَلَقَدۡ ءَاتَيۡنَا مُوسَى ٱلۡكِتَٰبَ مِنۢ بَعۡدِ مَآ أَهۡلَكۡنَا ٱلۡقُرُونَ ٱلۡأُولَىٰ بَصَآئِرَ لِلنَّاسِ وَهُدٗى وَرَحۡمَةٗ لَّعَلَّهُمۡ يَتَذَكَّرُونَ ٤٣

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kitab (Taurat) kepada Musa setelah Kami binasakan umat-umat yang dahulu untuk menjadi penyuluh kepada mata hati manusia, juga menjadi hidayat dan rahmat supaya mereka mengambil pengajaran."(43)

Inilah kesudahan Nabi Musa a.s. iaitu satu kesudahan yang amat besar dan mulia, kerana beliau menerima kitab suci dari Allah yang menjadi penyuluh mata hati manusia **"Juga menjadi hidayat dan rahmat supaya mereka mengambil pengajaran"** yakni mengambil pengajaran bagaimana qudrat Allah mencampurtangan dalam pertarungan di antara orang-orang yang zalim dengan orang-orang yang lemah, dan bagaimana Allah menamatkan riwayat orang-orang yang zalim dengan kebinasaan dan kehancuran dan riwayat orang-orang yang dizalimi itu dengan kebaikan dan kedudukan yang teguh.

******

Demikianlah berakhirnya kisah Musa dan Fir'aun di dalam surah ini. Ia membuktikan bahawa keamanan itu tidak mungkin wujud melainkan dengan mendampingkan diri kepada Allah, dan ketakutan itu tidak wujud melainkan apabila seorang itu menjauhkan diri dari Allah. Ia juga menunjukkan bagaimana qudrat Ilahi campurtangan secara terbuka mencabar kezaliman dan pemerintah-pemerintah yang zalim apabila kuasa dan kekuatan mereka dijadikan alat penindasan yang tidak dapat ditolak oleh para pemberi hidayat. Itulah konsep-konsep yang perlu diyakini oleh golongan kecil kaum Muslimin yang lama di negeri Makkah, dan itulah konsep-konsep yang perlu difikirkan dengan teliti oleh golongan kaum Musyrikin yang angkuh. Itulah konsep-konsep yang sentiasa membaharu di mana-mana sahaja ada da'wah kepada hidayat dan di mana-mana sahaja ada kezaliman yang menentang da'wah.

Demikianlah kisah-kisah yang diceriterakan di dalam Al-Qur'an itu menjadi bahan untuk mendidik jiwa manusia dan untuk menjelaskan hakikat-hakikat dan undang-undang di alam al-wujud **"Supaya mereka mengambil pengajaran."**

(Kumpulan ayat-ayat 44 - 75)

وَمَا كُنتَ بِجَانِبِ ٱلۡغَرۡبِيِّ إِذۡ قَضَيۡنَآ إِلَىٰ مُوسَى ٱلۡأَمۡرَ وَمَا كُنتَ مِنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٤٤﴾

وَلَٰكِنَّآ أَنشَأۡنَا قُرُونٗا فَتَطَاوَلَ عَلَيۡهِمُ ٱلۡعُمُرُۚ وَمَا كُنتَ ثَاوِيٗا فِيٓ أَهۡلِ مَدۡيَنَ تَتۡلُواْ عَلَيۡهِمۡ ءَايَٰتِنَا وَلَٰكِنَّا كُنَّا مُرۡسِلِينَ ﴿٤٥﴾

وَمَا كُنتَ بِجَانِبِ ٱلطُّورِ إِذۡ نَادَيۡنَا وَلَٰكِن رَّحۡمَةٗ مِّن رَّبِّكَ لِتُنذِرَ قَوۡمٗا مَّآ أَتَىٰهُم مِّن نَّذِيرٖ مِّن قَبۡلِكَ لَعَلَّهُمۡ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٤٦﴾

وَلَوۡلَآ أَن تُصِيبَهُم مُّصِيبَةُۢ بِمَا قَدَّمَتۡ أَيۡدِيهِمۡ فَيَقُولُواْ رَبَّنَا لَوۡلَآ أَرۡسَلۡتَ إِلَيۡنَا رَسُولٗا فَنَتَّبِعَ ءَايَٰتِكَ وَنَكُونَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٤٧﴾

فَلَمَّا جَآءَهُمُ ٱلۡحَقُّ مِنۡ عِندِنَا قَالُواْ لَوۡلَآ أُوتِيَ مِثۡلَ مَآ أُوتِيَ مُوسَىٰٓۚ أَوَلَمۡ يَكۡفُرُواْ بِمَآ أُوتِيَ مُوسَىٰ مِن قَبۡلُۖ قَالُواْ سِحۡرَانِ تَظَٰهَرَا وَقَالُوٓاْ إِنَّا بِكُلّٖ كَٰفِرُونَ ﴿٤٨﴾

قُلۡ فَأۡتُواْ بِكِتَٰبٖ مِّنۡ عِندِ ٱللَّهِ هُوَ أَهۡدَىٰ مِنۡهُمَآ أَتَّبِعۡهُ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ﴿٤٩﴾

فَإِن لَّمۡ يَسۡتَجِيبُواْ لَكَ فَٱعۡلَمۡ أَنَّمَا يَتَّبِعُونَ أَهۡوَآءَهُمۡۚ وَمَنۡ أَضَلُّ مِمَّنِ ٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ بِغَيۡرِ هُدٗى مِّنَ ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٠﴾

وَلَقَدۡ وَصَّلۡنَا لَهُمُ ٱلۡقَوۡلَ لَعَلَّهُمۡ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾

ٱلَّذِينَ ءَاتَيۡنَٰهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ مِن قَبۡلِهِۦ هُم بِهِۦ يُؤۡمِنُونَ ﴿٥٢﴾

وَإِذَا يُتۡلَىٰ عَلَيۡهِمۡ قَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِهِۦٓ إِنَّهُ ٱلۡحَقُّ مِن رَّبِّنَآ إِنَّا كُنَّا مِن قَبۡلِهِۦ مُسۡلِمِينَ ﴿٥٣﴾

أُوْلَٰٓئِكَ يُؤۡتَوۡنَ أَجۡرَهُم مَّرَّتَيۡنِ بِمَا صَبَرُواْ وَيَدۡرَءُونَ بِٱلۡحَسَنَةِ ٱلسَّيِّئَةَ وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ يُنفِقُونَ ﴿٥٤﴾

"Dan engkau (Muhammad) tidaklah berada di sebelah barat Bukit Tursina ketika Kami menyampaikan perintah itu kepada Musa dan tidak pula termasuk dari orang-orang yang menyaksikannya(44). Tetapi Kami telah mengadakan (selepas Musa) berbagai-bagai umat lalu, mereka dilalui masa yang panjang, dan engkau (Muhammad) tidaklah tinggal di dalam kalangan penduduk Madyan (apabila) engkau membaca ayat-ayat Kami kepada mereka (penduduk Makkah), tetapi Kamilah yang mengutuskan (engkau) menjadi Rasul(45). Dan engkau (Muhammad) tidaklah berada di sebelah Bukit Tursina, ketika Kami menyeru (Musa), tetapi (Kami wahyukannya kepadamu) sebagai limpah rahmat dari Tuhanmu supaya engkau memberi amaran kepada kaum (Quraisy) yang belum datang kepada mereka seorang Rasul yang memberi amaran sebelummu

supaya mereka mengambil pengajaran(46). Dan jika tidak kerana mereka ditimpa bala bencana dengan sebab kesalahan yang dilakukan tangan mereka lalu berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapakah tidak Engkau utuskan kepada kami seorang Rasul supaya kami dapat mengikut ayat-ayat pengajaran-Mu dan termasuk di dalam golongan para Mu'minin?(47). Apabila datang kepada mereka Rasul yang benar (Muhammad) daripada Kami mereka berkata: Mengapakah dia tidak dikurniakan seperti apa yang dikurniakan kepada Musa. Tidakkah mereka telah mengingkarkan apa yang telah dikurniakan kepada Musa sebelum ini? Mereka telah berkata: (At-Taurat dan Al-Qur'an) ini adalah dua kitab sihir yang saling bantu membantu dan mereka berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya kepada dua kitab ini(48). Katakanlah: Bawalah kamu sebuah kitab dari sisi Allah yang lebih memberi hidayat dari keduanya (Taurat dan Al-Qur'an) supaya aku dapat ikutinya jika kamu orang-orang yang benar(49). Jika mereka tidak menyahut seruanmu (Muhammad), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka sahaja, dan tidak ada orang yang lebih sesat dari mereka yang mengikut hawa nafsunya tanpa mendapat hidayat dari Allah. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim(50). Sesungguhnya Kami telah menyampaikan firman Allah (Al-Qur'an) kepada mereka supaya mereka mengambil pengajaran(51). Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab sebelum Al-Qur'an mereka juga telah beriman dengannya(52). Dan apabila dibacakan Al-Qur'an kepada mereka, mereka terus berkata: Kami beriman dengannya sesungguhnya Al-Qur'an itu kitab yang benar dari Tuhan kami. Sesungguh-nya kami sebelumnya adalah dari golongan Musyrikin (yang menyerah diri kepada Allah)(53). Mereka dikurnia-kan pahala dua kali ganda kerana kesabaran mereka, dan mereka menolak kejahatan dengan kebaikan dan mereka membelanjakan (untuk kebajikan) sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka."(54).

وَإِذَا سَمِعُوا۟ ٱللَّغْوَ أَعْرَضُوا۟ عَنْهُ وَقَالُوا۟ لَنَآ أَعْمَـٰلُنَا
وَلَكُمْ أَعْمَـٰلُكُمْ سَلَـٰمٌ عَلَيْكُمْ لَا نَبْتَغِى ٱلْجَـٰهِلِينَ ﴿٥٥﴾
إِنَّكَ لَا تَهْدِى مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَـٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِى
مَن يَشَآءُ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾
وَقَالُوٓا۟ إِن نَّتَّبِعِ ٱلْهُدَىٰ مَعَكَ نُتَخَطَّفْ مِنْ أَرْضِنَآ ۚ
أَوَلَمْ نُمَكِّن لَّهُمْ حَرَمًا ءَامِنًا يُجْبَىٰٓ إِلَيْهِ ثَمَرَٰتُ
كُلِّ شَىْءٍ رِّزْقًا مِّن لَّدُنَّا وَلَـٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ
لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾
وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَرْيَةٍۭ بَطِرَتْ مَعِيشَتَهَا ۖ فَتِلْكَ
مَسَـٰكِنُهُمْ لَمْ تُسْكَن مِّنۢ بَعْدِهِمْ إِلَّا قَلِيلًا ۖ
وَكُنَّا نَحْنُ ٱلْوَٰرِثِينَ ﴿٥٨﴾
وَمَا كَانَ رَبُّكَ مُهْلِكَ ٱلْقُرَىٰ حَتَّىٰ يَبْعَثَ فِىٓ
أُمِّهَا رَسُولًا يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتِنَا ۚ وَمَا كُنَّا مُهْلِكِى
ٱلْقُرَىٰٓ إِلَّا وَأَهْلُهَا ظَـٰلِمُونَ ﴿٥٩﴾
وَمَآ أُوتِيتُم مِّن شَىْءٍ فَمَتَـٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَزِينَتُهَا ۚ
وَمَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٠﴾
أَفَمَن وَعَدْنَـٰهُ وَعْدًا حَسَنًا فَهُوَ لَـٰقِيهِ كَمَن مَّتَّعْنَـٰهُ مَتَـٰعَ
ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ثُمَّ هُوَ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ مِنَ ٱلْمُحْضَرِينَ ﴿٦١﴾
وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ أَيْنَ شُرَكَآءِىَ ٱلَّذِينَ كُنتُمْ
تَزْعُمُونَ ﴿٦٢﴾
قَالَ ٱلَّذِينَ حَقَّ عَلَيْهِمُ ٱلْقَوْلُ رَبَّنَا هَـٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ
أَغْوَيْنَآ أَغْوَيْنَـٰهُمْ كَمَا غَوَيْنَا ۖ تَبَرَّأْنَآ إِلَيْكَ ۖ مَا
كَانُوٓا۟ إِيَّانَا يَعْبُدُونَ ﴿٦٣﴾
وَقِيلَ ٱدْعُوا۟ شُرَكَآءَكُمْ فَدَعَوْهُمْ فَلَمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَهُمْ
وَرَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ۚ لَوْ أَنَّهُمْ كَانُوا۟ يَهْتَدُونَ ﴿٦٤﴾
وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ مَاذَآ أَجَبْتُمُ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٦٥﴾

"Dan apabila mereka mendengar perkataan-perkataan yang sia-sia (dan keji), mereka terus berpaling darinya dan mereka berkata: Untuk kami amalan-amalan kami dan untuk kamu amalan-amalan kamu. Selamat tinggal, kami tidak mahu berdamping dengan orang-orang yang jahil(55). Sesungguhnya Engkau tidak berkuasa memberi hidayat kepada mereka yang engkau kasih, tetapi Allahlah yang berkuasa memberi hidayat kepada mereka yang dikehendaki-Nya, dan Dia amat mengetahui siapakah, bersedia menerima hidayat?(56). Dan mereka berkata: Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami. Bukankah Kami memberikan mereka kedudukan yang teguh di tanah suci yang aman, di mana segala macam buah-buahan dibawa kepadanya sebagai rezeki dari kurniaan Kami, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui(57). Berapa banyak penduduk negeri-negeri yang angkuh di dalam kehidupannya (yang mewah) telah Kami binasakannya. Itulah tempat-tempat kediaman mereka yang masih belum lagi didiami orang selepas mereka melainkan sedikit sahaja,

dan Kamilah yang menjadi para pewarisnya(58). Dan Tuhanmu tidak pernah membinasakan negeri-negeri sehingga Dia bangkitkan di ibu kotanya seorang Rasul yang membaca kepada mereka ayat-ayat Kami, dan Kami tidak pernah membinasakan negeri-negeri melainkan apabila penduduk-penduduknya melakukan kezaliman(59). Dan apa sahaja yang dikurniakan kepada kamu, maka itu hanya keni'matan hidup dunia dan perhiasannya sahaja, sedangkan ni'mat yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal lagi, tidakkah kamu berfikir?(60). Adakah orang yang telah Kami janjikannya dengan suatu janji yang baik lalu dia berjaya memperolehinya itu sama dengan orang yang Kami kurniakan keni'matan hidup dunia, kemudian pada hari Qiamat kelak dia termasuk ke dalam golongan orang yang dibawa untuk dihisab?(61). Dan (kenangilah) pada hari di mana Allah menyeru mereka seraya berfirman: Di manakah sekutu-sekutu-Ku yang telah didakwakan kamu itu?(62). Berkatalah orang-orang yang telah ditetapkan keputusan azab terhadap mereka (pemimpin-pemimpin sesat): Wahai Tuhan kami! Merekalah orang-orang yang telah disesatkan kami. Kami telah sesatkan mereka sebagaimana kami juga telah sesat. Kami pohon berlepas diri kepada-Mu. Mereka sebenarnya tidak menyembah kami(63). Dan dikatakan kepada mereka: Panggillah sekutu-sekutu kamu, lalu mereka pun memanggil mereka, tetapi sekutu-sekutu itu tidak menyahut panggilan mereka, dan mereka melihat azab, (lalu mereka berangan-angan) kiranya mereka dahulu menerima hidayat(64). Dan (kenangilah) hari di mana Allah menyeru mereka seraya berfirman: Apakah jawapan kamu kepada para rasul?"(65).

فَعَمِيَتْ عَلَيْهِمُ ٱلْأَنۢبَآءُ يَوْمَئِذٍ فَهُمْ لَا يَتَسَآءَلُونَ ﴿٦٦﴾
فَأَمَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَعَسَىٰٓ أَن يَكُونَ مِنَ ٱلْمُفْلِحِينَ ﴿٦٧﴾
وَرَبُّكَ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ وَيَخْتَارُ ۗ مَا كَانَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ ۚ سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٦٨﴾
وَرَبُّكَ يَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٦٩﴾
وَهُوَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ لَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلْأُولَىٰ وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ وَلَهُ ٱلْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٧٠﴾
قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن جَعَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمُ ٱلَّيْلَ سَرْمَدًا إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِضِيَآءٍ ۖ أَفَلَا تَسْمَعُونَ ﴿٧١﴾
قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن جَعَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمُ ٱلنَّهَارَ سَرْمَدًا إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِلَيْلٍ تَسْكُنُونَ فِيهِ ۖ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٧٢﴾
وَمِن رَّحْمَتِهِۦ جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾
وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ أَيْنَ شُرَكَآءِىَ ٱلَّذِينَ كُنتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٧٤﴾
وَنَزَعْنَا مِن كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا فَقُلْنَا هَاتُوا۟ بُرْهَٰنَكُمْ فَعَلِمُوٓا۟ أَنَّ ٱلْحَقَّ لِلَّهِ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٧٥﴾

"Maka segala berita telah menjadi buta kepada mereka pada hari ini. Kerana itu mereka (diam) tidak saling tanya menanya(66). Adapun orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amalan yang soleh, maka mudah-mudahan dia termasuk di dalam golongan mereka yang beruntung(67). Dan Tuhanmu mencipta-kan apa sahaja yang dikehendaki dan dipilih-Nya. Mereka tidak mempunyai pilihan. Maha Suci Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka(68). Dan Tuhanmu mengetahui segala apa yang disembunyikan dada mereka dan apa yang dinyatakan mereka(69). Dan Dialah Allah tiada tuhan melainkan Dia. Dia memiliki segala kepujian di dunia dan di Akhirat. Dia memiliki teraju keputusan dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan(70). Katakanlah: Apa fikiran kamu jika Allah jadikan hari malam menyelubungi kamu selama-lamanya sehingga hari Qiamat, siapakah tuhan selain Allah yang berkuasa membawa cahaya yang terang kepada kamu? Tidakkah kamu mendengar?(71). Katakanlah: Apakah fikiran kamu jika Allah jadikan hari siang menerangi kamu selama-lamanya sehingga hari Qiamat, siapakah tuhan selain Allah yang berkuasa mendatangkan hari malam yang dapat kamu beristirehat padanya? Tidakkah kamu melihat?(72). Dan dari limpah rahmat-Nya, Allah jadikan untuk kamu hari malam dan hari siang supaya kamu dapat beristirehat dan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur(73). Dan (kenangilah) pada hari di mana Allah menyeru mereka seraya berfirman: Di manakah sekutu-sekutu yang telah didakwa oleh kamu?(74). Dan Kami cabutkan dari setiap umat itu seorang saksi lalu Kami berkata: Tunjukkanlah bukti kebenaranmu, maka (di waktu ini) tahulah mereka bahawa kebenaran itu adalah kepunyaan Allah dan lenyaplah dari mereka segala dakwaan yang diada-adakan mereka."(75).

Kisah Nabi Musa a.s. telah berlalu dengan segala maksud dan tujuan-tujuannya yang telah dihuraikan di dalam pelajaran yang telah lepas. Ada pun di dalam pelajaran ini Al-Qur'an mula memberi ulasan-ulasan terhadap kisah-kisah itu, kemudian meneruskan huraiannya mengikut paksi surah yang asal. Ia menerangkan di mana letaknya keamanan dan di mana letaknya ketakutan. Ia mengikuti kaum

Musyrikin yang menentang da'wah Islam dengan kepercayaan syirik, tindakan mengingkar dan berbagai-bagai apologi. Ia membawa mereka menjelajah di dalam berbagai-bagai penjelajahan meninjau pemandangan-pemandangan alam buana, pemandangan-pemandangan padang Mahsyar dan sikap mereka terhadap da'wah setelah dibentangkan kepada mereka bukti-bukti kebenaran Al-Qur'an yang dibawa oleh Rasul mereka Muhammad s.a.w. dan bagaimana Al-Qur'an itu disambut oleh segolongan Ahlil-Kitab dengan iman dan keyakinan, sedangkan mereka menyambutnya dengan keingkaran dan sedangkan Al-Qur'an itu merupakan rahmat yang dapat melindungi mereka dari azab seksa jika mereka mengambil pengajaran darinya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 44 - 51)

Ulasan pertama terhadap kisah ini berlegar di sekitar dalilnya yang menunjukkan kebenaran bahawa Al-Qur'an itu ialah wahyu dari Allah, kerana Rasulullah s.a.w. membaca kepada mereka kisah peristiwa-peristiwa dengan huraiannya yang terperinci seperti yang dapat dikisahkan oleh orang yang melihat peristiwa-peristiwa itu dengan mata kepalanya sendiri, sedangkan beliau tidak pernah hadhir menyaksikan peristiwa-peristiwa itu, tetapi wahyu dari Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam Pengetahuan-Nya itulah yang menceritakan kisah-kisah itu kepada beliau supaya menjadi rahmat kepada kaumnya yang akan ditimpa azab dengan sebab mereka bergelumang di dalam kepercayaan syirik:

فَيَقُولُوا رَبَّنَا لَوْلَا أَرْسَلْتَ إِلَيْنَا رَسُولًا فَنَتَّبِعَ
آيَاتِكَ وَنَكُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

"Lalu mereka berkata: Wahai Tuhan Kami mengapakah tidak engkau utuskan kepada kami seorang Rasul supaya kami dapat mengikut ayat-ayat pengajaran-Mu dan termasuk di dalam golongan para Mu'minin?"(47)

وَمَا كُنتَ بِجَانِبِ الْغَرْبِيِّ إِذْ قَضَيْنَا إِلَىٰ مُوسَى الْأَمْرَ
وَمَا كُنتَ مِنَ الشَّاهِدِينَ ﴿٤٤﴾
وَلَٰكِنَّا أَنشَأْنَا قُرُونًا فَتَطَاوَلَ عَلَيْهِمُ الْعُمُرُ ۚ
وَمَا كُنتَ ثَاوِيًا فِي أَهْلِ مَدْيَنَ تَتْلُو عَلَيْهِمْ
آيَاتِنَا وَلَٰكِنَّا كُنَّا مُرْسِلِينَ ﴿٤٥﴾
وَمَا كُنتَ بِجَانِبِ الطُّورِ إِذْ نَادَيْنَا وَلَٰكِن
رَّحْمَةً مِّن رَّبِّكَ لِتُنذِرَ قَوْمًا مَّا أَتَاهُم مِّن نَّذِيرٍ
مِّن قَبْلِكَ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٤٦﴾
وَلَوْلَا أَن تُصِيبَهُم مُّصِيبَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ
فَيَقُولُوا رَبَّنَا لَوْلَا أَرْسَلْتَ إِلَيْنَا رَسُولًا فَنَتَّبِعَ
آيَاتِكَ وَنَكُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾
فَلَمَّا جَاءَهُمُ الْحَقُّ مِنْ عِندِنَا قَالُوا لَوْلَا أُوتِيَ
مِثْلَ مَا أُوتِيَ مُوسَىٰ ۚ أَوَلَمْ يَكْفُرُوا بِمَا أُوتِيَ
مُوسَىٰ مِن قَبْلُ ۖ قَالُوا سِحْرَانِ تَظَاهَرَا وَقَالُوا إِنَّا بِكُلٍّ
كَافِرُونَ ﴿٤٨﴾
قُلْ فَأْتُوا بِكِتَابٍ مِّنْ عِندِ اللَّهِ هُوَ أَهْدَىٰ مِنْهُمَا
أَتَّبِعْهُ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ﴿٤٩﴾
فَإِن لَّمْ يَسْتَجِيبُوا لَكَ فَاعْلَمْ أَنَّمَا يَتَّبِعُونَ
أَهْوَاءَهُمْ ۚ وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنِ اتَّبَعَ هَوَاهُ بِغَيْرِ هُدًى
مِّنَ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥٠﴾
وَلَقَدْ وَصَّلْنَا لَهُمُ الْقَوْلَ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾

"Dan engkau (Muhammad) tidaklah berada di sebelah barat Bukit Tursina ketika Kami menyampaikan perintah itu kepada Musa dan tidak pula termasuk dari orang-orang yang menyaksikannya(44). Tetapi Kami telah mengadakan (selepas Musa) berbagai-bagai umat lalu mereka dilalui masa yang panjang, dan engkau (Muhammad) tidaklah tinggal di dalam kalangan penduduk Madyan (apabila) engkau membaca ayat-ayat Kami kepada mereka (penduduk Makkah), tetapi Kamilah yang mengutuskan (engkau) menjadi Rasul(45). Dan engkau (Muhammad) tidaklah berada di sebelah Bukit Tursina ketika Kami menyeru (Musa), tetapi (Kami wahyukannya kepadamu) sebagai limpah rahmat dari Tuhanmu supaya engkau memberi amaran kepada kaum (Quraisy) yang belum datang kepada mereka seorang Rasul yang memberi amaran sebelummu supaya mereka mengambil pengajaran(46). Dan jika tidak kerana mereka ditimpa bala bencana dengan sebab kesalahan yang dilakukan tangan mereka lalu berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapakah tidak Engkau utuskan kepada kami seorang Rasul supaya kami dapat mengikut ayat-ayat pengajaran-Mu dan termasuk di dalam golongan para mu'minin(47). Apabila datang kepada mereka Rasul yang benar (Muhammad) daripada Kami mereka berkata: Mengapakah dia tidak dikurniakan seperti apa yang dikurniakan kepada Musa. Tidakkah mereka telah mengingkarkan apa yang telah dikurniakan kepada Musa sebelum ini? Mereka telah

berkata: (At-Taurat dan Al-Qur'an) ini adalah dua kitab sihir yang saling bantu membantu dan mereka berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya kepada dua kitab ini(48). Katakanlah: Bawalah kamu sebuah kitab dari sisi Allah yang lebih memberi hidayat dari keduanya (Taurat dan Al-Qur'an) supaya aku dapat ikutinya jika kamu orang-orang yang benar(49). Jika mereka tidak menyahut seruanmu (Muhammad), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka sahaja, dan tidak ada orang yang lebih sesat dari mereka yang mengikut hawa nafsunya tanpa mendapat hidayat dari Allah. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim(50). Sesungguhnya Kami telah menyampaikan firman Allah (Al-Qur'an) kepada mereka supaya mereka mengambil pengajaran."(51)

Maksud dari **"Sebelah barat"** iaitu sebelah barat Bukit Tursina yang telah dijadikan Allah sebagai miqat pertemuan-Nya dengan Nabi Musa a.s. setelah berlalu satu tempoh yang tertentu iaitu tiga puluh malam yang disempurnakannya pula dengan sepuluh malam lagi. Jadi

semuanya ialah empat puluh malam sebagaimaha disebut di dalam Surah al-A'raf. Di miqat inilah Nabi Musa a.s. menerima lauh-lauh perintah Allah supaya menjadi undang-undang syari'at-Nya di dalam kalangan Bani Israel, sedangkan Rasulullah s.a.w. sendiri tidak hadhir di miqat ini hingga beliau dapat mengetahui ceritanya dengan terperinci sebagaimana diterangkan di dalam Al-Qur'anul-Karim, malah di antara beliau dengan masa peristiwa ini telah dipisahkan oleh berbagai-bagai umat manusia atau generasi-generasi yang lama masanya **"Kami telah mengadakan (selepas Musa) berbagai-bagai** umat **lalu mereka dilalui masa yang panjang".** Itulah bukti bahawa yang menceritakan kisah-kisah ini kepada beliau ialah Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam Pengetahuan-Nya. Dialah yang telah mewahyukan Al-Qur'anul-Karim kepada beliau.

Segala Kisah Yang Diceritakan Al-Qur'an Tidak Pernah Diketahui Dan Disaksikan Rasulullah S.A.W.

Al-Qur'an juga telah menyampaikan berita-berita Madyan dan kisah Nabi Musa a.s. tinggal di negeri itu. Semua cerita-cerita ini telah dibaca oleh Rasulullah s.a.w., sedangkan beliau tidak pernah tinggal di dalam kalangan penduduk Madyan hingga dapat memungut cerita-cerita di zaman itu dari mereka dengan huraian yang terperinci seperti yang diceritakan oleh Al-Qur'an. **"Tetapi Kamilah yang meng-utuskan (engkau) menjadi Rasul"** membawa Al-Qur'an yang mengandungi cerita-cerita umat-umat zaman lampau.

Demikianlah Al-Qur'an telah menggambarkan suasana seruan Ilahi dan munajat yang berlaku di sebelah Bukit Tursina itu dengan halus dan mendalam **"dan engkau (Muhammad) tidaklah berada di sebelah Bukit Tursina ketika kami menyeru (Musa)",** Rasulullah s.a.w. tidak mendengar seruan itu dan tidak merakamkan perkembangan-perkembangan ceritanya yang terperinci pada masa itu, tetapi itulah rahmat Allah terhadap kaumnya, yang telah menceritakan kepada beliau berita-berita (zaman lampau) yang membuktikan kebenaran da'wah beliau untuk memberi peringatan dan amaran kepada kaumnya yang belum pernah didatangi Rasul sebelum beliau. Dulu Rasul-Rasul telah dibangkitkan di dalam kalangan Bani Israel yang ada di sekeliling mereka, tetapi tidak ada Rasul yang diutuskan kepada mereka sejak beberapa zaman yang lama iaitu sejak moyang mereka Nabi Ismail a.s **"supaya mereka mengambil pengajaran."**

Itulah rahmat Allah kepada kaum beliau dan itulah hujah Allah ke atas mereka supaya mereka tidak dapat membuat alasan dengan mengatakan bahawa mereka telah diseksa secara tiba-tiba tanpa diberi amaran lebih dahulu, kerana perbuatan mereka bergelumang dalam dosa-dosa jahiliyah, syirik dan maksiat itu mewajibkan balasan azab. Oleh itu Allah mahu memotongkan hujah dan alasan keuzuran mereka, Allah mahu meletakkan mereka di hadapan diri mereka sendiri tanpa dihalang oleh mana-mana rintangan yang menyekat mereka dari beriman:

وَلَوْلَآ أَن تُصِيبَهُم مُّصِيبَةٌۢ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ فَيَقُولُوا۟ رَبَّنَا لَوْلَآ أَرْسَلْتَ إِلَيْنَا رَسُولًا فَنَتَّبِعَ ءَايَٰتِكَ وَنَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

"Dan jika tidak kerana mereka ditimpa bala bencana dengan sebab kesalahan yang dilakukan tangan mereka lalu berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapakah tidak Engkau utuskan kepada kami seorang Rasul supaya kami dapat mengikut ayat-ayat pengajaran-Mu dan termasuk di dalam golongan para Mu'minin?"(47)

Itulah alasan yang akan dikatakan oleh mereka jika tidak diutuskan Rasul kepada mereka dan jika Rasul ini tidak membawa ayat-ayat pengajaran yang boleh dijadikan hujah. Tetapi apabila mereka telah didatangi Rasul yang membawa ajaran yang benar dan tidak dapat diragui itu, maka tiba-tiba mereka tidak mahu mengikutinya:

فَلَمَّا جَآءَهُمُ ٱلْحَقُّ مِنْ عِندِنَا قَالُوا۟ لَوْلَآ أُوتِىَ مِثْلَ مَآ أُوتِىَ مُوسَىٰٓ ۚ أَوَلَمْ يَكْفُرُوا۟ بِمَآ أُوتِىَ مُوسَىٰ مِن قَبْلُ ۖ قَالُوا۟ سِحْرَانِ تَظَٰهَرَا وَقَالُوٓا۟ إِنَّا بِكُلٍّ كَٰفِرُونَ ﴿٤٨﴾

"Apabila datang kepada mereka Rasul yang benar (Muhammad) daripada Kami mereka berkata: Mengapakah dia tidak dikurniakan seperti apa yang dikurniakan kepada Musa. Tidakkah mereka telah mengingkarkan apa yang telah dikurniakan kepada Musa sebelum ini? Mereka telah berkata: (At-Taurat dan Al-Qur'an) ini adalah dua kitab sihir yang saling bantu membantu dan mereka berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya kepada dua kitab ini."(48)

Demikianlah sikap mereka yang tidak mahu tunduk kepada kebenaran dan suka berpegang dengan alasan-alasan yang karut **"Mereka berkata: Mengapakah dia tidak dikurniakan seperti apa yang telah dikurniakan kepada Musa"** iaitu mu'jizat-mu'jizat secara kebendaan dan lauh-lauh yang diturun sekaligus yang mengandungi kandungan kitab Taurat yang lengkap.

Tetapi mereka sebenarnya tidaklah benar dan ikhlas ketika mengemukakan hujah dan alasan mereka: **"Tidakkah mereka telah mengingkarkan apa yang telah dikurniakan kepada Musa sebelum ini?"** Kerana kaum Yahudi telah pun ada di Semenanjung Tanah Arab. Mereka mempunyai kitab suci at-Taurat, tetapi umat Arab tidak percaya kepada kaum Ahlil-Kitab itu dan kepada kitab suci at-Taurat yang ada pada mereka, sedangkan mereka telah mengetahui bahawa sifat Nabi Muhammad s.a.w. ada tertulis di dalam kitab at-Taurat, malah mereka pernah bertanya kepada setengah-setengah Ahlil-Kitab itu tentang Al-Qur'an yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. lalu dijawab kepada mereka dengan jawapan yang membenarkan Al-Qur'an dan bahawa Al-Qur'an itu selaras dengan kitab suci yang ada pada mereka, tetapi mereka tidak mahu tunduk kepada keterangan-keterangan ini, malah sebaliknya mendakwa bahawa dua kitab at-Taurat dan kitab Al-Qur'an itu adalah sihir belaka. Oleh sebab itulah kedua-duanya selaras dan saling membenar satu sama lain:

قَالُواْ سِحْرَانِ تَظَٰهَرَا وَقَالُوٓاْ إِنَّا بِكُلٍّ كَٰفِرُونَ ﴿٤٨﴾

"Mereka telah berkata: (at-Taurat dan Al-Qur'an ini) adalah dua kitab sihir yang saling bantu-membantu dan mereka berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya kepada kedua-dua kitab itu."(48)

Itulah kata-kata dolak-dalik yang bukan bertujuan mencari kebenaran atau mencari kekurangan dan kelemahan dalil-dalil.

Walaupun demikian, Rasulullah s.a.w. masih terus melayani mereka selangkah lagi untuk mendiamkan mereka dan meletakkan mereka dalam keadaan serba salah. Beliau berkata kepada mereka: Sekiranya kamu tidak tertarik kepada Al-Qur'an dan tidak juga tertarik kepada at-Taurat, maka silalah bawa apa sahaja kitab suci dari Allah yang lebih memberi hidayat dari keduanya jika kitab itu ada tersimpan di sisi kamu supaya aku dapat ikutinya:

قُلْ فَأْتُواْ بِكِتَٰبٍ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ هُوَ أَهْدَىٰ مِنْهُمَآ أَتَّبِعْهُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٩﴾

"Katakanlah: Bawalah kamu sebuah kitab dari sisi Allah yang lebih memberi hidayat dari keduanya (Taurat dan Al-Qur'an) supaya aku dapat ikutinya jika kamu orang-orang yang benar."(49)

Inilah kemuncak usaha mencari keadilan dan inilah tujuan berhujah. Oleh itu barang siapa yang tidak mahu menurut kebenaran selepas hujah ini, maka dia adalah seorang pengikut nafsu yang berdolak-dalik tanpa bersandarkan apa-apa dalil:

فَإِن لَّمْ يَسْتَجِيبُواْ لَكَ فَٱعْلَمْ أَنَّمَا يَتَّبِعُونَ أَهْوَآءَهُمْ ۚ وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنِ ٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ بِغَيْرِ هُدًى مِّنَ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٠﴾

"Jika mereka tidak menyahut seruanmu (Muhammad), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka sahaja, dan tidak ada orang yang lebih sesat dari mereka yang mengikut hawa nafsunya tanpa mendapat hidayat dari Allah. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."(50)

Kebenaran yang terkandung di dalam Al-Qur'an ini adalah amat jelas, dan hujah agama ini juga amat jelas. Tiada siapa yang meninggalkannya sesudah mengetahuinya melainkan apabila dia dihalangkan hawa nafsunya. Di sini cuma ada dua jalan sahaja, tiada jalan yang ketiga, iaitu sama ada menjunjung kebenaran dengan ikhlas dan membebaskan diri dari hawa nafsu dengan beriman dan menyerah kepada Allah atau menolak kebenaran dan mengikut hawa nafsu iaitu mendustakan Al-Qur'an dan menentangnya. Tiada hujah dan alasan kerana adanya sesuatu kekeliruan dan kesamaran di dalam 'aqidah Islam atau adanya sesuatu kelemahan atau kekurangan dalil dan bukti seperti yang didakwakan oleh orang-orang yang mengikut hawa nafsu dan mempunyai kepentingan diri.

فَإِن لَّمْ يَسْتَجِيبُواْ لَكَ فَٱعْلَمْ أَنَّمَا يَتَّبِعُونَ أَهْوَآءَهُمْ ۚ

"Jika mereka tidak menyahut seruanmu (Muhammad), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka sahaja."(50)

Demikianlah pernyataan yang tegas dan kata pemutus dari Allah yang tidak dapat dibalas dan diulas lagi. Orang-orang yang tidak menyambut agama ini adalah orang-orang yang mempunyai kepentingan diri, yang tidak mempunyai apa-apa alasan. Mereka hanya pelampau-pelampau yang tidak mempunyai apa-apa hujah dan mereka hanya mengikut hawa nafsu dan berpaling dari kebenaran yang amat terang:

وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنِ ٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ بِغَيْرِ هُدًى مِّنَ ٱللَّهِ ۚ

"Tidak ada orang yang lebih sesat dari mereka yang mengikut hawa nafsunya tanpa mendapat hidayat dari Allah."(50)

Perbuatan ini menunjukkan bahawa mereka adalah orang-orang yang zalim dan pelampau:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٠﴾

"Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."(50)

Ayat ini telah memotong jalan kepada orang-orang yang mengambil pendirian apologetik dengan memberi alasan bahawa mereka tidak dapat memahami Al-Qur'an dan tidak mengetahui agama ini dengan mendalam, maka tiada jalan lain kecuali agama ini hendaklah disampai dan dibentangkan kepada mereka dengan jelas hingga hujahnya terpacak teguh dan tidak dapat dipertikaikan lagi dan apologi mereka gugur. Sebenarnya Al-Qur'an dan agama ini sendiri amat jelas. Tiada siapa yang menyimpang darinya melainkan orang yang mengikut hawa nafsunya, dan tiada siapa yang mendustakannya melainkan pelampau-pelampau yang menganiayai diri sendiri dan menganiayai kebenaran yang amat jelas dan tidak wajar mendapat hidayat Allah **"Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."**

Tiada lagi apologi dan dalihan kepada mereka sesudah sampainya agama yang benar ini kepada mereka dan sesudah dibentangkannya dengan jelas kepada mereka. Mereka tidak lagi mempunyai sebarang hujah dan alasan.

وَلَقَدۡ وَصَّلۡنَا لَهُمُ ٱلۡقَوۡلَ لَعَلَّهُمۡ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾

Sesungguhnya Kami telah menyampaikan firman Allah (Al-Qur'an) kepada mereka supaya mereka mengambil pengajaran."(51)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 52 - 55)

Setelah tamat penjelajahan ini, di mana terserlah dengan jelas penyelewengan dan dolak-dalik mereka, maka Al-Qur'an membawa mereka ke dalam satu penjelajahan yang lain pula untuk menunjukkan kepada mereka gambaran tabi'at yang jujur dan hati yang ikhlas yang dapat dilihat pada segolongan orang-orang yang telah dikurniakan kitab suci sebelum mereka dan bagaimana mereka menyambut kitab Al-Qur'an yang membenarkan kitab suci yang ada pada mereka:

ٱلَّذِينَ ءَاتَيۡنَٰهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ مِن قَبۡلِهِۦ هُم بِهِۦ يُؤۡمِنُونَ ﴿٥٢﴾ وَإِذَا يُتۡلَىٰ عَلَيۡهِمۡ قَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِهِۦٓ إِنَّهُ ٱلۡحَقُّ مِن رَّبِّنَآ إِنَّا كُنَّا مِن قَبۡلِهِۦ مُسۡلِمِينَ ﴿٥٣﴾ أُوْلَٰٓئِكَ يُؤۡتَوۡنَ أَجۡرَهُم مَّرَّتَيۡنِ بِمَا صَبَرُواْ وَيَدۡرَءُونَ بِٱلۡحَسَنَةِ ٱلسَّيِّئَةَ وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ يُنفِقُونَ ﴿٥٤﴾ وَإِذَا سَمِعُواْ ٱللَّغۡوَ أَعۡرَضُواْ عَنۡهُ وَقَالُواْ لَنَآ أَعۡمَٰلُنَا وَلَكُمۡ أَعۡمَٰلُكُمۡ سَلَٰمٌ عَلَيۡكُمۡ لَا نَبۡتَغِي ٱلۡجَٰهِلِينَ ﴿٥٥﴾

"Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab sebelum Al-Qur'an mereka juga telah beriman dengannya(52). Dan apabila dibacakan Al-Qur'an kepada mereka, mereka terus berkata: Kami beriman dengannya sesungguhnya Al-Qur'an itu kitab yang benar dari Tuhan kami. Sesungguhnya kami sebelumnya adalah dari golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah)(53). Mereka dikurniakan pahala dua kali ganda kerana kesabaran mereka, dan mereka menolak kejahatan dengan kebaikan dan mereka membelanjakan (untuk kebajikan) sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka(54). Dan apabila mereka mendengar perkataan-perkataan yang sia-sia (dan keji), mereka terus berpaling darinya dan mereka berkata: Untuk kami amalan-amalan kami dan untuk kamu amalan-amalan kamu. Selamat tinggal, kami tidak mahu berdamping dengan orang-orang yang jahil."(55)

Rombongan Paderi-paderi Kristian Menemui Rasulullah

Ujar Sa'id ibn Jubayr r.a.: Ayat ini turun mengenai tujuh puluh orang paderi Kristian yang diutuskan oleh Maharaja an-Najasyi. Apabila mereka datang menemui Nabi s.a.w. beliau pun membaca " يس. والقرآن الحكيم" hingga akhir, lalu mereka menangis dan memeluk Islam, kemudian turun ayat-ayat (53 - 55) menceritakan hal mereka.

Muhammad bin Ishaq telah meriwayatkan di dalam as-Sirah kemudian datanglah dua puluh orang atau lebih kurang seramai itu dari orang-orang Kristian. Mereka hendak menemui Rasulullah s.a.w. semasa beliau berada di Makkah, setelah sampai kepada mereka berita kebangkitannya dari negeri Habsyah. Mereka dapati beliau sedang berada di dalam masjid lalu mereka pun duduk menghadapinya dan bercakap serta bertanya kepadanya, sedangkan ketua-ketua Quraisy berada di majlis-majlis perhimpunan mereka di sekeliling Ka'bah. Setelah mereka selesai bertanya Nabi s.a.w. tentang perkara-perkara yang dikehendaki mereka, beliau pun menyeru mereka kepada Allah Ta'ala dan membaca Al-Qur'an dan apabila mereka mendengar bacaan Al-Qur'an itu, maka mata mereka pun berlinang dengan air mata, kemudian mereka terus menerima seruan Allah dan beriman kepada beliau dan membenarkannya. Mereka telah mengenali sifat-sifat beliau yang diterangkan di dalam kitab suci mereka. apabila mereka bangkit meninggalkan beliau tiba-tiba Abu Jahl ibn Hisyam menahan mereka bersama-sama beberapa orang Quraisy yang lain lalu berkata kepada mereka: "Allah kecewakan rombongan kamu, kamu telah diutuskan oleh orang-orang di belakang kamu dari penganut-penganut agama kamu, kamu mengembara kerana mereka untuk membawa balik cerita lelaki ini (Muhammad), tetapi belum pun tetap kamu duduk di sisinya tiba-tiba kamu telah meninggalkan agama kamu dan terus percayakan apa yang dikatakan olehnya. Setahu kami tidak ada rombongan yang lebih tolol dari kamu". Lalu mereka menjawab:

"Selamat tinggal sahaja! Kami tidak mahu bertengkar dengan kamu. Kami dengan agama kami dan kamu dengan agama kamu. Kami akan berbuat apa sahaja untuk kebaikan diri kami."

Ujar Muhammad bin Ishaq: Mengikut cerita, bahawa rombongan itu ialah rombongan orang-orang Kristian dari penduduk Najran. Allah sahaja yang Maha Mengetahui manakah satu yang benar. Ujarnya lagi: Mengikut cerita, wallahu 'alam bahawa ayat-ayat (53 - 55) adalah diturun mengenai mereka iaitu ayat " ٱلَّذِينَ ءَاتَيۡنَٰهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ مِن قَبۡلِهِۦ هُم بِهِۦ يُؤۡمِنُونَ ٥٢ ".

Ujarnya lagi: Saya telah bertanya az-Zuhri tentang ayat-ayat ini, iaitu mengenai siapakah ia diturunkan? Jawab beliau: Saya selalu mendengar dari ulama'-ulama' kita bahawa ayat-ayat ini adalah diturun mengenai an-Najasyi dan sahabat-sahabatnya r.a., begitu juga ayat-ayat (82 - 83) yang terdapat di dalam Surah al-Maidah " ذَٰلِكَ بِأَنَّ مِنۡهُمۡ قِسِّيسِينَ وَرُهۡبَانٗا " hingga " فَٱكۡتُبۡنَا مَعَ ٱلشَّٰهِدِينَ ٨٣ ".

Biarpun siapa sahaja yang diturunkan ayat-ayat ini kepada mereka, namun Al-Qur'an mengembalikan kaum Musyrikin kepada satu peristiwa yang telah berlaku, yang diketahui dan tidak dapat diingkari oleh mereka dengan tujuan untuk meletakkan mereka di hadapan satu contoh golongan manusia yang ikhlas, yang menunjukkan bagaimana golongan ini menerima dan yakin kepada Al-Qur'an, bagaimana mereka menemui kebenaran di dalam Al-Qur'an dan bagaimana mereka mengetahui bahawa Al-Qur'an itu selaras dengan kitab suci yang ada pada mereka. Mereka tidak dihalang oleh nafsu dan sikap sombong dari menerima Al-Qur'an. Mereka sanggup menghadapi penindasan dan keangkuhan dari manusia-manusia yang jahil yang menimpa mereka untuk mempertahankan ajaran yang benar yang dipercayai mereka. Mereka sabar menghadapi hawa nafsu dan gangguan-gangguan manusia.

ٱلَّذِينَ ءَاتَيۡنَٰهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ مِن قَبۡلِهِۦ هُم بِهِۦ يُؤۡمِنُونَ ٥٢

"Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab sebelum Al-Qur'an mereka juga telah beriman dengannya."(52)

Ini adalah salah satu bukti kebenaran Al-Qur'an, kerana seluruh kitab suci adalah diturunkan dari Allah. Dan Al-Qur'an itu selaras (dengan kitab yang terdahulu), oleh itu mereka yang dikurniakan kitab suci yang terdahulu akan mengenali, yakin dan percaya kepada kebenaran yang terdapat dalam kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan selepas itu. Mereka yakin bahawa Al-Qur'an itu adalah dari Allah yang telah menurunkan seluruh kitab suci yang lain.

وَإِذَا يُتۡلَىٰ عَلَيۡهِمۡ قَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِهِۦٓ إِنَّهُ ٱلۡحَقُّ مِن رَّبِّنَآ إِنَّا كُنَّا مِن قَبۡلِهِۦ مُسۡلِمِينَ ٥٣

"Dan apabila dibacakan Al-Qur'an kepada mereka, mereka terus berkata: Kami beriman dengannya sesungguhnya Al-Qur'an itu kitab yang benar dari Tuhan kami. Sesungguhnya kami sebelumnya adalah dari golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah)."(53)

Al-Qur'an itu cukup jelas dan terang hingga ia tidak memerlukan sesuatu yang lain selain membacanya sahaja. Orang-orang yang pernah mengetahui ajaran yang benar sebelum ini akan yakin bahawa Al-Qur'an ini adalah datang dari satu sumber sahaja, iaitu sumber yang tidak pernah berdusta **"Sesungguhnya Al-Qur'an itu kitab yang benar dari Tuhan kami. Sesungguhnya kami sebelumnya adalah dari golongan Muslimin (yang menyerah kepada Allah)".** Keislaman atau menyerah kepada Allah itulah intisari agama orang-orang yang beriman kepada agama Allah.

Mereka sebelum ini telah menyerah diri kepada Allah dan membenarkan Al-Qur'an sebaik sahaja mereka mendengarnya:

أُوْلَٰٓئِكَ يُؤۡتَوۡنَ أَجۡرَهُم مَّرَّتَيۡنِ بِمَا صَبَرُواْ

"Mereka dikurniakan pahala dua kali ganda kerana kesabaran mereka."(54)

Orang-orang Kristian Yang Menganut Islam Mendapat Pahala Dua Kali Ganda

Yakni kesabaran (berdiri teguh) di atas keislaman yang tulen iaitu keislaman hati dan anggota dan kesabaran melawan keinginan hawa nafsu dan bersikap jujur dan teguh menjunjung agama Allah dahulu dan sekarang. Orang-orang yang seperti ini dikurniakan pahala dua kali ganda sebagai balasan di atas kesabaran mereka kerana kesabaran amat sukar kepada manusia dan kesabaran yang paling sukar ialah kesabaran melawan keinginan hawa nafsu sendiri dan kesabaran menentang kesesatan dan penyelewengan. Mereka telah menunjukkan kesabaran mereka menghadapi segala-galanya itu. Mereka sabar menghadapi ejekan dan gangguan manusia sebagaimana telah disebut di dalam riwayat tadi dan sebagaimana yang biasa menimpa orang-orang yang jujur dan teguh berpegang dengan agama mereka di dalam masyarakat-masyarakat yang menyeleweng, sesat dan jahil di setiap zaman dan tempat:

وَيَدۡرَءُونَ بِٱلۡحَسَنَةِ ٱلسَّيِّئَةَ

"Dan mereka menolak kejahatan dengan kebaikan."(54)

Ini juga memerlukan kesabaran, malah ia lebih sukar dari semata-mata bersikap sabar menghadapi gangguan dan ejekan. Ia memerlukan kebolehan menguasai keangkuhan diri sendiri yang ingin menolak ejekan dan membalas gangguan itu, yang ingin melepaskan kemarahan dan mendapat kepuasan hati dengan membalas dendam. Di sebalik kesabaran ini semuanya ada lagi darjat yang lebih tinggi iaitu darjat kesanggupan memberi kema'afan dengan penuh kerelaan, iaitu kejahatan dibalas dengan kebaikan. Sendaan si jahil dihadapi dengan tenang dan tenteram, dengan timbang rasa dan budi

yang baik itulah kemuncak kebesaran jiwa yang tidak dapat dicapai melainkan oleh orang-orang Mu'min yang berinteraksi dengan Allah serta mendapat keredhaan timbal balik di antara mereka dengan-Nya dan mereka menerima gangguan-gangguan manusia dengan hati yang redha dan tenang.

وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٥٤﴾

"Dan mereka membelanjakan (untuk kebajikan) sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka."(54)

Ayat ini seolah-olah mahu menyebut sifat kemurahan hati mereka membelanjakan harta untuk kebajikan selepas menyebut sifat kemurahan hati mereka yang gemar menghulurkan budi yang baik. Kedua-dua sifat itu adalah terbit dari satu sumber sahaja iaitu dari sumber kebolehan menguasai keinginan nafsu dan berpegang kukuh dengan nilai-nilai yang lebih besar dari nilai-nilai bumi. Nilai yang pertama berhubungkait dengan jiwa, dan nilai yang kedua berhubungkait dengan harta, dan seringkali kedua-dua nilai-nilai ini disebut bergandingan di dalam Al-Qur'an.

Di sana ada lagi satu sifat jiwa orang yang beriman yang sanggup berdiri teguh di atas agama Islam dan ikhlas kepada 'aqidah:

وَإِذَا سَمِعُوا۟ ٱللَّغْوَ أَعْرَضُوا۟ عَنْهُ وَقَالُوا۟ لَنَآ أَعْمَٰلُنَا
وَلَكُمْ أَعْمَٰلُكُمْ سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ لَا نَبْتَغِى ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٥٥﴾

"Dan apabila mereka mendengar perkataan-perkataan yang sia-sia (dan keji), mereka terus berpaling darinya dan mereka berkata: Untuk kami amalan-amalan kami dan untuk kamu amalan-amalan kamu. Selamat tinggal kami tidak mahu berdamping dengan orang-orang yang jahil."(55)

"Perkataan-perkataan yang sia-sia" ialah percakapan yang kosong, tidak berfaedah dan berhasil, leteran yang membuang waktu tanpa menambah apa-apa bekalan yang baru kepada hati atau akal dan tidak pula menambahkan apa-apa pengetahuan yang berguna. Ia juga merupakan percakapan-percakapan yang keji yang merosakkan hati dan lidah sama ada dihadapkan kepada seorang yang ada di hadapan atau diceritakan, mengenai seorang yang tidak hadhir di situ.

Hati orang-orang yang beriman tidak lalai dengan percakapan-percakapan yang sia-sia, tidak pula mendengar leteran yang kosong dan tidak pula memberi perhatian kepada perkataan-perkataan yang keji, kerana hati mereka sibuk dengan tugas-tugas keimanan dan sentiasa menjulang tinggi dengan kerinduannya (kepada Allah) dan sentiasa membersihkan dirinya dengan nur keimanan:

وَإِذَا سَمِعُوا۟ ٱللَّغْوَ أَعْرَضُوا۟ عَنْهُ

"Apabila mereka mendengar perkataan-perkataan yang sia-sia (dan keji) mereka terus berpaling darinya."(55)

Tetapi mereka tidak meradang dan marah. Mereka tidak mengikut jejak langkah mereka dengan tindakan membalas dengan perkataan-perkataan sia-sia dan keji yang sama. Mereka tidak membabitkan diri bertengkar dengan mereka di sekitar percakapan yang sia-sia dan keji itu, kerana pertengkaran itu hanya sia-sia sahaja, malah mereka meninggalkan mereka dengan mengucap selamat tinggal.

وَقَالُوا۟ لَنَآ أَعْمَٰلُنَا وَلَكُمْ أَعْمَٰلُكُمْ سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ

"Dan mereka berkata: Untuk kami amalan-amalan kami dan untuk kamu amalan-amalan kamu. Selamat tinggal!"(55)

Demikianlah mereka berkata dengan sopan santun sambil mendo'akan kebaikan kepada mereka serta menyatakan keinginan mereka kepada hidayat dan keengganan untuk bergaul dengan mereka:

عَلَيْكُمْ لَا نَبْتَغِى ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٥٥﴾

"Kami tidak mahu berdamping dengan orang-orang yang jahil"(55)

dan kami tidak mahu membuang masa kami yang berharga bersama mereka. Kami tidak mahu menyertai mereka di dalam percakapan yang sia-sia dan tidak mahu mendengar leteran mereka yang kosong.

Itulah gambaran gemilang jiwa orang yang beriman, yang yakin kepada keimanannya, iaitu jiwa yang penuh dengan perasaan ingin menjauhkan diri dari percakapan yang sia-sia dan keji di samping penuh dengan perasaan ingin memberi kema'afan dan kasih mesra. Ia menunjukkan jalan yang terang kepada siapa yang mahu beradab dengan adab sopan yang diredhai Allah, iaitu jangan bergaul dengan orang-orang yang jahil, jangan bertengkar dengan mereka, jangan menaruh perasaan dendam dan bosan terhadap mereka, malah tunjukkan sikap ingin menjauhkan diri dari kesia-siaan, sikap memberi kema'afan dan kasihkan kebaikan walaupun terhadap orang yang melakukan kesalahan dan perbuatan yang buruk.

******

(Pentafsiran ayat 56)

Golongan Ahlil-Kitab yang beriman itu tidak memerlu-kan tenaga yang lebih dari Rasulullah s.a.w. dalam usaha beliau untuk menarik mereka kepada keimanan selain daripada membaca Al-Qur'an kepada mereka sahaja, sedangkan di belakang beliau terdapat kaumnya yang degil. Beliau berjuang dengan segala susah payah untuk mengajak mereka supaya beriman. Di sana juga terdapat orang yang amat disayangi beliau, yang mana beliau bercita-cita agar Allah memberi hidayat kepadanya supaya memeluk agama Islam, tetapi Allah tidak membolehkannya mendapat hidayat itu kerana sesuatu sebab yang ada pada dirinya yang di-ketahui oleh Allah. Tegasnya Nabi s.a.w. tidaklah berkuasa memberi hidayat kepada sesiapa yang disayanginya. Hanya Allah sahaja yang

berkuasa memberi hidayat kepada sesiapa sahaja yang diketahui-Nya mempunyai syarat yang melayakkannya untuk menerima hidayat dan kepada sesiapa yang mempunyai kesediaan untuk keimanan.

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِي مَن يَشَآءُ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

"Sesungguhnya Engkau tidak berkuasa memberi hidayat kepada mereka yang engkau kasih, tetapi Allahlah yang berkuasa memberi hidayat kepada mereka yang dikehendaki-Nya, dan Dia amat mengetahui siapakah, orang-orang yang bersedia menerima hidayat?"(56)

Abu Talib Di Akhir Hayatnya

Tersebut di dalam al-Bukhari dan Muslim bahawa ayat ini adalah diturunkan mengenai Abu Talib bapa saudara Nabi s.a.w. Dia telah melindungi dan menolong beliau. Dia telah menghalangkan kaum Quraysy dari menyakitinya. Dia telah memberi perlindungan kepada beliau sehingga dapat menyampaikan da'wahnya, dan untuk maksud ini dia sanggup menghadapi pemulauan Quraysy terhadap dirinya dan terhadap Bani Hasyim, juga menghadapi tindakan kaum Quraysy yang mengepung mereka di jalan bukit. Dia bertindak demikian semata-mata kerana kasihkan anak saudara dan kerana kepentingan keluarga dan menjaga maruahnya. Ketika dia hampir mati, Rasulullah s.a.w. telah memujuknya supaya beriman dan menganut agama Islam, tetapi Allah tidak mengurniakan keimanan kepadanya kerana sesuatu sebab yang ada pada dirinya yang diketahui oleh Allah.

Ujar az-Zuhri: Aku telah diceritakan oleh Sa'id ibn al-Musayib daripada bapanya iaitu al-Musayib ibn Hazn al-Makhzumi r.a. katanya: Sewaktu Abu Talib hampir meninggal dunia, Rasulullah s.a.w. telah datang mengunjunginya dan beliau dapati Abu Jahl ibn Hisyam dan Abdullah ibn Umayah ibn al-Mughirah ada di sisinya, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Pak cik! Katakanlah La ilaha Illallah satu kalimat pengakuan yang dapat hamba jadikannya hujah untuk pak cik di sisi Allah." Abu Jahl dan Abdullah ibn Umayah terus menyampuk: "Wahai Abu Talib! Adakah anda bencikan agama Abdul-Muttalib?" Tetapi Rasulullah s.a.w. terus menawar ucapan syahadat itu dan kedua-duanya terus mengulangi perkataan mereka hingga pada akhirnya Abu Talib berkata: "Aku di atas agama Abdul-Muttalib" Dia enggan mengucap La ilaha Illallah. Lalu Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Demi Allah, hamba akan memohon keampunan kepada pak cik selama saya tidak dilarang berbuat begitu terhadap pak cik". Lalu Allah S.W.T. menurunkan ayat:

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَن يَسْتَغْفِرُوا۟ لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوٓا۟ أُو۟لِى قُرْبَىٰ

"Tidaklah wajar bagi nabi dan orang-orang yang beriman memohon keampunan kepada orang-orang Musyrikin walaupun mereka kaum kerabat."

(Surah at-Taubah: 113)

dan menurunkan ayat berikut mengenai Abu Talib:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِي مَن يَشَآءُ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

Dikeluarkannya di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim dari hadith az-Zuhri. Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim di dalam Sahihnya, juga diriwayatkan oleh at-Tirmizi dari hadith Yazid ibn Kisan daripada Abu Hazim daripada Abu Hurayrah katanya: Ketika Abu Talib hampir mati, dia dikunjungi Rasulullah s.aw. lalu bersabda: "Pak cik! Katakanlah La ilaha Illallah supaya dapat hamba menjadi saksi pak cik pada hari Qiamat." Dia pun menjawab: "Jika tidak kerana bimbang kaum Quraysy mencelaku dengan mengatakan "Dia tidak mengucapkan perkataan itu melainkan semata-mata kerana didorongkan oleh ketakutan maut, tentulah pak cik akan senangkan hati engkau dengan mengucapkannya. Aku tidak akan katakannya melainkan untuk menyenangkan hatimu". Lalu turunlah ayat:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِي مَن يَشَآءُ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

Diriwayatkan daripada Ibn Abbas, ibn 'Umar, Mujahid, as-Sya'bi dan Qatadah bahawa ayat ini diturun mengenai Abu Talib yang mengucapkan perkataannya yang akhir Aku di atas agama Abdul-Muttalib."

Ketegasan Islam

Setiap orang yang berdiri di hadapan cerita ini akan tertarik hati terhadap ketegasan dan kelurusan agama ini. Nah! lihatlah ayahanda saudara Rasulullah s.a.w. sendiri yang selama ini menjadi pemelihara dan pelindung keselamatan beliau tidak juga dikurniakan iman oleh Allah walaupun beliau amat kasihkan Rasulullah s.a.w. dan Rasulullah juga amat suka agar dia beriman. Ini disebabkan kerana apa yang dilakukan Abu Talib itu adalah bertujuan untuk memelihara hubungan kekeluargaan dan kasih sayang kebapaan bukannya kerana kasihkan 'aqidah Islam. Inilah yang diketahui Allah dari hati Abu Talib dan kerana itulah Allah tidak melaksanakan apa yang diangan-angan dan diharap-harapkan oleh Rasulullah darinya. Allah telah mengeluarkan urusan memberi hidayat ini dari kuatkuasa Rasulullah s.a.w. dan menjadikan urusan itu sebagai satu urusan khusus yang berada di bawah iradat dan tadbir-Nya sahaja. Tugas Rasul hanya menyampaikan da'wah dan tiada tugas yang lain yang terbeban di atas bahu para penda'wah Rasulullah melainkan hanya tugas

memberi nasihat sahaja, dan hati manusia selepas menerima da'wah itu adalah terletak di bawah kehendak qudrat Ilahi. Penerimaan hidayat dan kesesatan itu adalah mengikut niat yang diketahui Allah di dalam hati manusia dan mengikut kesediaan mereka untuk menerima hidayat atau kesesatan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 57 - 61)

Sekarang tibalah ayat yang menyebut perkataan kaum Musyrikin yang dikemukakannya kepada Rasulullah s.a.w. sebagai alasan bahawa mereka tidak mahu mengikut beliau ialah kerana mereka takut kehilangan kuasa, iaitu kuasa mereka di atas qabilah-qabilah atau suku-suku Arab yang lain, yang menjadi jiran tetangga mereka, yang selama ini memuliakan rumah Ka'bah, menta'ati para penjaganya dan membesar-besarkan berhala-berhalanya. Mereka takut diusir keluar oleh qabilah-qabilah itu atau takut diusir keluar oleh musuh-musuh mereka yang tinggal di luar Semenanjung Tanah Arab tanpa dibantu oleh qabilah-qabilah ini. Oleh sebab itu di dalam ayat ini Allah menjelaskan kepada mereka di manakah sebenarnya hakikat keamanan dan ketakutan itu di dalam kenyataan sejarah hidup mereka dan di dalam masa kini yang disaksikan mereka setelah Allah menjelaskan hakikat itu di dalam kisah Musa dan Fir'aun di dalam surah ini. Kemudian Allah membawa, mereka menjelajah untuk meninjau kisah kebinasaan umat-umat yang dahulu kala dan kebinasaan-kebinasaan itu telah mendedahkan sebab-sebabnya yang haqiqi, iaitu mereka dibinasakan Allah kerana sebab-sebab keangkuhan, tidak bersyukur, mendustakan para rasul dan berpaling dari ayat-ayat Allah. Setelah itu Allah membawa mereka ke dalam satu penjelajahan yang lebih jauh untuk mendedahkan hakikat nilai-nilai yang sebenar, dan di sinilah seluruh kehidupan dunia dan keni'matannya kelihatan begitu kecil dan kerdil di samping ni'mat-ni'mat yang tersimpan di sisi Allah.

وَقَالُوٓا۟ إِن نَّتَّبِعِ ٱلْهُدَىٰ مَعَكَ نُتَخَطَّفْ مِنْ أَرْضِنَآ ۚ
أَوَلَمْ نُمَكِّن لَّهُمْ حَرَمًا ءَامِنًا يُجْبَىٰٓ إِلَيْهِ ثَمَرَٰتُ
كُلِّ شَىْءٍ رِّزْقًا مِّن لَّدُنَّا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ
لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾

وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَرْيَةٍۭ بَطِرَتْ مَعِيشَتَهَا ۖ فَتِلْكَ
مَسَٰكِنُهُمْ لَمْ تُسْكَن مِّنۢ بَعْدِهِمْ إِلَّا قَلِيلًا ۖ
وَكُنَّا نَحْنُ ٱلْوَٰرِثِينَ ﴿٥٨﴾

وَمَا كَانَ رَبُّكَ مُهْلِكَ ٱلْقُرَىٰ حَتَّىٰ يَبْعَثَ فِىٓ
أُمِّهَا رَسُولًا يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِنَا ۚ وَمَا كُنَّا مُهْلِكِى
ٱلْقُرَىٰٓ إِلَّا وَأَهْلُهَا ظَٰلِمُونَ ﴿٥٩﴾

وَمَآ أُوتِيتُم مِّن شَىْءٍ فَمَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَزِينَتُهَا ۚ
وَمَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٠﴾

أَفَمَن وَعَدْنَٰهُ وَعْدًا حَسَنًا فَهُوَ لَٰقِيهِ كَمَن مَّتَّعْنَٰهُ مَتَٰعَ
ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ثُمَّ هُوَ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ مِنَ ٱلْمُحْضَرِينَ ﴿٦١﴾

"Dan mereka berkata: Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami. Bukankah Kami memberikan mereka kedudukan yang teguh di tanah suci yang aman, di mana segala macam buah-buahan dibawa kepadanya sebagai rezeki dari kurniaan Kami, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui?(57). Berapa banyak penduduk negeri-negeri yang angkuh di dalam kehidupannya (yang mewah) telah Kami binasakannya. Itulah tempat-tempat kediaman mereka yang masih belum lagi didiami orang selepas mereka melainkan sedikit sahaja, dan Kamilah yang menjadi para pewarisnya(58). Dan Tuhanmu tidak pernah membinasakan negeri-negeri sehingga Dia bangkitkan di ibu kotanya seorang Rasul yang membaca kepada mereka ayat-ayat Kami, dan Kami tidak pernah membinasakan negeri-negeri melainkan apabila penduduk-penduduknya melakukan kezaliman (59). Dan apa sahaja yang dikurniakan kepada kamu, maka itu hanya keni'matan hidup dunia dan perhiasannya sahaja, sedangkan ni'mat yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal lagi, tidakkah kamu berfikir?(60). Adakah orang yang telah Kami janjikannya dengan suatu janji yang baik lalu dia berjaya memperolehinya itu sama dengan orang yang Kami kurniakan keni'matan hidup dunia, kemudian pada hari Qiamat kelak dia termasuk ke dalam golongan orang yang dibawa untuk dihisab?"(61)

Tanggapan Mengikut Agama Allah Melamarkan Kesusahan

Itulah pandangan yang dangkal dan itulah kefahaman dunia yang terbatas. Itulah sebab yang menyarankan kepada kaum Quraysy dan kepada manusia-manusia yang lain bahawa mengikut hidayat Allah itu akan mendedahkan mereka kepada ketakutan, akan mendorong musuh-musuh menyerang mereka, akan menyebabkan mereka kehilangan bantuan dan penolong dan akan membawa kemiskinan dan malapetaka ke atas mereka:

وَقَالُوٓا۟ إِن نَّتَّبِعِ ٱلْهُدَىٰ مَعَكَ نُتَخَطَّفْ مِنْ أَرْضِنَآ ۚ

"Dan mereka berkata: Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami."(57)

Mereka tidak mengingkari bahawa Islam itu hidayat, tetapi mereka hanya takut diusir oleh manusia, sedangkan mereka lupakan Allah. Mereka lupa

bahawa hanya Allah sahaja yang dapat memelihara dan melindungi mereka. Seluruh kekuatan yang ada di dunia ini tidak berkuasa mengusir mereka dari bumi Allah yang suci itu. Begitu juga seluruh kekuatan yang ada di dunia ini tidak berkuasa menolong mereka jika Allah mengecewakan mereka. Mereka berfikir begitu kerana keimanan belum terserap di dalam hati mereka, dan andainya keimanan itu telah bersebati dengan mereka tentulah pandangan mereka terhadap kekuatan-kekuatan di dunia ini akan berubah dan tentulah penilaian dan pertimbangan mereka berlainan dari itu, dan tentulah mereka yakin bahawa keamanan itu tidak wujud melainkan di dalam perdampingan dengan Allah. Ini bukannya waham dan bukannya kata-kata untuk menenangkan hati sahaja, malah ia adalah suatu hakikat yang amat mendalam yang terbit dari hakikat bahawa mengikut hidayat Allah itu adalah bererti berdamai dengan undang-undang dan kekuatan-kekuatan alam dan menggunakannya untuk mendapat kemudahan-kemudahan dalam kehidupan. Oleh kerana Allah Pencipta alam buana dan Pentadbir yang mengatur perjalanannya mengikut undang-undang yang diredhai-Nya, maka orang yang mengikut hidayat Allah adalah bererti mengambil kekuatan-kekuatan yang tidak terbatas yang wujud di alam buana ini dan berlindung pada kubu yang amat teguh di alam realiti hidup.

Hidayat (agama) Allah adalah suatu sistem hidup yang betul, iaitu hidup yang sebenar di dunia ini. Apabila sistem ini dapat ditegakkan, maka ia akan memiliki kekuasaan di dunia di samping kebahagiaan di Akhirat. Keistimewaan sistem ini ia tidak memisahkan di antara jalan dunia dan jalan Akhirat dan tidak pula menghapus atau melumpuhkan kehidupan dunia untuk merealisasikan matlamat-matlamat hidup Akhirat, malah ia mengikatkan kedua-duanya dengan satu tali ikatan iaitu kebaikan hati, kebaikan masyarakat dan kebaikan hidup di dunia ini, dan oleh kerana itu kehidupan dunia merupakan jalan menuju Akhirat. Dunia itu tanah bendang Akhirat. Pembangunan dan penguasaan kebun dunia merupakan sarana kepada pembangunan dan penguasaan kebun Syurga di Akhirat dan hidup kekal di sana dengan syarat seseorang itu mengikut hidayat Allah dan bertawajjuh kepada-Nya dengan amalan yang soleh dan mengharapkan keredhaan-Nya.

Tidak pernah berlaku kemungkiran di dalam sejarah manusia iaitu apabila sesuatu kelompok manusia berdiri teguh dan jujur di atas hidayat (agama) Allah melainkan pada akhirnya Allah akan mengurniakan mereka kekuatan, keteguhan dan kekuasaan, setelah diri mereka diper-lengkapkan untuk memikul amanah khilafah di bumi dan tugas mengendalikan kehidupan dunia.

Perasaan Takut Mengikut Syari'at Allah

Ramai manusia yang merasa takut untuk mengikut syari'at Allah dan berjalan di atas hidayat-Nya. Mereka takut pencerobohan musuh-musuh Allah dan tipu daya mereka. Mereka takut musuh-musuh akan bersatu menyerang mereka. Mereka takut tekanan dan tindasan ekonomi dan bukan ekonomi. Semuanya ini merupakan anggapan-anggapan karut yang sama dengan anggapan-anggapan karut kaum Quraysy pada hari mereka berkata kepada Rasulullah s.a.w. **"Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami".** Tetapi sebenarnya apabila mereka mengikut hidayat Allah, mereka dapat menguasai negeri-negeri di Timur dan di Barat hanya di dalam masa suku abad sahaja atau kurang dari itu lagi.

Di waktu itu juga Allah menjawab kata-kata mereka dengan jawapan yang membohongkan alasan mereka yang karut itu. Siapakah (selama ini) yang telah mengurniakan keamanan kepada mereka? Siapakah yang telah menjadikan Baitul-Haram untuk mereka? Siapakah yang mendorongkan hati manusia cenderung kepada mereka dan membawa segala buah-buahan di dunia ini kepada mereka? Semua buah-buahan itu berkumpul di tanah suci dari merata pelosok dunia, dari berbagai-bagai negeri dan musim:

"Bukankah Kami memberikan mereka kedudukan yang teguh di tanah suci yang aman, di mana segala macam buah-buahan dibawa kepadanya sebagai rezeki dari kurniaan Kami, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(57)

Oleh sebab itu mengapa mereka takut, dihalau oleh manusia apabila mereka mengikut agama Allah, sedangkan Allahlah yang mengurniakan kedudukan yang teguh kepada mereka di tanah suci yang aman ini sejak zaman moyang mereka Nabi Ibrahim a.s. lagi? Adakah Tuhan yang telah memberi keamanan kepada mereka semasa mereka berada di dalam kekafiran itu akan membiarkan mereka dihalau oleh manusia semasa mereka telah beriman dan bertaqwa?

"Tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(57)

Mereka tidak mengetahui dari manakah datangnya keamanan dan ketakutan itu? Mereka tidak mengetahui bahawa punca keamanan dan ketakutan itu adalah terpulang kepada Allah belaka.

Tetapi jika mereka mahu menyelamatkan diri mereka dari kebinasaan yang sebenar dan mahu

mendapat keamanan yang sebenar dari dihalaukan manusia, maka hindarilah sebab-sebabnya yang tetap akan membawa kepada kebinasaan itu.

وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَرْيَةٍ بَطِرَتْ مَعِيشَتَهَا ۖ فَتِلْكَ مَسَاكِنُهُمْ لَمْ تُسْكَن مِّن بَعْدِهِمْ إِلَّا قَلِيلًا ۖ وَكُنَّا نَحْنُ الْوَارِثِينَ ﴿٥٨﴾

"Berapa banyak penduduk negeri-negeri yang angkuh di dalam kehidupannya (yang mewah) telah Kami binasakannya. Itulah tempat-tempat kediaman mereka yang masih belum lagi didiami orang selepas mereka melainkan sedikit sahaja dan Kamilah yang menjadi para pewarisnya."(58)

Sifat angkuh dan lupa daratan kerana ni'mat kesenangan dan tidak bersyukur kepada Allah itulah sebab kebinasaan negeri-negeri itu. Kaum Quraysy telah dikurniakan Allah ni'mat hidup di dalam tanah suci yang aman, oleh sebab itu mereka harus ingat agar menjauhi sifat angkuh dan lupa daratan supaya mereka tidak ditimpa kebinasaan yang telah menimpa negeri-negeri yang telah dilihat dan dikenali mereka. Mereka telah melihat tempat-tempat kediaman penduduk negeri-negeri yang binasa itu tinggal kosong dan sunyi sepi dan **"Masih belum lagi didiami selepas mereka melainkan sedikit sahaja".** Tempat-tempat kediaman yang musnah itu masih tinggal tersergam menceritakan kisah kebinasaan penghuni-penghuninya yang angkuh dan lupa daratan kerana ni'mat kesenangan. Seluruh penghuninya binasa, tidak ada seorang pun yang tinggal di sana dan tiada siapa pun yang mewarisi mereka **"Dan kamilah yang menjadi para pewarisnya."**

Tetapi Allah tidak membinasakan negeri-negeri yang angkuh dan lupa daratan itu melainkan terlebih dahulu Dia mengirimkan Rasul ke ibu kota negeri-negeri itu. Itulah undang-undang Allah yang ditetapkan ke atas diri-Nya kerana kasihan belas terhadap para hamba-Nya:

وَمَا كَانَ رَبُّكَ مُهْلِكَ الْقُرَىٰ حَتَّىٰ يَبْعَثَ فِي أُمِّهَا رَسُولًا يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِنَا ۚ وَمَا كُنَّا مُهْلِكِي الْقُرَىٰ إِلَّا وَأَهْلُهَا ظَالِمُونَ ﴿٥٩﴾

"Dan Tuhanmu tidak pernah membinasakan negeri-negeri sehingga Dia bangkitkan di ibu kotanya seorang Rasul yang membaca kepada mereka ayat-ayat Kami, dan Kami tidak pernah membinasakan negeri-negeri melainkan apabila penduduk-penduduknya melakukan kezaliman."(59)

Hikmat dan tujuan diutuskan Rasul ke ibu kota negeri itu ialah supaya ibu kota itu menjadi pusat da'wah untuk menyampaikan risalah keseluruhan ceruk rantau negeri itu agar tiada siapa pun dapat menguzurkan dirinya dengan alasan tidak menerima da'wah. Allah telah mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. ke Makkah sebagai ibu kota negeri-negeri Arab. Allah mengingatkan mereka dengan akibat kebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang telah mendustakan Rasul sebelum mereka setelah Rasul itu datang memberi amaran kepada mereka. **"Kami tidak pernah membinasakan negeri-negeri melainkan apabila penduduk-penduduknya melakukan kezaliman"** iaitu mendustakan ayat-ayat Kami, sedangkan mereka percaya ayat-ayat itu benar.

Tetapi seluruh keni'matan dunia dan kedudukan yang teguh di dalam sebuah negeri yang dikurniakan Allah, seluruh ni'mat buah-buahan yang dikurniakan kepada mereka dan segala apa sahaja kesenangan yang diperolehi manusia di sepanjang hidup di dunia ini adalah amat kecil jika dibandingkan dengan ni'mat-ni'mat yang tersimpan di sisi Allah:

وَمَا أُوتِيتُم مِّن شَيْءٍ فَمَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَزِينَتُهَا ۚ وَمَا عِندَ اللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٠﴾

"Dan apa sahaja yang dikurniakan kepada kamu, maka itu hanya keni'matan hidup dunia dan perhiasannya sahaja, sedangkan ni'mat yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal lagi, tidakkah kamu berfikir?"(60)

Inilah penilaian yang akhir, tetapi penilaian ini bukan hanya dibandingkan dengan ni'mat keamanan, ni'mat mempunyai negeri dan ni'mat kesenangan yang mereka khuatiri hilang dari mereka sahaja, dan bukan hanya dibandingkan dengan ni'mat kedudukan yang teguh, ni'mat buah-buahan dan keamanan sahaja, juga bukan hanya dibandingkan dengan ni'mat-ni'mat yang lain yang dikurniakan kepada negeri-negeri yang dibinasakan kerana angkuh dan lupa daratan itu sahaja, malah ia merupakan penilaian yang akhir dibandingkan dengan segala apa sahaja ni'mat di dunia ini walaupun diandaikannya melimpah-ruah, sempurna dan kekal tidak musnah dan binasa, kerana seluruh ni'mat-ni'mat itu **"Hanya merupakan keni'matan hidup dunia dan perhiasannya sahaja, sedangkan ni'mat yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal"** yakni lebih bagus sifatnya dan lebih kekal masanya.

"Tidakkah kamu berfikir?"(60)

Membuat perbandingan di antara ni'mat-ni'mat dunia dan Akhirat memerlukan kepada akal fikiran yang dapat memahami sifat-sifat ni'mat-ni'mat itu. Oleh sebab inilah Al-Qur'an membuat kesimpulan dengan meng-gunakan ungkapan ini untuk mengingatkan manusia supaya menggunakan akal fikiran mereka di dalam memilih ni'mat-ni'mat itu.

Di akhir penjelajahan ini Al-Qur'an menayangkan gambaran hidup dunia dan Akhirat kepada mereka dan kepada siapa sahaja yang ingin membuat pilihan:

أَفَمَن وَعَدْنَٰهُ وَعْدًا حَسَنًا فَهُوَ لَٰقِيهِ كَمَن مَّتَّعْنَٰهُ مَتَٰعَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ثُمَّ هُوَ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ مِنَ ٱلْمُحْضَرِينَ ﴿٦١﴾

"Adakah orang yang telah Kami janjikannya dengan suatu janji yang baik lalu dia berjaya memperolehinya itu sama dengan orang yang Kami kurniakan keni'matan hidup dunia, kemudian pada hari Qiamat kelak dia termasuk ke dalam golongan orang yang dibawa untuk dihisab?"(61)

Inilah gambaran orang-orang yang dijanjikan Allah dengan janji yang benar kemudian di Akhirat dia dapati janji itu benar dan dia yakin akan memperolehinya, dan ini pula gambaran hidup orang yang mencapai keni'matan hidup dunia yang pendek dan sedikit kemudian di Akhirat dia dibawa (ke muka pengadilan) untuk dihisab. Ungkapan **"Golongan orang yang di bawa (untuk hisab)"** itu membayangkan paksaan, iaitu mereka dibawa dan diseret dengan paksa dan penuh ketakutan, sedangkan mereka berangan-angan agar tidak dibawa (ke muka pengadilan Ilahi) untuk menghadapi hisab terhadap ni'mat-ni'mat dunia yang pendek dan sedikit (yang telah dini'mati mereka) itu.

Itulah penghabisan penjelajahan untuk menjawab perkataan mereka **"Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami"** dan andainya berlaku demikian sekali pun, maka ia adalah lebih baik kepada mereka dari termasuk dalam golongan orang-orang yang dibawa dan diseret (ke muka pengadilan Ilahi) dengan paksa pada hari Akhirat. Bagaimana tidak, sedangkan hidayat Allah itu dijamin mendapat keamanan dan kedudukan yang teguh di dunia dan mendapat limpah kurnia dan keamanan di Akhirat? Jadi, tentulah tiada siapa yang sanggup meninggal hidayat Allah kecuali hanya orang-orang yang lalai yang tidak memahami hakikat kekuatan-kekuatan dan kuasa-kuasa di alam buana ini dan tidak mengetahui dari manakah wujudnya ketakutan dan keamanan itu dan kecuali hanya orang-orang yang rugi dan tidak pandai membuat pilihan yang baik untuk diri mereka dan tidak tahu menghindarkan diri dari kebinasaan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 62 - 67)

Setiba di tebing Akhirat Al-Qur'an membawa mereka ke dalam satu penjelajahan yang lain pula untuk meninjau salah satu dari pemandangan Akhirat yang menggambarkan kesudahan 'aqidah syirik dan kesesatan mereka:

وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ أَيْنَ شُرَكَآءِىَ ٱلَّذِينَ كُنتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٦٢﴾

قَالَ ٱلَّذِينَ حَقَّ عَلَيْهِمُ ٱلْقَوْلُ رَبَّنَا هَٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ أَغْوَيْنَآ أَغْوَيْنَٰهُمْ كَمَا غَوَيْنَا ۖ تَبَرَّأْنَآ إِلَيْكَ ۖ مَا كَانُوٓا۟ إِيَّانَا يَعْبُدُونَ ﴿٦٣﴾

وَقِيلَ ٱدْعُوا۟ شُرَكَآءَكُمْ فَدَعَوْهُمْ فَلَمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَهُمْ وَرَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ۚ لَوْ أَنَّهُمْ كَانُوا۟ يَهْتَدُونَ ﴿٦٤﴾

وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ مَاذَآ أَجَبْتُمُ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٦٥﴾

فَعَمِيَتْ عَلَيْهِمُ ٱلْأَنۢبَآءُ يَوْمَئِذٍ فَهُمْ لَا يَتَسَآءَلُونَ ﴿٦٦﴾

فَأَمَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَعَسَىٰٓ أَن يَكُونَ مِنَ ٱلْمُفْلِحِينَ ﴿٦٧﴾

"Dan (kenangilah) pada hari, di mana Allah menyeru mereka seraya berfirman: Di manakah sekutu-sekutu-Ku yang telah didakwakan kamu itu?(62) Berkatalah orang-orang yang telah ditetapkan keputusan azab terhadap mereka (pemimpin-pemimpin sesat): Wahai Tuhan kami! Merekalah orang-orang yang telah disesatkan kami. Kami telah sesatkan mereka sebagaimana kami juga telah sesat. Kami pohon berlepas diri kepadaMu. Mereka sebenarnya tidak menyembah kami(63). Dan dikatakan kepada mereka: Panggillah sekutu-sekutu kamu, lalu mereka pun memanggil mereka, tetapi sekutu-sekutu itu tidak menyahut panggilan mereka, dan mereka melihat azab (lalu mereka berangan-angan) kiranya mereka dahulu menerima hidayat(64). Dan (kenangilah) hari di mana Allah menyeru mereka seraya berfirman: Apakah jawapan kamu kepada para rasul?(65). Maka segala berita telah menjadi buta kepada mereka pada hari ini. Kerana itu mereka (diam) tidak saling tanya menanya(66). Adapun orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amalan yang soleh, maka mudah-mudahan dia termasuk di dalam golongan mereka yang beruntung."(67)

Pertanyaan yang pertama ialah pertanyaan mengecam:

ٱلَّذِينَ كُنتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٦٢﴾

"Di manakah sekutu-sekutu-Ku yang telah didakwakan kamu itu?"(62)

Allah mengetahui bahawa sekutu-sekutu itu tidak ada pada hari ini dan pengikut-pengikut mereka juga tidak mengetahui sesuatu apa mengenai mereka, dan mereka juga tidak berupaya sampai kepada mereka, tetapi itulah pertanyaan untuk menghina dan memalukan mereka di hadapan khalayak yang ramai.

Justeru itulah orang-orang yang ditanya itu tidak menjawab apa-apa, kerana pertanyaan ini bukan dimaksudkan untuk mendapat jawapan. Mereka cuba melepaskan diri mereka dari dosa perbuatan mereka yang telah menyesatkan orang-orang di belakang mereka, dan dosa perbuatan mereka yang telah

menghalangkan orang lain dari hidayat Allah sebagaimana telah dilakukan oleh pembesar-pembesar Quraysy terhadap orang-orang selepas mereka. Mereka berkata:

رَبَّنَا هَٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ أَغۡوَيۡنَآ أَغۡوَيۡنَٰهُمۡ كَمَا غَوَيۡنَاۖ تَبَرَّأۡنَآ إِلَيۡكَۖ مَا كَانُوٓاْ إِيَّانَا يَعۡبُدُونَ ﴿٦٣﴾

"Wahai Tuhan kami! Merekalah orang-orang yang telah disesatkan kami. Kami telah sesatkan mereka sebagai-mana kami juga telah sesat. Kami pohon berlepas diri kepada-Mu. Mereka sebenarnya tidak menyembah kami."(63)

Maksudnya, wahai Tuhan kami! Kami tidak menyesatkan mereka secara paksa, kerana kami tidak menguasai hati mereka, malah mereka jatuh di dalam kesesatan dengan kerelaan dan pilihan mereka sendiri sebagaimana kami juga jatuh di dalam kesesatan tanpa dipaksa **"Kami pohon berlepas diri kepada-Mu"** dari dosa menyesatkan mereka. **"Mereka sebenarnya tidak menyembah kami"** malah mereka menyembah patung-patung, berhala-berhala dan makhluk-makhluk ciptaan-Mu. Kami tidak sekali-kali menjadikan diri kami sebagai tuhan-tuhan mereka dan mereka bukannya menumpukan ibadat mereka kepada kami.

Di waktu inilah Al-Qur'an membawa mereka kembali memperkatakan perbuatan mereka yang memalukan, yang mereka sengaja pusingkan percakapan mereka darinya iaitu perbuatan mereka yang menyembah sekutu-sekutu yang lain dari Allah:

وَقِيلَ ٱدۡعُواْ شُرَكَآءَكُمۡ فَدَعَوۡهُمۡ فَلَمۡ يَسۡتَجِيبُواْ لَهُمۡ وَرَأَوُاْ ٱلۡعَذَابَۚ لَوۡ أَنَّهُمۡ كَانُواْ يَهۡتَدُونَ ﴿٦٤﴾

"Dan dikatakan kepada mereka: Panggillah sekutu-sekutu kamu, lalu mereka pun memanggil mereka, tetapi sekutu-sekutu itu tidak menyahut panggilan mereka, dan mereka melihat azab, (lalu mereka berangan-angan) kiranya mereka dahulu menerima hidayat."(64)

Panggillah mereka dan janganlah kamu lari dari jalan mereka. Panggillah mereka supaya mereka menyahut seruan kamu dan menyelamatkan kamu. Panggillah mereka kerana hari ini adalah hari mereka dan inilah gunanya mereka.

Tetapi orang-orang yang malang itu memang sedar tidak ada gunanya memanggil sekutu-sekutu itu, tetapi mereka terpaksa mematuhi perintah itu:

فَدَعَوۡهُمۡ فَلَمۡ يَسۡتَجِيبُواْ لَهُمۡ وَرَأَوُاْ ٱلۡعَذَابَۚ

"Lalu mereka pun memanggil mereka, tetapi sekutu-sekutu itu tidak menyahut panggilan mereka."(64)

Tiada lain yang ditunggu kecuali penghinaan dan penyeksaan.

وَرَأَوُاْ ٱلۡعَذَابَۚ

"Dan mereka melihat azab."(64)

Yakni mereka melihat azab di dalam dialog ini. Mereka melihat azab di sebalik dialog itu. Oleh itu tiada yang lain di sebalik situasi ini kecuali azab seksa.

Di sini di sa'at pemandangan itu sampai kemuncaknya, Al-Qur'an menayangkan hidayat yang telah ditolak mereka, dan kini hidayat itulah yang diangan-angankan mereka dalam situasi yang malang ini, sedangkan semasa hidup di dunia dulu hidayat ini tersaji di hadapan mereka dan boleh dicapaikan mereka jika mereka menerimanya dengan segera:

لَوۡ أَنَّهُمۡ كَانُواْ يَهۡتَدُونَ ﴿٦٤﴾

"(Lalu mereka berangan-angan) kiranya mereka dahulu menerima hidayat."(64)

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka pulang kepada pemandangan yang malang itu:

وَيَوۡمَ يُنَادِيهِمۡ فَيَقُولُ مَاذَآ أَجَبۡتُمُ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴿٦٥﴾

"Dan (kenangilah) hari di mana Allah menyeru mereka seraya berfirman: Apakah jawapan kamu kepada para rasul?"(65)

Allah memang mengetahui jawapan mereka kepada para rasul itu, tetapi pertanyaan ini adalah dituju untuk mengecam dan menghinakan mereka. Mereka menghadapi pertanyaan ini dengan kebingungan dan diam iaitu kebingungan orang yang dirundung malang dan diam orang yang tidak mendapati kata-kata yang hendak diucapkannya:

فَعَمِيَتۡ عَلَيۡهِمُ ٱلۡأَنۢبَآءُ يَوۡمَئِذٖ فَهُمۡ لَا يَتَسَآءَلُونَ ﴿٦٦﴾

"Maka segala berita telah menjadi buta kepada mereka pada hari ini. Kerana itu mereka (diam) tidak saling tanya menanya."(66)

Ayat ini menggambarkan pemandangan dan gerak-geri mereka yang diselubungi suasana buta seolah-olah segala berita itu buta belaka dan tidak dapat sampai kepada mereka, dan mereka tidak mengetahui sesuatu apa dan tidak berupaya bertanya dan tidak pula menjawab. Mereka diam membisu dalam kebingungan.

فَأَمَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحٗا فَعَسَىٰٓ أَن يَكُونَ مِنَ ٱلۡمُفۡلِحِينَ ﴿٦٧﴾

"Adapun orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amalan yang soleh, maka mudah-mudahan dia termasuk di dalam golongan mereka yang beruntung."(67)

Inilah gambaran kelompok Mu'minin. Semasa kesusahan yang dialami oleh kelompok Musyrikin itu sampai kemuncaknya, Al-Qur'an memperkatakan pula tentang golongan yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dan tentang harapan kejayaan dan keberuntungan yang ditunggu-tunggu mereka. Kini siapa sahaja yang suka, dia boleh membuat pilihan sendiri dan waktu pun masih berpeluang untuk menentukan pilihan itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 68 - 70)

Kemudian Al-Qur'an memulangkan urusan mereka dan utusan segala sesuatu kepada iradat Allah dan pilihan-Nya. Dialah yang menciptakan segala sesuatu dan mengetahui segala sesuatu. Kepada-Nya terpulang segala urusan dunia dan Akhirat, kepada-Nya terpulang segala kepujian dan sanjungan dunia dan Akhirat, kepada-Nya terpulang teraju penentuan di dalam kehidupan dunia dan kepada-Nya kembali seluruh manusia. Mereka tidak berkuasa membuat pilihan untuk diri mereka dan untuk orang lain. Hanya Allah juga yang berkuasa mencipta dan memilih apa sahaja yang disukai-Nya:

وَرَبُّكَ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ وَيَخْتَارُ مَا كَانَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٦٨﴾ وَرَبُّكَ يَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٦٩﴾ وَهُوَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ لَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلْأُولَىٰ وَٱلْءَاخِرَةِ وَلَهُ ٱلْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٧٠﴾

"Dan Tuhanmu menciptakan apa sahaja yang dikehendaki dan dipilih-Nya. Mereka tidak mempunyai pilihan. Maha Suci Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka(68). Dan Tuhanmu mengetahui segala apa yang disembunyikan dada mereka dan apa yang dinyatakan mereka(69). Dan Dialah Allah tiada tuhan melainkan Dia. Dia memiliki segala kepujian di dunia dan di Akhirat. Dia memiliki teraju keputusan dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan."(70)

Ulasan ini datang selepas menceritakan perkataan mereka **"Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami"** dan selepas menunjukkan kedudukan mereka pada Hari Hisab menghadapi kesalahan syirik dan menyesatkan orang lain ulasan ini datang untuk menjelaskan bahawa mereka tidak berkuasa membuat pilihan untuk diri mereka, iaitu memilih keamanan atau ketakutan, dan untuk menegakkan konsep Wahdaniyah Allah dan memulangkan segala urusan kepada Allah pada akhirnya.

وَرَبُّكَ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ وَيَخْتَارُ مَا كَانَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ

"Dan Tuhanmu menciptakan apa sahaja yang dikehendaki dan dipilihkan-Nya. Mereka tidak mempunyai pilihan."(68)

Itulah hakikat yang sering dilupai manusia atau dilupakan setengah-setengah sudutnya. Allah berkuasa menciptakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Tiada siapa pun yang berkuasa mencadangkan sesuatu kepada-Nya atau berkuasa menambah atau mengurangkan sesuatu dalam urusan ciptaan-Nya dan tidak pula berkuasa meminda atau menghubungkan sesuatu dari urusan ciptaan-Nya. Dialah sahaja yang berkuasa memilih apa sahaja dan siapa sahaja dari makhluk-makhluk-Nya untuk menyandang jawatan-jawatan, melaksanakan kerja-kerja dan tugas-tugas dan mengisikan kedudukan-kedudukan yang dikehendaki oleh-Nya. Tiada siapa yang berkuasa mencadangkan seseorang atau sesuatu peristiwa atau sesuatu harakat atau sesuatu perkataan atau sesuatu perbuatan kepada Allah. **"Mereka tidak mempunyai pilihan"** sama ada mengenai diri mereka atau orang lain. Segala-galanya terpulang kepada Allah sama ada kecil atau besar.

Jika hakikat ini tersemat di dalam hati manusia tentulah mereka tidak menaruh dendam, dan tentulah mereka tidak lupa daratan kerana sesuatu ni'mat yang dapat dicapai dengan tangan mereka, dan tidak pula mereka berdukacita kerana sesuatu ni'mat yang hilang atau terlepas dari tangan mereka, kerana yang memilih bukannya mereka, tetapi Allahlah yang menentukan pilihan.

Tetapi ini bukanlah pula bererti bahawa mereka harus membatalkan akal fikiran dan menghapuskan kemahuan dan segala usaha kegiatan mereka, malah ia bererti bahawa mereka harus menerima segala apa yang telah berlaku itu dengan penuh kerelaan setelah mereka menghabiskan segala daya upaya berfikir, merancang dan memilih. Kewajipan mereka ialah melaksanakan segala sesuatu yang ada di dalam lingkungan kemampuan dan keupayaan mereka sahaja dan selepas itu terserahlah kepada Allah menentukannya.

Kaum Musyrikin telah mempersekutui Allah dengan tuhan-tuhan palsu yang didakwa oleh mereka, sedangkan Allah satu-satunya Tuhan Pencipta dan Pemilih yang tiada sekutu bagi-Nya dalam segala urusan ciptaan dan pemilihan-Nya.

سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٦٨﴾

"Maha Suci Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka."(68)

وَرَبُّكَ يَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٦٩﴾

"Dan Tuhanmu mengetahui segala apa yang disembunyikan dada mereka dan apa yang dinyatakan mereka."(69)

Justeru itu Allahlah yang berhak membalas segala perbuatan mereka yang diketahui-Nya dan Dialah yang layak memilih apa sahaja yang sesuai dengan mereka sama ada hidayat atau kesesatan.

وَهُوَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ لَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلْأُولَىٰ وَٱلْءَاخِرَةِ وَلَهُ ٱلْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٧٠﴾

"Dan Dialah Allah tiada tuhan melainkan Dia. Dia memiliki segala kepujian di dunia dan di Akhirat. Dia memiliki teraju

keputusan dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan."(70)

"Dan Dialah Allah tiada tuhan melainkan hanya Dia" yakni tiada sekutu bagi-Nya dalam segala urusan penciptaan dan pemilihan.

"Dia memiliki segala kepujian di dunia dan di Akhirat" yakni kepujian kerana pilihan-Nya, limpah kurnia-Nya, hikmat kebijaksanaan-Nya, pentadbiran-Nya, keadilan dan rahmat-Nya. Dialah sahaja yang berhak dipuji dan disanjung tinggi.

"Dia memiliki teraju keputusan" yakni Dialah yang menentukan keputusan terhadap para hamba-Nya dan tiada siapa pun yang berkuasa menolak dan mengubahkan keputusan-Nya.

"Dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan" dan di sana Dia akan menentukan keputusan akhirnya di antara kamu.

Demikianlah Al-Qur'an mengepung mereka dengan kesedaran terhadap Qudrat Allah dan iradat-Nya Yang Tunggal yang berlaku di alam buana ini, juga kesedaran terhadap ilmu Allah yang mengetahui segala yang sulit dan segala yang terang (dari perbuatan dan niat-niat mereka), tiada suatu pun yang terlindung kepada-Nya. Kepada-Nyalah pulang seluruh mereka dan tiada seorang pun yang dapat melarikan diri dari-Nya. Oleh itu bagaimana mereka sanggup mempersekutui Allah, sedangkan mereka berada di dalam genggaman-Nya dan tidak akan terlepas dari-Nya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 71 - 73)

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka menjelajah meninjau pemandangan-pemandangan alam buana, di mana mereka hidup tanpa memikirkan bagaimana Allah mengaturkan tadbir untuk kebaikan mereka dan memilih cara kehidupan mereka. Oleh itu ia menggerakkan kesedaran mereka terhadap dua gejala alam yang amat besar iaitu gejala malam dan gejala siang dan rahsia-rahsia yang berada di sebalik keduanya iaitu rahsia pemilihan Ilahi dan bukti Wahdaniyah Allah yang mencipta dan memilih itu:

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن جَعَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمُ ٱلَّيْلَ سَرْمَدًا إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِضِيَآءٍ ۖ أَفَلَا تَسْمَعُونَ ﴿٧١﴾

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن جَعَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمُ ٱلنَّهَارَ سَرْمَدًا إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِلَيْلٍ تَسْكُنُونَ فِيهِ ۖ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٧٢﴾

وَمِن رَّحْمَتِهِۦ جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

"Katakanlah: Apa fikiran kamu jika Allah jadikan hari malam menyelubungi kamu selama-lamanya sehingga hari Qiamat, siapakah tuhan selain Allah yang berkuasa membawa cahaya yang terang kepada kamu? Tidakkah kamu mendengar?(71). Katakanlah: Apakah fikiran kamu jika Allah jadikan hari siang menerangi kamu selama-lamanya sehingga hari Qiamat, siapakah tuhan selain Allah yang berkuasa mendatangkan hari malam yang dapat kamu beristirehat padanya? Tidakkah kamu melihat?(72). Dan dari limpah rahmat-Nya, Allah jadikan untuk kamu hari malam dan hari siang supaya kamu dapat beristirehat dan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur."(73)

Rahmat Allah Di Sebalik Pertukaran Malam Dan Siang

Oleh kerana manusia terlalu biasa dengan pertukaran siang dan malam, maka mereka lupakan kebaharuan siang dan malam, yang sentiasa berulang-ulang dan tidak pernah buruk dan lusuh. Mereka tidak lagi merasa kagum melihat matahari naik dan terbit kecuali sedikit sahaja. Mereka tidak lagi terharu melihat kedatangan hari siang dan hari malam melainkan jarang-jarang sahaja. Mereka tidak berfikir bahawa pertukaran siang dan malam yang bersilih ganti itu mendatangkan rahmat kepada mereka dan menyelamatkan mereka dari kelusuhan dan kebinasaan atau dari kelembapan dan kemusnahan atau dari kebosanan dan kehambaran.

Al-Qur'anul-Karim menggerakkan mereka dari kehambaran kebiasaan dan menarik perhatian mereka supaya merenungi alam buana di sekeliling mereka dan meneliti pemandangan-pemandangan yang agung, iaitu ketika terlintas dalam khayal mereka hari malam ini akan berlangsung terus menerus buat selama-lamanya atau hari siang akan kekal siang buat selama-lamanya dan ketika mereka merasa takut memikirkan akibat-akibat perubahan itu, kerana seorang itu biasanya tidak menyedari nilai sesuatu benda melainkan sesudah benda itu hilang darinya atau semasa dia takut benda itu hilang darinya.

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن جَعَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمُ ٱلَّيْلَ سَرْمَدًا إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِضِيَآءٍ ۖ أَفَلَا تَسْمَعُونَ ﴿٧١﴾

"Katakanlah: Apa fikiran kamu jika Allah jadikan hari malam menyelubungi kamu selama-lamanya sehingga hari Qiamat siapakah tuhan selain Allah yang berkuasa membawa cahaya yang terang kepada kamu? Tidakkah kamu mendengar?"(71)

Manusia rindukan pagi apabila waktu malam dirasa memanjang sedikit di dalam musim dingin. Mereka

rindukan cahaya matahari apabila matahari itu terlindung sebentar di belakang awan. Bagaimana nanti jika mereka terus menerus tidak mendapat cahaya matahari dan bagaimana nanti jika hari malam menyelubungi mereka buat selama-lamanya hingga ke hari Qiamat? Andainya mereka masih terus hidup (hingga ke masa itu). Seluruh hayat (di bumi ini) akan terdedah kepada kerosakan dan kemusnahan andainya tidak ada hari siang.

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن جَعَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمُ ٱلنَّهَارَ سَرْمَدًا إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِلَيْلٍ تَسْكُنُونَ فِيهِ ۖ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٧٢﴾

"Katakanlah: Apakah fikiran kamu jika Allah jadikan hari siang menerangi kamu selama-lamanya sehingga hari Qiamat, siapakah tuhan selain Allah yang berkuasa mendatangkan hari malam yang dapat kamu beristirehat padanya? Tidakkah kamu melihat?"(72)[6]

Manusia meni'mati bayang-bayang teduh apabila cuaca panas memanjang beberapa jam di hari siang. Mereka rindukan malam apabila siang dirasa memanjang beberapa jam di dalam musim panas. Mereka meni'mati ketenteraman di dalam kegelapan hari malam dan ketenangannya. Seluruh yang hidup memerlukan waktu malam untuk memulihkan tenaga yang dihabiskannya di dalam kegiatan-kegiatan hari siang. Bagaimana nanti akan berlaku kepada manusia jika hari siang terus kekal siang hingga ke hari Qiamat andainya mereka masih terus hidup? Seluruh hayat akan terdedah kepada kerosakan dan kemusnahan andainya hari siang terus kekal siang.

Segala sesuatu mengikut peraturannya yang tertentu. Segala yang kecil dan yang besar di alam ini adalah mengikut tadbir Ilahi, dan segala sesuatu di sisi Allah adalah diatur dengan peraturan yang rapi:

وَمِن رَّحْمَتِهِۦ جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

"Dan dari limpah rahmat-Nya, Allah jadikan untuk kamu hari malam dan hari siang supaya kamu dapat beristirehat dan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur."(73)

Hari malam merupakan waktu tenang dan tenteram, dan hari siang ialah waktu bergiat dan bekerja. Yang menjadi arah tujuan di dalam waktu-waktu ini ialah mencari limpah kurnia Allah, kerana segala sesuatu yang diberikan kepada manusia adalah dari limpah kurnia-Nya **"Supaya kamu bersyukur"** terhadap ni'mat dan rahmat yang dikurniakan Allah kepada kamu, juga terhadap segala tadbir dan pilihan Ilahi yang telah mengaturkan pertukaran malam dan siang dan mengadakan peraturan-peraturan hidup yang tidak pernah dipilih oleh kamu kerana semua peraturan itu adalah dipilih oleh Allah berdasarkan rahmat, ilmu dan hikmat kebijaksanaan-Nya. Semuanya telah dilupai kamu kerana terlalu lama biasa dan terlalu kerap berulang-ulang.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 74 - 75)

Penjelajahan-penjelajahan ini ditamatkan dengan satu pemandangan sepintas lalu pada hari Qiamat, di mana mereka ditanya tentang sekutu-sekutu Allah yang didakwa oleh mereka. Al-Qur'an meletakkan mereka di hadapan dakwaan-dakwaan mereka yang karut, yang akan hancur dan roboh dalam suasana pertanyaan dan hisab:

وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ أَيْنَ شُرَكَآءِىَ ٱلَّذِينَ كُنتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٧٤﴾

وَنَزَعْنَا مِن كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا فَقُلْنَا هَاتُوا۟ بُرْهَٰنَكُمْ فَعَلِمُوٓا۟ أَنَّ ٱلْحَقَّ لِلَّهِ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٧٥﴾

"Dan (kenangilah) hari di mana Allah menyeru mereka seraya berfirman: Di manakah sekutu-sekutu yang telah didakwa kamu?(74). Dan Kami cabutkan dari setiap umat itu seorang saksi lalu Kami berkata: Tunjukkanlah bukti kebenaranmu, maka (di waktu ini) tahulah mereka bahawa kebenaran itu adalah kepunyaan Allah dan lenyaplah dari mereka segala dakwaan yang diada-adakan mereka."(75)

Gambaran hari Qiamat ketika mereka dipanggil dan ditanya tentang tuhan-tuhan sekutu itu telah pun diterangkan di dalam penjelajahan yang lepas, tetapi gambaran itu diulangi sekali lagi di sini untuk menguatkannya lagi sesuai dengan pemandangan baru yang ditayangkan di sini, iaitu pemandangan seorang saksi yang dicabut dari setiap umat. Itulah nabi umat itu yang memberi kesaksian bagaimana mereka menyahut dan menyambut risalah yang dibawa olehnya. Kata-kata "ونزعنا" menggambarkan tindakan yang keras, dan yang dimaksudkan di sini ialah saksi itu dibawa, ditonjol dan diasingkan dari kalangan mereka supaya dia dapat dilihat oleh umatnya dan supaya dia dapat melihat seluruh

---

[6] *Di dalam ayat yang menyebut hari malam Allah berfirman "Tidakkah kamu mendengar" dan di dalam ayat yang menyebut hari siang Allah berfirman "Tidakkah kamu melihat" ini ialah kerana pendengaran itu deria malam dan penglihatan itu deria siang. Itulah keselarasan yang seni di dalam penyampaian Al-Qur'an.*

umatnya, dan di hadapan saksi ini Allah menuntut dari mereka bukti yang membenarkan apa yang dipercayai dan dilakukan mereka itu, tetapi mereka tidak dapat mengemukakan apa-apa bukti dan pada hari itu mereka tidak berdaya lagi untuk berdalih dan berbantah dengan degil.

"Maka (di waktu ini) tahulah mereka bahawa kebenaran itu kepunyaan Allah". Seluruh kebenaran itu tulen tidak ada padanya sebarang kekeliruan dan keraguan.

"Dan lenyaplah dari mereka segala dakwaan yang diada-adakan oleh mereka" iaitu kepercayaan syirik dan tuhan sekutu. Di sana tuhan sekutu tidak datang menemui mereka dan mereka juga tidak dapat menemuinya di sa'at mereka amat memerlukannya iaitu ketika mereka ditanya dan dituntut memberi dalil dan bukti.

******

Dengan ini berakhirlah ulasan-ulasan terhadap kisah Nabi Musa a.s. dengan Fir'aun. Ulasan-ulasan itu telah membawa mereka menjelajah di merata pelosok bumi, menjelajah berbagai-bagai alam, meninjau berbagai-bagai peristiwa dan pemandangan. Ia membawa mereka dari dunia ke Akhirat dan dari Akhirat ke dunia. Ia membawa mereka mengembara ke berbagai-bagai sudut alam buana dan ke pedalaman jiwa manusia, juga membawa mereka meninjau peristiwa-peristiwa kebinasaan umat di zaman dahulu dan merenungi undang-undang alam buana dan undang-undang hidup. Semuanya selaras dengan pokok pembicaraan surah yang asal, juga selaras dengan dua kisah utama di dalam surah ini, iaitu kisah Musa dan Fir'aun dan kisah Qarun. Kisah yang pertama (iaitu kisah Musa dengan Fir'aun) telah pun berlalu. Sekarang marilah pula kita tinjau kisah yang kedua (iaitu kisah Qarun) setelah membaca ulasan-ulasan itu dan mengikuti penjelajahan-penjelajahan ini.

(Kumpulan ayat-ayat 76 - 84)

إِنَّ قَٰرُونَ كَانَ مِن قَوْمِ مُوسَىٰ فَبَغَىٰ عَلَيْهِمْ ۖ وَءَاتَيْنَٰهُ مِنَ ٱلْكُنُوزِ مَآ إِنَّ مَفَاتِحَهُۥ لَتَنُوٓأُ بِٱلْعُصْبَةِ أُو۟لِى ٱلْقُوَّةِ إِذْ قَالَ لَهُۥ قَوْمُهُۥ لَا تَفْرَحْ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْفَرِحِينَ ﴿٧٦﴾

وَٱبْتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ ۖ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنْيَا ۖ وَأَحْسِن كَمَآ أَحْسَنَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ ٱلْفَسَادَ فِى ٱلْأَرْضِ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

قَالَ إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلْمٍ عِندِىٓ ۚ أَوَلَمْ يَعْلَمْ أَنَّ ٱللَّهَ قَدْ أَهْلَكَ مِن قَبْلِهِۦ مِنَ ٱلْقُرُونِ مَنْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُ قُوَّةً وَأَكْثَرُ جَمْعًا ۚ وَلَا يُسْـَٔلُ عَن ذُنُوبِهِمُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٧٨﴾

فَخَرَجَ عَلَىٰ قَوْمِهِۦ فِى زِينَتِهِۦ ۖ قَالَ ٱلَّذِينَ يُرِيدُونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا يَٰلَيْتَ لَنَا مِثْلَ مَآ أُوتِىَ قَٰرُونُ إِنَّهُۥ لَذُو حَظٍّ عَظِيمٍ ﴿٧٩﴾

وَقَالَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ وَيْلَكُمْ ثَوَابُ ٱللَّهِ خَيْرٌ لِّمَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا ۚ وَلَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ٱلصَّٰبِرُونَ ﴿٨٠﴾

فَخَسَفْنَا بِهِۦ وَبِدَارِهِ ٱلْأَرْضَ فَمَا كَانَ لَهُۥ مِن فِئَةٍ يَنصُرُونَهُۥ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُنتَصِرِينَ ﴿٨١﴾

وَأَصْبَحَ ٱلَّذِينَ تَمَنَّوْا۟ مَكَانَهُۥ بِٱلْأَمْسِ يَقُولُونَ وَيْكَأَنَّ ٱللَّهَ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ وَيَقْدِرُ ۖ لَوْلَآ أَن مَّنَّ ٱللَّهُ عَلَيْنَا لَخَسَفَ بِنَا ۖ وَيْكَأَنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨٢﴾

تِلْكَ ٱلدَّارُ ٱلْءَاخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا ۚ وَٱلْعَٰقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٨٣﴾

مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ خَيْرٌ مِّنْهَا ۖ وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى ٱلَّذِينَ عَمِلُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ إِلَّا مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٨٤﴾

"Sesungguhnya Qarun itu adalah dari kaum Musa, kemudian dia berlagak sombong dan zalim terhadap mereka, dan Kami telah mengurniakan kepadanya perbendaharaan harta, yang mana anak-anak kuncinya sahaja begitu berat dipikul oleh sekumpulan orang-orang yang kuat. (Kenangilah) ketika kaumnya berkata kepadanya: Janganlah engkau terlalu gembira, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang terlalu gembira(76). Dan carilah dengan harta kekayaan yang dikurniakan Allah kepadamu itu kebahagiaan negeri Akhirat, dan janganlah engkau lupakan bahagiamnu dari (keni'matan dunia), dan buatlah kebaikan sebagaimana Allah telah membuat kebaikan kepadamu, dan janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang melakukan kerosakan(77). Berkatalah Qarun: Sesungguh-nya aku telah diberikan harta kekayaan itu dengan jasa ilmu pengetahuan yang ada pada aku. Tidakkah dia (Qarun) mengetahui bahawa Allah telah pun membinasakan dari umat-umat sebelumnya orang-orang yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak jumlah harta kekayaannya? Dan tidaklah perlu ditanya orang-orang yang berdosa itu tentang dosa-dosa mereka (78). Kemudian Qarun keluar kepada kaumnya dengan perhiasan yang cantik, lalu berkatalah orang-orang yang mahukan (kemewahan) hidup dunia: Moga-moga kita mempunyai harta kekayaan seperti yang diberikan kepada Qarun. Sesungguhnya dia seorang yang amat bernasib baik(79). Dan berkatalah orang-orang yang dikurniakan ilmu: Janganlah kamu berkata begitu! Pahala dari Allah itu adalah lebih baik bagi orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dan tiada siapa yang memperolehinya melainkan orang-orang yang sabar(80). Lalu Kami benamkannya (Qarun) serta rumahnya ke dalam bumi. Dia tidak mendapat mana-mana kumpulan manusia yang boleh menolongnya dari azab Allah dan tidak pula termasuk dalam golongan orang-orang yang dapat mempertahankan dirinya(81). Dan jadilah orang-orang yang kelmarin bercita-cita mendapat kedudukan Qarun itu berkata: Aduhai ketahuilah! Allah melapangkan rezeki kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya dan Dialah juga yang menyempitkannya. Kalaulah tidak kerana Allah mengurniakan (keimanan) kepada kita tentulah juga Dia benamkan kita di dalam bumi. Aduhai ketahuilah! Orang-orang yang kafir itu tidak akan beruntung(82). Itulah negeri Akhirat yang Kami peruntukkannya kepada orang-orang yang tidak mahu menunjukkan kesombongan di bumi dan tidak melakukan kerosakan, dan kesudahan yang baik itu adalah untuk orang-orang yang bertaqwa(83). Siapa yang datang membawa amalan yang baik (pada hari Qiāmat), maka dia akan memperolehi balasan yang lebih baik dari-Nya, dan siapa yang datang membawa amalan yang jahat, maka orang-orang yang melakukan kejahatan-kejahatan itu tidaklah dibalas melainkan hanya mengikut kadar kejahatan yang dilakukannya sahaja."(84).

Bahagian permulaan surah ini telah menceritakan kisah Nabi Musa a.s. dan Fir'aun. Di mana dibentangkan kekuatan kuasa pemerintahan dan bagaimana kuasa itu berakhir dengan kemusnahan dengan sebab keangkuhan, kezaliman, kekufuran terhadap Allah dan menjauhkan diri dari hidayat-Nya. Sekarang datang pula kisah Qarun untuk menunjukkan pengaruh harta dan ilmu pengetahuan dan bagaimana pengaruh ini juga berakhir dengan kemusnahan dengan sebab kezaliman dan keangkuhan terhadap sesama manusia dan dengan sebab kekufuran terhadap ni'mat Allah, juga untuk menjelaskan hakikat nilai-nilai, di mana ia merendah nilai harta kekayaan dan perhiasan hidup di samping nilai keimanan dan kebaikan iaitu bersikap sederhana dan imbang dalam meni'mati kemewahan-kemewahan hidup tanpa berlagak sombong di muka bumi dan tanpa melakukan kerosakan.

Kisah Qarun

Al-Qur'an tidak menentukan masa dan tempat kisah ini berlaku, malah ia hanya menyebut bahawa Qarun itu adalah dari kaum Musa kemudian dia berlagak angkuh dan zalim terhadap mereka. Adakah kisah ini berlaku semasa Bani Israel dan Musa masih berada di Mesir dan belum lagi keluar darinya? Atau ia berlaku selepas mereka keluar dari Mesir di dalam masa hayat Musa? Atau ia berlaku di dalam kalangan Bani Israel selepas Musa? Di sana ada riwayat-riwayat yang mengatakan bahawa Qarun itu adalah sepupu Nabi Musa a.s. dan peristiwa ini berlaku di zaman beliau. Setengah riwayat pula menambah bahawa Qarun telah menganiayai Musa. Dia telah merancangkan satu tipu daya yang jahat untuk mengenakan tohmah (yang dusta) terhadap Nabi Musa, iaitu tohmah melakukan zina dengan seorang perempuan yang tertentu untuk mendapat wang rasuah kemudian Allah bersihkan tohmahan itu dari Musa dan memperkenankan permohonan beliau terhadap Qarun lalu dia binasakannya dengan maut ditelan bumi.

Kita tidak perlu kepada riwayat-riwayat ini, juga tidak perlu kepada penentuan di zaman mana dan di tempat mana ia berlaku. Kisah ini sebagaimana yang diceritakan Al-Qur'an adalah cukup untuk memenuhi tujuan dan maksud kisah itu disebut di dalam surah ini, juga cukup untuk menjelaskan nilai-nilai dan dasar-dasar yang mahu ditegakkannya. Sekiranya penentuan zaman dan tempat dengan segala suasananya itu boleh menambahkan sesuatu makna dan tujuan, sudah tentu Al-Qur'an tidak mengabaikan penentuannya. Sekarang marilah kita melihat gambaran kisah ini sebagaimana yang digambarkan oleh Al-Qur'an itu sendiri dengan menepikan riwayat-riwayat yang tidak membawa apa-apa faedah itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 76 - 78)

إِنَّ قَٰرُونَ كَانَ مِن قَوْمِ مُوسَىٰ فَبَغَىٰ عَلَيْهِمْ ۖ
وَءَاتَيْنَٰهُ مِنَ ٱلْكُنُوزِ مَآ إِنَّ مَفَاتِحَهُۥ لَتَنُوٓأُ
بِٱلْعُصْبَةِ أُو۟لِى ٱلْقُوَّةِ إِذْ قَالَ لَهُۥ قَوْمُهُۥ لَا تَفْرَحْ ۖ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْفَرِحِينَ ﴿٧٦﴾

وَٱبْتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ ۖ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنْيَا ۖ وَأَحْسِن كَمَآ أَحْسَنَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ ٱلْفَسَادَ فِى ٱلْأَرْضِ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

قَالَ إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلْمٍ عِندِىٓ ۚ أَوَلَمْ يَعْلَمْ أَنَّ ٱللَّهَ قَدْ أَهْلَكَ مِن قَبْلِهِۦ مِنَ ٱلْقُرُونِ مَنْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُ قُوَّةً وَأَكْثَرُ جَمْعًا ۚ وَلَا يُسْـَٔلُ عَن ذُنُوبِهِمُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٧٨﴾

"Sesungguhnya Qarun itu adalah dari kaum Musa, kemudian dia berlagak sombong dan zalim terhadap mereka, dan Kami telah mengurniakan kepadanya perbendaharaan harta, yang mana anak-anak kuncinya sahaja begitu berat dipikul oleh sekumpulan orang-orang yang kuat. (Kenangilah) ketika kaumnya berkata kepadanya: Janganlah engkau terlalu gembira, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang terlalu gembira(76). Dan carilah dengan harta kekayaan yang dikurniakan Allah kepadamu itu kebahagiaan negeri Akhirat, dan janganlah engkau lupakan bahagianmu dari (keni'matan dunia), dan buatlah kebaikan sebagaimana Allah telah membuat kebaikan kepadamu, dan janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang melakukan kerosakan(77). Berkatalah Qarun: Sesungguhnya aku telah diberikan harta kekayaan itu dengan jasa ilmu pengetahuan yang ada pada aku. Tidakkah dia (Qarun) mengetahui bahawa Allah telah pun membinasakan dari umat-umat sebelumnya orang-orang yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak jumlah harta kekayaannya? Dan tidaklah perlu ditanya orang-orang yang berdosa itu tentang dosa-dosa mereka."(78)

Demikianlah kisah ini dimulakan dengan menyebut heronya **"Qarun"** dan menentukan kaumnya iaitu dia dari **"Kaum Musa"**, kemudian menerangkan tindak-tanduknya terhadap kaumnya, iaitu tindak-tanduk angkuh dan zalim **"Dia berlagak angkuh dan zalim"**, kemudian menyebut sebab yang mendorong Qarun itu bersikap angkuh dan zalim, iaitu pengaruh kekayaan:

وَءَاتَيْنَٰهُ مِنَ ٱلْكُنُوزِ مَآ إِنَّ مَفَاتِحَهُۥ لَتَنُوٓأُ بِٱلْعُصْبَةِ أُو۟لِى ٱلْقُوَّةِ

"Kami telah mengurniakan kepadanya perbendaharaan harta yang mana anak-anak kuncinya sahaja begitu berat dipikul oleh sekumpulan orang-orang yang kuat."(76)

Kemudian kisah ini terus menunjukkan peristiwa-peristiwa, dialog-dialog dan emosi-emosi yang menyertainya di dalam jiwa (watak-watak kisah ini).

Qarun adalah dari kaum Nabi Musa a.s. Dia telah dikurniakan Allah harta kekayaan yang banyak yang digambarkan dengan kata-kata **"Perbendaharaan"**, kata-kata ini bererti harta kekayaan yang tersembunyi, yang disimpan dari harta-harta yang lebih dari penggunaan dan pertukaran, juga digambarkan dengan ungkapan bahawa anak-anak kuncinya sahaja begitu berat dipikul oleh sekumpulan lelaki yang gagah. Kerana pengaruh kekayaan inilah Qarun berlagak angkuh dan zalim terhadap kaumnya. Al-Qur'an tidak menyebut butir-butir kezaliman yang dilaku-kannya supaya perkara ini tinggal mahjul dan dapat merangkumi berbagai-bagai gambaran. Mungkin dia melakukan kezaliman dengan merampas tanah-tanah dan harta benda kepunyaan mereka sebagaimana yang kerap dilakukan oleh hartawan-hartawan yang zalim, dan mungkin juga dia melakukan kezaliman terhadap mereka dengan menafikan hak-hak mereka pada harta kekayaannya, iaitu hak-hak orang-orang miskin pada harta orang-orang yang kaya supaya harta kekayaan itu tidak hanya beredar di dalam kalangan orang-orang kaya sahaja, sedangkan di sekeliling mereka terdapat orang-orang miskin yang memerlukan sedikit dari harta itu. Keadaan ini boleh merosakkan hati manusia dan merosakkan kehidupan. Mungkin dia menzalimi mereka dengan dua perbuatan itu dan mungkin pula dengan perbuatan-perbuatan yang lain lagi.

Walau bagaimanapun, di dalam kalangan kaumnya terdapat orang-orang yang berusaha menahannya dari melakukan perbuatan-perbuatan yang zalim itu dan cuba membawanya kembali ke pangkal jalan yang betul, yang diredhai Allah dalam pengurusan harta kekayaan itu, iaitu jalan yang tidak menafikan hak orang-orang kaya dalam harta kekayaan mereka dan tidak pula menafikan hak mereka untuk meni'matinya secara sederhana dari harta kekayaan yang dikurniakan Allah itu. Mereka mahukan orang-orang kaya itu bersikap sederhana, dan sebelum itu mereka mahu-kan mereka sentiasa mengingati Allah yang telah mengurnia-kan ni'mat kekayaan kepada mereka dan mahukan mereka bersedia untuk menghadapi Akhirat dan hisab.

إِذْ قَالَ لَهُۥ قَوْمُهُۥ لَا تَفْرَحْ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْفَرِحِينَ ﴿٧٦﴾

"(Kenangilah) ketika kaumnya berkata kepadanya: Janganlah engkau terlalu gembira, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang terlalu gembira."(76)

وَٱبْتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ ۖ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنْيَا ۖ وَأَحْسِن كَمَآ أَحْسَنَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ ٱلْفَسَادَ فِى ٱلْأَرْضِ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

"Dan carilah dengan harta kekayaan yang dikurniakan Allah kepadamu itu kebahagian negeri Akhirat, dan janganlah engkau lupakan bahagianmu dari (keni'matan dunia), dan buatlah kebaikan sebagaimana Allah telah membuat kebaikan kepadamu, dan janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang melakukan kerosakan."(77)

Di dalam nasihat ini terkandung intisari nilai-nilai dan ciri-ciri yang terdapat di dalam sistem hidup Ilahi yang lurus, yang membezakannya di antara segala sistem hidup yang lain.

لَا تَفۡرَحۡ

"Janganlah engkau terlalu gembira"(76)

iaitu gembira dengan perasaan yang sombong, yang terbit dari rasa bangga kerana mempunyai harta kekayaan dan terbit dari sikap yang terlalu besar memberi perhatian kepada kekayaan dan terlalu teringat kepada perbendaharaan-perbendaharaan harta dan terlalu girang dengan kuasa memilik. Yakni janganlah engkau bergembira dengan angkuh dan sombong hingga lupakan Allah yang mengurniakan harta kekayaan itu dan lupakan ni'mat-ni'mat-Nya dan kewajipan bersyukur kepada-Nya. Janganlah engkau terlalu bergembira seperti kegembiraan orang yang lupakan daratan kerana kekayaan hingga menyebabkan hatinya sentiasa dipenuhi angan-angan harta dan bersikap angkuh terhadap manusia yang lain.

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡفَرِحِينَ ٧٦

"Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang terlalu gembira."(76)

Dengan nasihat ini mereka cuba mengembalikan Qarun kepada Allah yang memang tidak menyukai orang-orang yang terpesona dan berbangga-bangga dengan harta kekayaan dan orang-orang yang bersikap angkuh dan takbur kerana kekayaan.

وَٱبۡتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلۡأٓخِرَةَۖ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنۡيَاۖ وَأَحۡسِن كَمَآ أَحۡسَنَ ٱللَّهُ إِلَيۡكَۖ وَلَا تَبۡغِ ٱلۡفَسَادَ فِي ٱلۡأَرۡضِۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ٧٧

"Dan carilah dengan harta kekayaan yang dikurniakan Allah kepadamu itu kebahagiaan negeri Akhirat dan janganlah engkau lupakan bahagianmu dari (keni'matan dunia), dan buatlah kebaikan sebagaimana Allah telah membuat kebaikan kepadamu dan janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang melakukan kerosakan."(77)

Kewajipan Dan Tanggungjawab Harta Kekayaan

Di dalam nasihat ini tergambarlah kesederhanaan sistem hidup Ilahi yang lurus, iaitu sistem yang membuat hati orang yang berharta teringat kepada Akhirat dan tidak pula menafikan seseorang dari meni'mati sebahagian dari keni'matan dan kemewahan hidup dunia ini, malah ia menggalakkannya berbuat begitu dan menjadikan (usaha ke arah itu) sebagai tugasnya supaya dia tidak hidup dalam keadaan zahid yang mengabaikan kehidupan dan melemahkannya.

Allah S.W.T. telah menjadikan segala ni'mat hidup yang baik supaya dini'mati oleh manusia dan supaya mereka bekerja dan berusaha di bumi ini untuk meningkatkan ni'mat- ni'mat itu dan menghasilkannya agar kehidupan bertambah subur dan sentiasa membaharu dan agar ter-laksana tugas khilafah manusia di bumi, tetapi semuanya itu dengan syarat bahawa matlamat yang ditujukan mereka dalam meni'mati kesenangan-kesenangan hidup ialah Akhirat. Oleh kerana itu mereka tidak menyeleweng dari jalan Akhirat dan tidak hanya leka dengan ni'mat-ni'mat kesenangan itu hingga lupa kepada kewajipan-kewajipan Akhirat. Meni'mati kesenangan hidup dengan cara yang seperti ini merupakan salah satu dari pernyataan melahirkan kesyukuran kepada Allah, menyambut baik limpah kurnia-Nya dan mengambil manfa'at darinya. Perbuatan ini merupakan salah satu dari keta'atan-keta'atan yang dibalas oleh Allah dengan balasan yang baik.

Demikianlah cara sistem hidup Ilahi ini mewujudkan imbangan dan keselarasan di dalam hidup manusia dan membolehkan mereka mencapai kemajuan dan peningkatan rohaniyah yang berterusan dalam masa hidupnya yang biasa dan imbang, iaitu hidup tanpa penafian ni'mat dan tanpa mengabaikan asas-asas kehidupan semulajadi yang biasa.

وَأَحۡسِن كَمَآ أَحۡسَنَ ٱللَّهُ إِلَيۡكَ

"Dan buatlah ihsan sebagaimana Allah telah membuat ihsan kepadamu"(77)

Yakni oleh sebab harta kekayaan itu merupakan pemberian dan ihsan dari Allah, maka hendaklah dibalas dengan ihsan juga, iaitu ihsan dalam ertikata menerima dan menggunakan ni'mat pemberian ini dengan sebaik-baiknya, ihsan dalam ertikata membuat kebajikan dengan ni'mat pemberian itu kepada manusia-manusia yang lain, ihsan dalam ertikata mengelokkan perasaan hati terhadap ni'mat itu dan ihsan dalam ertikata melahirkan kesyukuran dengan sebaik-baiknya.

"Dan janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi"(77)

Iaitu kerosakan dengan berlagak angkuh dan melakukan perbuatan-perbuatan yang zalim,

kerosakan dengan meni'mati kemewahan hidup yang bebas lepas dari bermuraqabah dengan Allah dan mengenangkan kewajipan-kewajipan terhadap Akhirat, kerosakan dengan mengisi hati orang ramai dengan perasaan tidak senang, hasad dengki dan dendam kesumat dan kerosakan dengan membelanjakan harta kekayaan itu ke jalan yang tidak sebenar atau menahankannya sama sekali dari jalannya yang sebenar.

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

"Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang melakukan kerosakan."(77)

Sebagaimana Dia tidak sukakan orang-orang yang terlalu gembira:

Demikianlah orang-orang dari kaum Qarun memberi nasihat kepadanya. Tetapi Qarun hanya menjawab dengan sepatah kata yang mengandungi segala erti kerosakan dan merosakkan orang lain:

قَالَ إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلْمٍ عِندِىٓ

"Berkatalah Qarun: Sesungguhnya aku telah diberikan harta kekayaan itu dengan jasa ilmu pengetahuan yang ada pada aku."(78)

Yakni aku mendapat harta kekayaan ini dengan jasa ilmu pengetahuanku yang telah memudahkan aku mengumpul dan menghasilkannya. Adakah kamu berhak merencanakan kepadaku bagaimana cara hendak mengurus dan mengendalikan harta ini, dan adakah kamu berhak mengawal dan menguasai hak milik peribadiku, sedangkan aku mendapat harta kekayaanku ini dengan tenaga usahaku sendiri dan dengan jasa ilmu pengetahuanku sendiri?

Itulah perkataan orang yang angkuh dan buta mata hatinya. Dia lupakan sumber yang memberi ni'mat kepadanya dan lupakan hikmat pengurniaan ni'mat. Dia telah dipesonakan harta dan telah dibutakan kekayaannya.

Inilah contoh peribadi yang berulang-ulang di dalam masyarakat manusia. Ramai di antara mereka menyangka bahawa ilmu pengetahuan dan usaha tenaga mereka itulah satu-satunya punca kekayaan mereka. Oleh sebab itu dia tidak bertanggungjawab kepada siapa pun terhadap harta kekayaannya yang dibelanja dan yang tidak dibelanjakannya. Dia menyangka tidak akan dihisab tentang harta kekayaan yang dibelanjakannya ke jalan yang rosak dan harta kekayaannya yang dibelanjakan ke jalan yang baik. Dia tidak membuat apa-apa perhitungan dengan Allah dan tidak memikirkan apa-apa tentang kemurkaan dan keredhaan-Nya.

Islam mengakui harta milik peribadi dan mengharga-kan usaha tenaga peribadi yang dicurahkan oleh seseorang untuk mendapatkan harta itu dari saluran-saluran yang halal yang diqanunkannya. Islam tidak memandang kecil dan tidak mengabaikan usaha tenaga peribadi itu, tetapi di dalam waktu yang sama Islam mewajibkan satu peraturan yang tertentu dalam urusan mengendali harta milik peribadi itu sebagaimana ia mewajibkan satu peraturan yang tertentu dalam cara-cara mendapat dan melaburkan harta itu. Islam merupakan satu sistem hidup yang imbang dan selaras. Ia tidak mengharamkan seseorang dari meni'mati hasil usahanya dan tidak pula membiarkannya bebas lepas meni'mati hasil usahanya hingga ke darjat mewah, dan tidak membiarkannya memegang harta itu dengan sewenang-wenang hingga ke darjat kikir. Di samping itu Islam menetap-kan adanya hak-hak orang ramai Islam dalam harta kekayaannya dan mengenakan kawalan terhadap cara-cara mendapat, cara-cara melabur, cara-cara membelanja dan meni'matinya. Islam merupakan satu sistem hidup yang istimewa dan jelas sifat-sifatnya.

Tetapi Qarun tidak mendengar seruan kaumnya. Dia tidak merasa menanggung budi baik Allah itu dan dia tidak mahu mengikut agama Allah yang lurus. Dia menolak semuanya dengan sikap angkuh dan sombong yang amat hina dan keji.

Justeru itulah Qarun diberi amaran sebelum berakhir-nya ayat ini sebagai jawapan terhadap perkataannya yang jahat dan sombong itu:

أَوَلَمْ يَعْلَمْ أَنَّ ٱللَّهَ قَدْ أَهْلَكَ مِن قَبْلِهِۦ مِنَ ٱلْقُرُونِ مَنْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُ قُوَّةً وَأَكْثَرُ جَمْعًا ۚ وَلَا يُسْـَٔلُ عَن ذُنُوبِهِمُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٧٨﴾

"Tidakkah dia (Qarun) mengetahui bahawa Allah telah pun membinasakan dari umat-umat sebelumnya orang-orang yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak jumlah harta kekayaannya? Dan tidaklah perlu ditanya orang-orang yang berdosa itu tentang dosa-dosa mereka."(78)

Maksudnya, jika Qarun merasa cukup kuat dan kaya, maka Allah telah pun membinasakan dari umat-umat sebelumnya orang-orang yang lebih kuat dan lebih kaya darinya lagi. Qarun seharusnya mengetahui hakikat ini, kerana itulah ilmu pengetahuan yang boleh memberi keselamatan kepadanya. Dia seharusnya tahu bahawa dia dan mereka yang sepertinya dari orang-orang yang berdosa itu adalah begitu hina dan kecil di sisi Allah hingga tidak perlu baginya untuk menyoal mereka tentang dosa-dosa mereka, kerana mereka bukannya para pengadil dan bukan pula para saksi.

وَلَا يُسْـَٔلُ عَن ذُنُوبِهِمُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٧٨﴾

"Dan tidaklah perlu ditanya orang-orang yang berdosa itu tentang dosa-dosa mereka."(78)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 79 - 80)

Itulah pemandangan pertama dari pemandangan-pemandangan kisah Qarun. Di dalam pemandangan

ini dapat dilihat dengan jelas sifat-sifat Qarun yang zalim, angkuh, sombong, membelakangi nasihat yang baik, degil dengan perilakunya yang merosakkan, terpesona dengan harta kekayaan, bersikap lupa daratan yang menghalanginya dari bersyukur.

Kemudian tiba pula pemandangan yang kedua, iaitu pemandangan Qarun keluar ke tengah kaumnya dengan pakaian dan perhiasannya yang indah menyebabkan setengah-setengah mereka terpesona dan berangan-angan mendapat kekayaan seperti kekayaannya.

Mereka merasa dia benar-benar seorang yang bernasib baik yang dicita-citakan oleh golongan yang tidak berada, tetapi dalam waktu yang sama juga ada sekumpulan dari mereka yang beriman yang lebih berbangga dengan keimanan mereka dari harta kekayaan, keindahan pakaian dan perhiasan Qarun, lalu mereka mengingatkan saudara-saudara mereka yang terpesona itu dengan penuh keyakinan:

فَخَرَجَ عَلَىٰ قَوۡمِهِۦ فِي زِينَتِهِۦۖ قَالَ ٱلَّذِينَ يُرِيدُونَ
ٱلۡحَيَوٰةَ ٱلدُّنۡيَا يَٰلَيۡتَ لَنَا مِثۡلَ مَآ أُوتِيَ قَٰرُونُ
إِنَّهُۥ لَذُو حَظٍّ عَظِيمٖ ﴿٧٩﴾

وَقَالَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡعِلۡمَ وَيۡلَكُمۡ ثَوَابُ ٱللَّهِ خَيۡرٞ
لِّمَنۡ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحٗاۚ وَلَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا
ٱلصَّٰبِرُونَ ﴿٨٠﴾

"Kemudian Qarun keluar kepada kaumnya dengan perhiasan yang cantik, lalu berkatalah orang-orang yang mahukan (kemewahan) hidup dunia: Moga-moga kita mempunyai harta kekayaan seperti yang diberikan kepada Qarun. Sesungguhnya dia seorang yang amat bernasib baik(79). Dan berkatalah orang-orang yang dikurniakan ilmu: Janganlah kamu berkata begitu! Pahala dari Allah itu adalah lebih baik bagi orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dan tiada siapa yang memperolehinya melainkan orang-orang yang sabar."(80)

Demikianlah sekumpulan dari mereka berdiri di hadapan tarikan kemewahan hidup dunia itu dengan pendirian seorang yang begitu terpesona, kagum, jatuh dan rebah (di hadapannya), sementara sekumpulan lagi berbangga dengan nilai keimanan dan dengan harapan mendapat pahala yang tersimpan di sisi Allah. Di sini bertembunglah nilai harta kekayaan dan nilai keimanan dalam neraca pertimbangan:

قَالَ ٱلَّذِينَ يُرِيدُونَ ٱلۡحَيَوٰةَ ٱلدُّنۡيَا يَٰلَيۡتَ لَنَا
مِثۡلَ مَآ أُوتِيَ قَٰرُونُ إِنَّهُۥ لَذُو حَظٍّ عَظِيمٖ ﴿٧٩﴾

"Lalu berkatalah orang-orang yang mahukan (kemewahan) hidup dunia: Moga-moga kita mempunyai harta kekayaan seperti yang diberikan kepada Qarun. Sesungguhnya dia seorang yang amat bernasib baik."(79)

Mereka Yang Terpesona Dengan Harta Kekayaan

Di setiap zaman dan tempat, perhiasan yang indah itu tetap memikat hati sebahagian manusia. Ia mengkagumkan orang-orang yang cintakan kehidupan dunia, yang tidak mengharapkan sesuatu yang lebih tinggi dan mulia darinya. Oleh sebab itu mereka tidak pernah bertanya sebanyak mana harga yang telah dibayar oleh tuan punya perhiasan yang indah itu untuk mendapatkannya? Apakah cara dia berjaya mendapat harta kekayaan, pangkat, darjat dan sebagainya dari keni'matan-keni'matan hidup dunia itu? Oleh sebab itulah jiwa mereka jatuh dan rebah (di hadapan keni'matan-keni'matan itu) bagaikan lalat-lalat yang menggugurkan dirinya di atas kuih-kuih yang manis. Air liur mereka mengalir apabila melihat keni'matan-keni'matan yang dimiliki orang-orang yang bernasib baik tanpa melihat kepada harga yang amat tinggi yang dibayar mereka, tanpa melihat kepada jalan-jalan kotor yang dilalui mereka dan tanpa memandang kepada cara-cara yang hina yang digunakan mereka.

Tetapi bagi orang-orang yang berhubung dengan Allah, mereka mempunyai neraca yang lain dalam menilaikan kehidupan ini. Di dalam jiwa mereka tersemat nilai-nilai yang lain dari nilai-nilai harta kekayaan, perhiasan yang indah dan keni'matan hidup yang mewah. Mereka mempunyai jiwa yang lebih tinggi dan hati yang lebih besar, dan kerana itu mereka tidak rebah dan gugur dengan hina-dina di hadapan seluruh nilai-nilai kehidupan dunia. Hubungan mereka dengan Allah yang menjadi kebanggaan mereka itu merupakan pelindung yang menyelamatkan mereka dari menghinakan diri di hadapan kebesaran manusia. Mereka inilah **"Orang-orang yang dikurniakan ilmu"** iaitu ilmu yang betul yang dapat digunakan mereka untuk menilaikan kehidupan dunia dengan penilaian yang sebenar:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡعِلۡمَ وَيۡلَكُمۡ ثَوَابُ ٱللَّهِ خَيۡرٞ
لِّمَنۡ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحٗاۚ وَلَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا
ٱلصَّٰبِرُونَ ﴿٨٠﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang dikurniakan ilmu: Janganlah kamu berkata begitu! Pahala dari Allah itu adalah lebih baik bagi orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dan tiada siapa yang memperolehinya melainkan orang-orang yang sabar."(80)

Maksudnya, pahala dari Allah itu lebih baik dari perhiasan yang indah, dan balasan yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dari harta kekayaan yang ada pada Qarun. Kesedaran seperti ini merupakan satu darjat yang tinggi, yang tidak dapat dicapai

melainkan oleh orang-orang yang sabar, iaitu orang-orang yang sabar menghadapi nilai-nilai dan ukuran-ukuran manusia, orang-orang yang sabar menghadapi godaan kemewahan hidup dan orang-orang yang sabar menghadapi penafian dari ni'mat-ni'mat kemewahan yang dicita-cita oleh kebanyakan orang. Ketika Allah mengetahui kesabaran mereka yang seperti ini, maka dia akan mengangkatkan mereka ke darjat yang tinggi itu, iaitu darjat kebanggaan yang memandang rendah kepada segala ni'mat hidup yang ada di bumi dan mengharapkan pahala dari Allah dengan penuh kepercayaan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 81 - 82)

Apabila pengaruh godaan perhiasan yang indah itu sampai ke kemuncaknya, di mana jiwa manusia rebah dan gugur di hadapannya, maka tibalah masa qudrat Ilahi mencampurtangan untuk meletakkan batas yang meng-halangkan godaan itu, untuk melindungi manusia-manusia yang lemah dari terus dipukau olehnya dan untuk menghancur-leburkan keangkuhan dan kesombongan itu. Di sini tibalah pemandangan yang ketiga sebagai pemandangan penamat dan penentu:

فَخَسَفْنَا بِهِۦ وَبِدَارِهِ ٱلْأَرْضَ فَمَا كَانَ لَهُۥ مِن فِئَةٍ يَنصُرُونَهُۥ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُنتَصِرِينَ ﴿٨١﴾

"Lalu Kami benamkannya (Qarun) serta rumahnya ke dalam bumi. Dia tidak mendapat mana-mana kumpulan manusia yang boleh menolongnya dari azab Allah dan tidak pula termasuk dalam golongan orang-orang yang dapat mempertahankan dirinya."(81)

Qarun Dan Harta Kekayaan Ditelan Bumi

Demikianlah dengan ungkapan yang pendek dan dalam sekelip mata sahaja **"kami benamkannya (Qarun) serta rumahnya ke dalam bumi".** Dia dan rumahnya habis ditelan bumi dan kini terbenamlah Qarun di dalam bumi, di mana selama ini ia berlagak angkuh dan melakukan kezaliman di atas permukaannva sebagai satu balasan yang setimpal. Dia hilang ditelan bumi dengan keadaan yang amat lemah, tanpa ditolongi sesiapa pun dan tanpa diselamatkan oleh darjat kebesaran dan harta kekayaannya.

Kini terbenamlah bersama Qarun godaan harta kekayaan yang telah mempengaruhi sebahagian manusia, dan pukulan penamat itu telah menginsafkan mereka kembali kepada Allah dan menghapuskan topeng kelalaian dan kesesatan dari hati mereka. Inilah yang menjadi pemandangan yang akhir.

وَأَصْبَحَ ٱلَّذِينَ تَمَنَّوْا۟ مَكَانَهُۥ بِٱلْأَمْسِ يَقُولُونَ وَيْكَأَنَّ ٱللَّهَ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ وَيَقْدِرُ ۖ لَوْلَآ أَن مَّنَّ ٱللَّهُ عَلَيْنَا لَخَسَفَ بِنَا ۖ وَيْكَأَنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨٢﴾

"Dan jadilah orang-orang yang kelmarin bercita-cita mendapat kedudukan Qarun itu berkata: Aduhai ketahuilah! Allah melapangkan rezeki kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya dan Dialah juga yang menyempit-kannya. Kalaulah tidak kerana Allah mengurniakan (keimanan) kepada kita tentulah juga Dia benamkan kita di dalam bumi. Aduhai ketahuilah! Orang-orang yang kafir itu tidak akan beruntung."(82)

Kekayaan Bukan Melambangkan Keredhaan Allah

Mereka bersyukur kepada Allah kerana tidak memperkenankan permintaan yang diangan-angan mereka kelmarin dan tidak mengurniakan kepada mereka harta kekayaan seperti yang telah dikurniakan kepada Qarun. Kini sedarlah mereka bahawa kekayaan itu bukannya tanda keredhaan Allah, kerana Allah melapangkan rezeki kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya dari para hamba-Nya dan menyempitkannya dengan sebab-sebab yang lain dari sebab-sebab keredhaan dan kemurkaan. Andainya kekayaan merupakan alamat dari keredhaan Allah tentulah Qarun tidak dibinasakannya dengan cara yang amat dahsyat dan keras itu. Malah sebenarnya kekayaan itu hanya suatu ujian yang mungkin diiringi oleh malapetaka, dan kini tahulah mereka bahawa orang-orang yang kafir itu tidak akan beruntung. Walaupun Qarun tidak mengeluarkan kata-kata kufur dengan terus terang, tetapi sikap Qarun yang terlalu bangga dengan harta kekayaannya dan perbuatannya yang telah menghubungkan kekayaannya dengan sebab ilmu pengetahuan yang dimilikinya itu telah membuat mereka memasukkan Qarun ke dalam golongan orang-orang kafir dan membuat mereka memandang jenis kebinasaan yang menimpanya sebagai jenis kebinasaan yang ditimpakan ke atas orang-orang kafir.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 83 - 84)

Kemudian tirai dilabuhkan menutup pemandangan ini dan kini hati orang-orang yang beriman telah mendapat kemenangan dengan sebab campurtangan qudrat Allah yang terus terang, yang telah mengangkatkan nilai iman di dalam daun neraca pertimbangan yang sebenar, kemudian Al-Qur'an mengemukakan ulasan tepat pada waktunya yang amat sesuai:

تِلْكَ ٱلدَّارُ ٱلْءَاخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا ۚ وَٱلْعَٰقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٨٣﴾

"Itulah negeri Akhirat yang Kami peruntukkannya kepada orang-orang yang tidak mahu menunjukkan kesombongan

di bumi dan tidak melakukan kerosakan, dan kesudahan yang baik itu adalah untuk orang-orang yang bertaqwa."(83)

Maksudnya, itulah negeri Akhirat yang telah diperkatakan oleh orang-orang yang telah dikurniakan ilmu yang sebenar iaitu ilmu yang dapat menilaikan segala sesuatu dengan nilainya yang sebenar, itulah negeri Akhirat yang tinggi darjatnya dan amat jauh ufuk-ufuknya, dan itulah negeri Akhirat yang "**Kami peruntukkannya kepada orang-orang yang tidak mahu menunjukkan kesombongan di bumi dan tidak melakukan kerosakan**". Di dalam hati mereka tidak terlintas fikiran untuk berbangga-bangga dengan diri sendiri dan kebolehan-kebolehannya, malah perasaan itu hilang dari hati mereka kerana dipenuhi kesedaran terhadap Allah dan terhadap sistem hidup yang diatur oleh-Nya. Itulah orang-orang yang tidak memberi apa-apa nilaian kebanggaan kepada kehidupan dunia ini, kepada mata bendanya, kepada nilai-nilai dan ukuran-ukurannya, juga tidak ingin melaku-kan apa-apa kerosakan. Merekalah orang-orang yang di-peruntukkan Allah negeri Akhirat kepada mereka, dan itulah negeri yang amat tinggi dan luhur.

"Dan kesudahan yang baik itu adalah untuk orang-orang yang bertaqwa" yang sentiasa takut kepada Allah, sentiasa bermuraqabah dengan-Nya, juga sentiasa menjauhkan diri dari kemurkaan-Nya dan sentiasa mencari keredhaan-Nya.

Dan di negeri Akhirat itulah dijatuhkan balasan yang telah ditetapkan Allah kepada diri-Nya, iaitu amalan kebajikan dibalas dengan kebajikan yang berganda-ganda dan dengan pahala yang lebih baik darinya, tetapi amalan kejahatan hanya dibalas dengan balasan yang setimpal sahaja kerana kasihan belas terhadap kelemahan-kelemahan manusia dan kerana memberi keringanan kepada mereka:

مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ خَيْرٌ مِّنْهَا ۖ وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ
فَلَا يُجْزَى ٱلَّذِينَ عَمِلُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ إِلَّا مَا كَانُوا۟
يَعْمَلُونَ ﴿٨٤﴾

"Siapa yang datang membawa amalan yang baik (pada hari Qiamat), maka dia akan memperolehi balasan yang lebih baik dari-Nya, dan siapa yang datang membawa amalan yang jahat, maka orang-orang yang melakukan kejahatan-kejahatan itu tidaklah dibalas melainkan hanya mengikut kadar kejahatan yang dilakukannya sahaja."(84)

(Kumpulan ayat-ayat 85 - 88)

إِنَّ ٱلَّذِى فَرَضَ عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ لَرَآدُّكَ إِلَىٰ مَعَادٍ ۚ
قُل رَّبِّىٓ أَعْلَمُ مَن جَآءَ بِٱلْهُدَىٰ وَمَنْ هُوَ فِى ضَلَٰلٍ
مُّبِينٍ ﴿٨٥﴾

وَمَا كُنتَ تَرْجُوٓا۟ أَن يُلْقَىٰٓ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبُ إِلَّا رَحْمَةً
مِّن رَّبِّكَ ۖ فَلَا تَكُونَنَّ ظَهِيرًا لِّلْكَٰفِرِينَ ﴿٨٦﴾
وَلَا يَصُدُّنَّكَ عَنْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بَعْدَ إِذْ أُنزِلَتْ إِلَيْكَ ۖ
وَٱدْعُ إِلَىٰ رَبِّكَ ۖ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٨٧﴾
وَلَا تَدْعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ ۘ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ كُلُّ شَىْءٍ
هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُۥ ۚ لَهُ ٱلْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٨٨﴾

"Sesungguhnya Allah yang telah mewajibkan ke atasmu (menyampaikan) Al-Qur'an itu akan mengembalikan engkau semula ke tempat kepulangan (mu). Katakanlah: Tuhanku amat mengetahui siapakah yang membawa hidayat dan siapakah yang berada di dalam kesesatan yang amat nyata?(85). Dan engkau tidak pernah meng-harapkan kitab Al-Qur'an itu diturunkan kepadamu, tetapi (ia diturunkan) semata-mata kerana limpah rahmat dari Tuhanmu. Oleh kerana itu, janganlah sekali-kali engkau menjadi penyokong kepada orang-orang kafir(86). Dan janganlah sekali-kali mereka menghalangkan engkau dari (menyampaikan) ayat-ayat Allah sesudah diturunkan kepadamu, dan serulah mereka kepada Tuhanmu, dan janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang mempersekutukan Allah(87). Dan janganlah engkau sembah di samping Allah mana-mana tuhan yang lain. Tiada tuhan melainkan Dia. Segala sesuatu itu adalah binasa belaka kecuali Allah. Dialah yang memiliki (teraju) keputusan dan kepada-Nyalah kamu kelak dikembalikan."(88).

Kini sesudah berakhirnya kisah-kisah itu dengan ulasan-ulasannya secara langsung, maka Al-Qur'an meng-hadapkan firman-Nya kepada Rasulullah s.a.w. yang telah meninggalkan di belakangnya sebilangan kecil orang-orang Islam yang ada di Makkah pada hari itu. Beliau kini diusir dari negeri (tumpah darahnya) dan diburu dari kaumnya. Beliau kini sedang di dalam perjalanan menuju ke Madinah dan belum lagi tiba di sana. Beliau kini masih berada di Juhfah yang berhampiran dengan Makkah dan berhampiran dengan bahaya. Hatinya dan matanya masih terlekat dengan negeri (tumpah darahnya) yang dicintainya. Beliau merasa sukar untuk berpisah darinya andainya tidak beliau fikirkan bahawa da'wahnya itu lebih dicintai beliau dari negeri (tumpah darahnya) negeri tempat perkembangan masa mudanya, tempat buaian kenang-kenangannya dan tempat tinggal kaum keluarganya. Al-Qur'an tujukan firman berikut kepada Rasulullah s.a.w. yang sedang berada dalam keadaan itu:

إِنَّ ٱلَّذِى فَرَضَ عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ لَرَآدُّكَ إِلَىٰ مَعَادٍ ۚ
قُل رَّبِّىٓ أَعْلَمُ مَن جَآءَ بِٱلْهُدَىٰ وَمَنْ هُوَ فِى ضَلَٰلٍ

مُّبِينٖ ﴿٨٥﴾

"Sesungguhnya Allah yang telah mewajibkan ke atasmu (menyampaikan) Al-Qur'an itu akan mengembalikan engkau semula ke tempat kepulangan (mu). Katakanlah: Tuhanku amat mengetahui siapakah yang membawa hidayat dan siapakah yang berada di dalam kesesatan yang amat nyata?"(85)

Rasulullah Dijanjikan Pulang Kembali Ke Makkah

Maksudnya, Allah tidak sekali-kali akan membiarkan engkau begitu sahaja kepada kaum Musyrikin, sedangkan Dia telah mewajibkan engkau menyampaikan Al-Qur'an dan da'wah-Nya. Allah tidak sekali-kali akan membiarkan engkau begitu sahaja kepada kaum Musyrikin yang mengusirmu dari negeri tumpah darahmu yang tercinta, dan bertindak sewenang-wenang terhadapmu dan terhadap da'wahmu serta menindas orang-orang yang beriman yang ada di sekelilingmu, tetapi Allah yang telah mewajibkan engkau menyampaikan Al-Qur'an itu akan tetap menolongmu pada masa yang telah ditentukan-Nya. Pada hari ini engkau diusir keluar dari negerimu dan diburu, tetapi besok engkau akan diberi pertolongan pulang kepada-Nya (membawa kemenangan).

Demikianlah kehendak hikmat kebijaksanaan Allah menurunkan janji yang kuat ini dalam masa yang gawat itu agar Nabi s.a.w. meneruskan perjalanannya dengan aman dan penuh keyakinan, iaitu yakin kepada janji Allah yang diketahuinya amat benar dan tidak pernah diraguinya walaupun sesa'at.

Sesungguhnya janji Allah itu tetap dikotakan kepada setiap mereka yang berjalan dijalan-Nya. Tiada seorang pun yang ditindas kerana perjuangan Sabilullah, kemudian dia bersabar dan terus yakin, melainkan pada akhirnya dia akan tetap ditolongi Allah dalam menghadapi kezaliman itu dan Allah akan mengambil alih teraju perjuangan itu dari tangan-nya apabila dia berjuang dengan mengorbankan segala apa yang ada di dalam lingkungan kemampuan dan keupayaan-nya dan apabila dia melaksanakan tugas-tugas yang terpikul di atas bahunya dan apabila dia menunaikan segala kewajipannya.

"Sesungguhnya Allah yang telah mewajibkan ke atasmu (menyampaikan) Al-Qur'an itu akan mengembalikan engkau semula ke tempat kepulangan (mu)", sebelum ini Allah telah pun mengembalikan Nabi Musa a.s. ke negeri tumpah darahnya, yang telah ditinggalkannya kerana melarikan diri dari buruan Fir'aun. Dia telah mengembalikan Musa ke negerinya dan dengannya dia menyelamatkan kaumnya yang tertindas dan dengannya dia menghancurkan Fir'aun dan kaumnya. Akibat yang baik itu tetap diperolehi oleh orang-orang yang menerima hidayat. Oleh itu teruskanlah perjalananmu dan tinggalkan sahaja urusan penentuan di antaramu dan kaummu itu kepada Allah yang telah mewajibkan ke atasmu (menyampaikan) Al-Qur'an itu.

قُل رَّبِّيٓ أَعۡلَمُ مَن جَآءَ بِٱلۡهُدَىٰ وَمَنۡ هُوَ فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ﴿٨٥﴾

"Katakanlah: Tuhanku amat mengetahui siapakah yang membawa hidayat dan siapakah yang berada di dalam kesesatan yang amat nyata?"(85)

Tinggalkan sahaja urusan ini kepada Allah. Dialah yang akan menentukan balasan kepada orang-orang yang menerima hidayat dan orang-orang yang sesat.

Tugas penyampaian Al-Qur'an yang diwajibkan ke atasmu itu tidak lain melainkan hanya suatu ni'mat dan rahmat yang dikurniakan kepadamu sahaja, kerana sebelum ini tidak pernah terlintas di dalam hatimu bahawa engkaulah orang yang akan dipilih Allah, untuk memikul amanah ini. Ia merupakan satu kedudukan yang amat besar yang tidak pernah diangan-angankan oleh engkau sebelum ia dikurniakan kepadamu:

وَمَا كُنتَ تَرۡجُوٓاْ أَن يُلۡقَىٰٓ إِلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبُ إِلَّا رَحۡمَةٗ مِّن رَّبِّكَۖ

"Dan engkau tidak pernah mengharapkan kitab Al-Qur'an itu diturunkan kepadamu, tetapi (ia diturunkan) semata-mata kerana limpah rahmat dari Tuhanmu."(86)

Rasulullah Tidak Pernah Berangan-angan Menjadi Rasul

Ini adalah suatu keterangan yang amat jelas bahawa Rasulullah s.a.w. tidak pernah berangan-angan untuk menjadi Rasul, malah kerasulannya itu adalah dari pilihan Allah semata-mata, kerana Dialah yang mencipta dan memilih apa sahaja yang dikehendaki-Nya, kerana maqam kerasulan ini terlalu tinggi untuk difikirkan seseorang manusia sebelum dia dipilih oleh Allah dan sebelum dia dilengkapkan dengan kelayakan-kelayakan untuk mendaki ke maqam itu. Kerasulan itu merupakan limpah rahmat dari Allah untuk nabi-Nya dan untuk umat manusia. Dialah yang memilih beliau untuk memberi hidayat kepada mereka dengan risalah ini. Maqam kerasulan itu merupakan limpah rahmat yang dikurniakan kepada orang-orang yang dipilih Allah bukan kepada orang-orang yang berangan-angan mendapatkannya.

"Oleh kerana itu, janganlah sekali-kali engkau menjadi penyokong kepada orang-orang kafir."(86)

وَلَا يَصُدُّنَّكَ عَنۡ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بَعۡدَ إِذۡ أُنزِلَتۡ إِلَيۡكَۖ وَٱدۡعُ إِلَىٰ رَبِّكَۖ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ﴿٨٧﴾

وَلَا تَدْعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُۥ لَهُ ٱلْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ٨٨

"Dan janganlah sekali-kali mereka menghalangkan engkau dari (menyampaikan) ayat-ayat Allah sesudah diturunkan kepadamu, dan serulah mereka kepada Tuhanmu dan janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang mempersekutukan Allah(87). Dan janganlah engkau sembah di samping Allah mana-mana tuhan yang lain. Tiada tuhan melainkan Dia. Segala sesuatu itu adalah binasa belaka kecuali Allah. Dialah yang memiliki (teraju) keputusan dan kepada-Nyalah kamu kelak dikembalikan."(88)

Dasar-dasar Da'wah Yang Teguh

Itulah nada kenyataan yang akhir surah ini, iaitu kenyataan yang memisahkan hubungan di antara Rasul dan jalan da'wahnya dengan jalan kekufuran dan kesyirikan. Dan ia juga menjelaskan kepada para pengikut Rasulullah s.a.w. jalan agama mereka sehingga hari Qiamat. Itulah nada kenyataan yang akhir yang disampaikan kepada Rasulullah s.a.w. semasa beliau berada di dalam perjalanan hijrahnya, yang memisahkan di antara dua zaman yang berlainan dari zaman-zaman yang bersejarah itu.

"Oleh kerana itu janganlah sekali-kali engkau menjadi penyokong kepada orang-orang kafir" kerana tidak seharusnya ada kerjasama atau saling membantu di antara para Mu'minin dengan orang-orang kafir. Jalan dan cara hidup kedua-dua golongan itu adalah berlain-lainan. Golongan Mu'minin merupakan Hizbullah, sedangkan golongan kafir merupakan Hizbusy-syaitan. Oleh itu, bagaimana dan untuk apa kedua-duanya mahu bekerjasama?

"Dan janganlah sekali-kali mereka menghalangkan engkau dari (menyampaikan) ayat-ayat Allah sesudah diturunkan kepadamu". Jalan orang-orang kafir selama-lamanya ialah menghalangkan penda'wah-penda'wah dari menyampaikan da'wah mereka dengan menggunakan bermacam-macam cara dan sarana, sedangkan jalan orang-orang yang beriman ialah meneruskan perjalanan agama mereka tanpa menghiraukan gugatan para penghalang. Mereka tidak seharusnya dihalangkan musuh-musuh mereka dari agama mereka, sedangkan di hadapan mereka terletak ayat-ayat Allah yang diamanahkan kepada mereka.

"Dan serulah mereka kepada Tuhanmu" iaitu da'wah yang bersih dan jelas, tidak ada sebarang kesamaran dan kekeliruan, iaitu da'wah kepada Allah bukan kepada perkauman dan bukan pula kepada 'asabiyah, bukan kerana negeri, bukan kerana bendera, bukan kerana kepentingan diri dan bukan kerana keuntungan dunia dan bukan kerana memenuhi keinginan hawa nafsu. Barang siapa yang ingin mengikut da'wah ini dalam bentuknya yang bersih dari tujuan-tujuan yang lain, maka silalah ikutinya dan barang siapa yang menghendaki sesuatu tujuan yang lain di samping da'wah itu, maka ini bukanlah jalan untuknya.

"Dan janganlah sekali-kali engkau termasuk di dalam golongan orang-orang yang mempersekutukan Allah dan janganlah engkau sembah di samping Allah mana-mana tuhan yang lain," dasar ini ditegaskan sebanyak dua kali. Sekali dengan melarangkan perbuatan syirik dan sekali lagi dengan melarangkan amalan menyembah Tuhan yang lain di samping Allah, kerana di sinilah letaknya persimpangan jalan yang memisahkan di antara jalan yang bersih dan jelas dengan jalan yang keliru dan samar-samar. Di atas dasar inilah ditegakkan seluruh 'aqidah Islam, adab-adab dan aturannya, akhlak-akhlaknya, tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang diatur olehnya dan seluruh peraturan dan undang-undangnya. Ia merupakan paksi di mana berlegarnya, segala bimbingan dan perundangan. Oleh sebab itulah dasar ini disebut sebelum segala bimbingan dan perundangan.

Kemudian Al-Qur'an meneruskan lagi penegasan dan penjelasannya **"Tiada Tuhan melainkan Dia (Allah)"** segala sesuatu itu adalah binasa belaka kecuali Allah... **"Dialah yang memiliki (teraju) keputusan..." "dan kepada-Nyalah kamu kelak dikembalikan."**

"Tiada tuhan melainkan Dia" Justeru itu tiada penyerahan diri melainkan kepada Allah dan tiada perhambaan diri melainkan kepada Allah, tiada kekuatan yang lain melainkan kekuatan-Nya dan tiada tempat perlindungan yang lain melainkan naungan-Nya.

"Segala sesuatu itu adalah binasa belaka kecuali Allah", oleh kerana itu segala sesuatu itu berakhir musnah dan hilang. Harta kekayaan, pangkat kebesaran, kuasa dan kekuatan, hayat dan keni'matan hidup, bumi dengan segala penghuninya, langit dengan segala isi dan penghuninya, alam buana seluruhnya sama ada yang telah diketahui kita atau yang belum diketahui kita adalah semuanya berakhir dengan musnah dan binasa. Tiada yang tinggal kekal melainkan hanya Allah Yang Maha Kekal dan Maha Esa dengan sifat kekal.

"Dialah yang memiliki (teraju) keputusan" yakni Dialah yang membuat keputusan dan penentuan mengikut apa dan bagaimana yang dikehendaki-Nya. Tiada siapa pun yang berkongsi keputusan dan penentuan dengan-Nya dan tiada siapa pun yang berkuasa menolak keputusan-Nya dan tiada sesuatu pun yang berkuasa mengganggu urusan-Nya. Hanya apa yang dikehendaki Allah sahaja yang wujud dan tiada yang lain dari-Nya.

"Dan kepada-Nyalah kamu kelak dikembalikan", oleh kerana itu tiada jalan yang dapat

melarikan diri dari hukuman dan keputusan-Nya dan tiada tempat perlindungan dan tiada tempat lari dari-Nya.

******

Demikianlah ditamatkan surah ini, di mana dapat dilihat campurtangan qudrat Ilahi yang terbuka mengawasi dan melindungi da'wah Allah, iaitu campurtangan yang menghancur dan menghapuskan kekuatan-kekuatan dan kuasa-kuasa yang zalim dan bermaharajalela. Ia ditamatkan dengan menjelaskan dasar yang menjadi tapak asas da'wah, iaitu dasar tauhid atau keesaan Allah S.W.T., dasar ketungggalan-Nya dengan sifat Uluhiyah dan baqa', dan dasar ketunggalan-Nya memegang teraju penentuan dan keputusan supaya para penda'wah dapat meneruskan perjalanan (dan perjuangan) mereka dengan bersuluhkan hidayat dan dengan penuh keyakinan dan kepercayaan.

******